



**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
**PARLIAMENTARY DEBATES**

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KETIGA**  
*Third Session*

**KANDUNGANNYA**

**MENGANGKATSUMPAH:**

Dato' Dr K. S. Nijhar [Ruangan 3041]

**PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Mengalu-alukan Ahli Baru [Ruangan 3041]

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
[Ruangan 3041]

**USUL:**

Waktu Mesyuarat dan Urusan yang dibebaskan daripada Peraturan Mesyuarat dan Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 3103]

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Telekomunikasi (Pindaan) [Ruangan 3104]

Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti)  
[Ruangan 3125]

Rang Undang-undang Pencen (Pindaan) [Ruangan 3153]

**PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Ben Stephens, P.S.M. S.P.D.K., B.E.M. (Dilantik),

- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato Dr. Mohamad Yusof bin Haji Mohamad Noor, J.M.N., S.M.T., P.P.T (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Abang Haji Ahmad Urai bin Datu Hakim Abang Haji Mohiddeen (Sarawak)
- ” Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman (Dilantik)
- ” Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim, S.M.S., K.M.N., P.I.S (Dilantik)
- ” Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif (Dilantik)
- ” Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar, A.M.N. (Dilantik^)
- ” Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, P.C.M. (Dilantik;
- ” Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim (Dilantik)
- ” Tuan Ahmad bin Othman, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K (Kedah)
- ” Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said (Dilantik)
- ” Tuan Bee Yang Sek (Kedah)
- ” Tuan Fadzil bin Mahmood, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” Puan Hajjah Habibah binti Abdul Ghani, K.M.N., A.M.P. A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” Tuan Harun bin Hassan (Terengganu)
- ” Puan Hasanah binti Haji Mohd. Kassim @ Hasanah Fatimah binti Haji Mohd. Kassim, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” Tuan Hassan bin Nam (Dilantik)
- ” Tuan Haji Hussein bin Ahmad (Dilantik)
- ” Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang (Negeri Sembilan)
- ” Datuk Ishak bin Abdul Rahman, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K (Pulau Pinang)

Yang Berhormat. Tan Sri Ismail Khan, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik,

Tuan Jaafar bin Harun (Dilantik)

Datuk James Bernard Willie, P.G.D.K. (Sabah)

Puan Sri Janaki Athi Nahappan, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Dato Kamaruzaman bin Ahmad (Dilantik)

Tuan Kenneth Kenyan Anak Temenggong Koh, K.M.N., J.B..S. (Sarawak)

Dato Khoo Kay Por, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)

Tuan Kuan Peng Soon @ Kuan Peng Ching (Perak)

Dato K. Kumaran, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P., P.P.T. J.P. (Dilantik)

Tuan Lim Kean Siew (Dilantik)

Cik Lim Sean Lean @ Lim Hiang Nai, K.M.N.-(Dilantik)

Datuk Loh Fook Yen, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)

Tuan Loo Swee Mok, A.M.N., P.P.N. (Pahang)

Tuan Haji Mohamed bin Yahya, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)

Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)

Tuan Haji Mohd. Noor bin Haji Abdullah (Kelantan)

Tuan Mohd. Noor bin Bedah, P.J.K., P.J.B. (Perlis)

Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim (Perak)

Tuan Mohd. Yusoff @ Yusof Haji Md. Nor (Kelantan)

Tuan Nasir bin Haji Manap, A.M.N., P.J.K. (Melaka)

Puan Nen Abidah binti Abdullah, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)

Tuan Ng Ah Poi, P.P.N., J.P. (Melaka)

Dato Dr. K.S. Nijhar (Dilantik)

Tuan M.G. Pandithan (Selangor)

Tuan Paramjit Singh (Dilantik)

Dato G. Pasamanickam, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)

Puan Rokiah @ Maimun binti Zainuddin, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Tan Sri C. Selvarajah, P.S.M. (Dilantik)

Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)

Yang Berhormat Tuan A. Shaik Dawood Abu Bakar @ A.S. Dawood, (Dilantik)

Tuan Stephen Timothy Wan Ullok (Dilantik)

Tuan Haji Shuaib bin Lazim (Dilantik)

Tuan Tan Chang Soong, A.M.N. (Dilantik)

Tuan Tay Chee King, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)

Tuan Tiong Hiew King (Dilantik)

Tuan Wong Yau Ket (Sabah)

Dato<sup>1</sup> Haji Zakaria bin Haji Yahya (Selangor)

## **DEWAN NEGARA**

### **PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### **BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN**

Ketua Penyunting: Yahya Manap

Penyunting Kanan: P. B. Menon

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad

#### *Pemberita-Pemberita*

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suhor bin Husin

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### **BENTARA MESYUARAT**

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**

**Jumaat, 2hb Ogos, 1985**

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang*

**DOA**

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*  
*Mesyuarat*)

**MENGANGKAT SUMPAAH**

Ahli Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini telah mengangkat Sumpah seperti yang disebutkan dalam Perlembagaan:

Dato' Dr K.S. Nijhar.

**PENGUMUMAN TUAN YANG  
DI-PERTUA**

**Mengalu-alukan Ahli Baru**

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mengucapkan selamat datang dan tahniah kepada Ahli Yang Berhormat yang baru sahaja mengangkat Sumpah sebentar tadi. Saya berharap semoga Ahli yang baru dilantik itu dapat memberikan sumbangan yang berguna dan berfaedah kepada Dewan ini dan kepada negara seterusnya dan semoga beliau dapat berkhidmat dengan ceterlangnya.

**JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**JAMBATAN DI PULAU PINANG**

**1. Dato Kamaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Kerjaraya menyatakan sama ada Jambatan raksaksa di Pulau Pinang telah diberi nama yang sesuai dan jika belum sama ada beliau akan mengkaji untuk menamakan jambatan itu Jambatan Nasional memandangkan Kerajaan Barisan Nasionallah yang bertanggungjawab ke atas kejayaan projek tersebut.

**Timbalan Menteri Kerjaraya (Dato Zainal Abidin bin Zin):** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan belum lagi memutuskan tentang nama yang akan diberikan kepada jambatan yang menghubungkan Tanah Besar Semenanjung dengan Pulau Pinang yang telah siap dibina.

Sudah menjadi pengetahuan umum bahawa banyak cadangan untuk menamakan jambatan ini daripada rakyat dan daripada orang individu, termasuk Ahli Yang Berhormat ini. Kerajaan akan memutuskan nama jambatan ini tidak lama lagi dan saya percaya cadangan daripada Yang Berhormat ini juga akan dikemukakan kepada Jemaah Menteri.

**Tuan Jaafar bin Harun:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan berhubung dengan Jambatan Pulau Pinang ini, iaitu berapakah perbelanjaan membina jambatan ini dan bila dimulakan dan bila tarikhnya telah siap sempurna dan berapa ramai kontraknya, siapa "hama kontraknya yang menyudahkan jambatan ini?"

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, perbelanjaan keseluruhan jambatan ini termasuk pengambilan balik tanah, menebus guna tanah dan mengadakan 'landscaping' di Seberang Perai dan di Pulau Pinang menelan belanja lebih kurang \$1.2 billion.

Kontrak yang membina jambatan ini ialah kontrak daripada Korea, 'Hyundai', kalau tidak silap saya.

Saya tidak tahu bilangan pekerja-pekerja yang terlibat dengan pembinaan jambatan ini, tetapi saya yakin bilangannya adalah banyak, termasuk bilangan yang banyak daripada rakyat tempatan.

Jambatan ini telah dibina pada dua tahun lepas dan sepatutnya saya percaya jambatan ini telah siap kerana pada esok hari jam 8.00 pagi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan melalui jambatan ini dengan menaiki kereta nasional Proton Saga.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang diPertua. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bilamana Jambatan "Pulau Pinang ini telah siap digunakan, adakah perkhidmatan feri di Pulau Pinang ini akan terjejas bilamana-tol yang akan dipungut itu lebih murah daripada pengangkutan kos mengangkut kenderaan menggunakan feri. Adakah dalam jangka panjang itu nanti perkhidmatan feri menyeberangi ke Seberang Perai itu tidak akan digunakan lagi?

Soalan saya yang kedua, Tuan Yang diPertua, oleh kerana Proton Saga adalah kereta yang pertama dengan rasminya digunakan menyeberang jambatan ini, kenapa tidak digunakan sahaja nama jambatan itu sebagai "Jambatan Saga"?

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak dapat membawa kedua-dua cadangan ini kerana cadangan 'saga' ini merupakan cadangan yang terbaru sekali hari ini, dan oleh sebab kita telah menggunakan 'saga' ini kepada kereta nasional kita Proton Saga, saya rasa saya tidak dapat kemukakan nama 'saga' ini sebagai Jambatan Saga. Lagipun saga ini merah, nanti mereka kata Jambatan Merah.

Soalan yang awal saya minta Yang Berhormat ulangkan.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Oleh kerana perkhidmatan jambatan ini ....

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Ya, terima kasih. Itu saya dapat baca balik.

Apa yang telah dimaklurkan bahawa kita akan mengenakan bayaran tol sama dengan bayaran feri dan dengan itu tidaklah menjadi kewajipan kepada saya untuk menerangkan

kepada Dewan ini sama ada feri akan diberhentikan ataupun tidak. Tetapi saya percaya bahawa feri akan diteruskan walaupun jambatan ini akan dibuka kepada umum pada bulan September nanti.

## BURUH DI BIDANG PENANAMAN PADI

**2. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada benar bahawa Kerajaan kita kekurangan buruh dalam bidang penanaman padi dan akan mengimport buruh dari Bangladesh, jika benar, berapa ramai pula jumlahnya dan bagaimana pula syarat-syarat yang dikenakan kepada mereka itu.

**Timbalan Menteri Buruh (Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman)** Tuan Yang di-Pertua, daripada beberapa kajian yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian sektor penanaman padi ada mengalami kekurangan buruh pada masa-masa yang lampau. Walau bagaimanapun, kekurangan buruh di sektor ini telah dapat diatasi dengan berbagai-bagai cara termasuk penggunaan jentera moden dan teknik-teknik baru bagi aktiviti-aktiviti yang biasanya banyak menggunakan tenaga buruh.

Oleh yang demikian, pada masa ini Kerajaan tidak ada cadangan untuk mengambil buruh dari Bangladesh khusus bagi sektor penanaman padi.

**Dato' G. Pasamanickam:** Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu sama ada kekurangan pekerja ini wujud hanya di sektor penanaman padi sahajakah atau ada sektor-sektor yang lain?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang selalu diperkatakan bahawa kekurangan tenaga pekerja dalam negara kita terdapat di beberapa sektor pekerjaan terutama sekali sektor perladangan, kedua sektor binaan dan lain-lain sektor pertanian. Inilah terdapat kekurangan yang agak ketara pada masa ini.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya daripada segi penggunaan jentera moden oleh penanam-penanam padi kita, adakah jentera moden yang

digunakan untuk menanam padi sekali ataupun jentera moden ini hanya digunakan waktu menuai padi sahaja kerana kalau di negeri Barat kita lihat sedangkan menanam pokok tomato itu sendiripun menggunakan jentera yang mana mereka boleh menanam di antara 3 juta pokok dalam sehari dengan menggunakan jentera. Adakah kita "menggunakan jentera, padi kita setelah disemai kita akan masukkan dalam jentera itu dan kita boleh menggunakan mesin terus menanam ataupun kita menggunakan secara tabur. Yang mana di antara kedua ini yang digunakan oleh petani-petani kita pada masa sekarang?

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, sebagai yang kita semua juga maklum bahawa penggunaan jentera dan teknik-teknik moden di dalam penanaman padi adalah pada masa ini digunakan di semua peringkat. Di peringkat penanaman umpamanya jentera-jentera pembajak digunakan untuk tenggala tanah dan juga ada pihak-pihak seperti MARDI dan lain-lain, telah mencuba menggunakan jentera bagi menyemai anak-anak padi. Pada masa ini juga teknik tabur terus, satu teknik moden, digunakan di dalam penanaman padi di mana benih-benih padi ditabur terus ke bendang-bendang.

Begitu juga pada peringkat penjagaannya, penggunaan alat-alat moden, menggunakan racun-racun serangga, baja dan sebagainya. Demikianlah juga pada peringkat penuaiannya iaitu jentera-jentera penuai juga digunakan pada masa itu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.3.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, dengan izin, soalan No.3.

### PERADUAN THE WILD GAMES' BAGI MURID-MURID

**3. Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar (di bawah S.O. 23 (2))** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar bahawa bukan murid-murid membuang masa dan wang ringgit untuk menyertai peraduan The Wild Games malahan guru-guru juga terlibat, dan jika sedar, nyatakan tindakan beliau akan ambil untuk mengharamkan perjudian 'The Wild Games' ini.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Bujang bin Haji Ulis):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran memang megetahui berlakunya permainan The Wild Games' di beberapa buah sekolah. Pihak Jabatan Pelajaran Negeri telah mengarahkan supaya sekolah berkenaan memberhentikan permainan ini. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian Pelajaran akan terus mengawasi supaya permainan ini tidak berlaku di sekolah-sekolah lain.

### INDUSTRI PELANCONGAN OLEH SWASTA

**4. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- (a) Projek-projek Kerajaan yang telah dan sedang dirancang untuk membangunkan kawasan-kawasan pelancongan di negara ini; dan
- (b) bagaimana projek-projek ini dilaksanakan dan sama ada ianya diusahakan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau ditawarkan kepada kontraktor asing atau tempatan.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Muhuyiddin bin Haji Mohd. Yassin):** Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Industri pelancongan di negara ini adalah sebuah industri yang boleh dikatakan 'baru' dan kebanyakan pembangunan di dalam industri ini adalah dipelopori oleh sektor swasta. Penglibatan Kerajaan di dalam industri ini



adalah melalui agensi-agensi seperti Perbadanan Kemajuan Pelancongan, Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, KEJORA dan UDA.

Perbadanan Kemajuan Pelancongan telahpun membangunkan beberapa kawasan di Pantai Timur seperti Hotel Tanjong Jara dan Pusat Pelawat Rantau Abang dan Motel Desa di Kuala Terengganu serta Club Mediterranean di Kuantan, Pahang. Di Pantai Barat Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah membangunkan Hotel Langkawi Country Club. Penglibatan Kerajaan di dalam pembangunan pelancongan di kawasan-kawasan ini adalah bertujuan untuk membangunkan kawasan-kawasan yang kurang maju tetapi mempunyai potensi dalam bidang pelancongan. Ia juga bertujuan menarik dan menyakinkan pelabur-pelabur swasta ke kawasan-kawasan tersebut untuk membangunkan kemudahan-kemudahan infrastruktur serta menyebarkan lagi faedah-faedah pelancongan ke kawasan-kawasan berkenaan.

Selain dari itu Perbadanan Kemajuan Pelancongan telah juga membantu di dalam membangunkan tempat-tempat tumpuan pelancongan seperti Medan Portugis di Melaka. Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri pula telah membangunkan beberapa hotel seperti Hotel Perdana, di Kelantan, Hotel Pantai Primula di Kuala Terengganu, Hotel Tanjong Bidara di Melaka sementara Kompleks Pelancongan Desaru dibangunkan oleh KEJORA.

Untuk memastikan perkembangan industri pelancongan dapat dilaksanakan dengan berkesan, Perbadanan Kemajuan Pelancongan telahpun melaksanakan kajian-kajian induk pelancongan (tourism masterplan study) dan telah mengenal tentu beberapa

kawasan yang mempunyai potensi untuk membangunkan pelancongan. Di antara kawasan-kawasan ini ialah Pulau Langkawi, Pulau Pangkor dan Lumut, kawasan Merang-Besut Rhu dan Mersing-Endau-Rompin di Pantai Timur serta beberapa kawasan di Kota Kinabalu dan Kuching di Sabah dan Sarawak.

Beberapa projek berdasarkan kepada kajian-kajian induk pelancongan ini telahpun dikemukakan oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekbiomi Negeri untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Projek-projek ini sekiranya diterima akan dilaksana di dalam Rancangan Malaysia yang Kelima.

- (b) Selaras dengan konsep pengswastaan dan pensyarikatan Malaysia, sektor swasta sentiasa digalakkan untuk membangun dan melaksanakan projek-projek ini, sama ada secara bersendirian ataupun melalui usahasama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, beberapa projek pelancongan seperti di Tanjong Rhu, Langkawi dan di Pulau Pangkor adalah dilaksanakan oleh pihak swasta.

#### EKSPORT BARANGAN PERTANIAN

5. **Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pendapatan daripada eksport barangan pertanian dan peratusan sumbangan sektor ini dibandingkan dengan eksport-eksport barangan lain bagi tempoh lima tahun yang lampau; dan juga nyatakan tindakan Kerajaan bagi memperhebat dan mempelbagaikan lagi sumber-sumber pertanian untuk eksport.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah pendapatan dari eksport barangan pertanian di dalam tahun 1984 ialah sebanyak \$13,769 juta iaitu merupakan 35.6% daripada jumlah pendapatan eksport semua komoditi. Lima tahun yang lalu

jumlahnya ialah sebanyak \$13,200 juta ataupun 54.8% dari jumlah pendapatan eksport negara.

Sebahagian besar, iaitu kira-kira 75% daripada jumlah eksport komoditi-komoditi pertanian adalah terdiri daripada kelapa sawit, getah dan kayu balak. Memandangkan kep\_ada hakikat ini Kerajaan bukan sahaja telah mengatur langkah-langkah bagi meningkatkan pengeluaran komoditi-komoditi tradisional itu, tetapi juga bagi meningkatkan pengeksporan lain-lain komoditi pertanian khususnya komoditi-komoditi makanan seperti koko, buah-buahan, sayur-sayuran dan hasil-hasil perikanan.

Kerajaan memang sentiasa berusaha untuk memperhebatkan dan mempelbagaikan sumber-sumber pertanian untuk dieksport. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa kita mencapai kemerdekaan, getah sahaja merupakan sumber pertanian utama yang dieksport.

Pada awal tahun 1960an, Kerajaan telah melaksanakan dasar bagi mempelbagaikan ekonomi amnya dan pertanian khususnya di mana kelapa sawit telahpun diperkenalkan dalam sektor pertanian negara di samping koko yang pada masa ini semakin bertambah penting sebagai sumber pertanian yang dieksport.

Hasil daripada usaha-usaha ini, eksport minyak kelapa sawit telah bertambah daripada 400,100 metrik tan bernilai \$263.1 juta pada tahun 1970 kepada 2.98 juta metrik tan bernilai \$4,543.3 juta pada tahun 1984. Eksport koko juga telah bertambah daripada 2,406 metrik tan bernilai \$5.4 juta kepada 65,804 tan bernilai \$337.9 juta dalam tempoh yang sama.

Sebenarnya Kerajaan akan terus berusaha untuk meningkatkan lagi eksport dengan mempertingkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan, penstabilan harga, dan mencari pasaran baru, menggalakkan memproses barangan dan menyediakan beberapa insentif pelaburan di sektor pertanian bagi meningkatkan eksport.

Peningkatan pengeluaran koko akan dilakukan melalui peningkatan daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil dan perluasan kawasan-kawasan tanaman koko terutamanya di Sabah dan di Sarawak. Kerajaan juga telah menubuhkan Lembaga Koko Negara bagi memperhebatkan pertambahan pengeluaran koko.

Bagi komoditi-komoditi makanan yang lain, selain daripada menjalankan program-program untuk meninggikan daya pengeluaran petani-petani, Kerajaan juga menggalakkan penyertaan sektor swasta dalam pengusahaan komoditi-komoditi itu secara komersial dan juga besar-besaran. Ini dilakukan melalui penyampaian maklumat-maklumat mengenai peluang-peluang dalam sub-sektor pengeluaran makanan, mengadakan galakan-galakan tertentu dan menyelaras usaha-usaha mendapatkan tanah yang lebih sesuai.

**Dato G. Pasamanickam:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu negara manakah yang paling banyak mengimport hasil pertanian kita ke negaranya berbanding dengan negara-negara lain dan apa jenis pertanian ke negara itu? Terima kasih.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, pengimport-pengimport utama bagi komoditi-komoditi Malaysia ialah negara Jepun, negara Amerika Syarikat, negara India, negara China dan beberapa negara lain di rantau ASEAN. Eksport utama kita ke negara seperti di China ialah getah dan juga kelapa sawit, di India eksport terbesar kita ialah minyak kelapa sawit, di Jepun export terbesar kita ialah kayu balak dan beberapa negara lain mengikut jenis-jenis bahan-bahan sebagaimana yang telah saya sebutkan tadi.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana soalan yang akan saya kemukakan pun lebih kurang sama tetapi ada satu soalan yang akan saya tanyakan di sini iaitu mengenai soal koko. Saya ingin bertanya negara Malaysia ini yang keberapa besarnya sebagai negara pengeksporn koko di dunia selepas daripada Nigeria. Adakah Malaysia ini jatuh sebagai negara yang kedua, yang ketiga ataupun kita pengeksporn koko yang pertama pada masa sekarang?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak dapat hendak memastikan kerana perangkaan belum lagi diperolehi tetapi mengikut kenyataan daripada Kementerian Perusahaan Utama kemungkinan kita mulai tahun ini kalau tidak silap saya, kita menjadi pengeluar koko yang terbesar di dunia.

**Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Namanya trend eksport bahan-bahan pertanian negara kita menurun sejak tahun 1980 hingga tahun sudah daripada 54.8% hingga sampai kepada 35.6%. Apakah trend ini akan berterusan dan apakah strategi pihak Kerajaan bagi menentukan agar bahan-bahan eksport pertanian ini dapat dipertingkatkan lagi agar negara Malaysia ini sebagai sebuah negara yang begitu subur dengan tanah dan iklim yang baik dapat mengekalkan imej ataupun prestasi sebagai sebuah negara pertanian yang benar-benar dapat disumbangkan sumber-sumber pertanian kepada dunia?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya sebutkan tadi iaitu kalau dilihat dari segi peratusan memanglah didapati bahawa jumlah eksport kita dari segi pertanian telahpun menurun iaitu pada tahun 1979, umpamanya lima tahun yang lalu 54.8% nilainya \$13,200 kepada 35.6% tetapi nilaiannya bertambah kepada \$13,769 berbanding dengan jumlah nilai eksport negara pada sesuatu tahun. Bermakna walaupun peratusnya menurun tetapi kadar nilai ataupun volume exported telahpun meningkat. Namun begitu kita sedar bahawa ini adalah disebabkan oleh dasar-dasar yang tertentu yang diamalkan oleh negara untuk mempeibagakan eksport kita iaitu kita tidak hanya bergantung sebahagian besar hasil negara daripada eksport barang-barang pertanian tetapi kita telahpun mengambil langkah untuk mempeibagakan eksport kita iaitu dengan penemuan hasil-hasil baru seperti minyak, gas cecair dan juga hasil-hasil barang-barang pembuatan ataupun barang-barang pengeluaran yang diusahakan oleh industri dalam negeri kita. Jadi, bermakna walaupun peratusan eksport barangan berasaskan pertanian telah menurun, kita berpendapat pada jangka panjangnya volumenya akan bertambah tetapi pembahagian

di antara nilai-nilai eksport ini adalah berdasarkan kepada penemuan-penemuan baru yang telahpun kita perolehi selama ini seperti juga kita menekankan sekarang ini supaya industri-industri dalam negeri dapat mempertingkatkan hasil pembuatan mereka untuk dieksport. Maka trend sektor pembuatan mengambil bahagian yang lebih pada masa-masa hadapan adalah lebih jelas.

Namun begitu langkah-langkah juga kita ambil dalam keadaan yang sama supaya hasil-hasil komoditi kita dari segi barang-barang pertanian akan juga kita tingkatkan dengan penemuan komoditi-komoditi yang baru sebagaimana yang telahpun saya sebutkan tadi.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Dari pada kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengakui bahawa trend eksport barangan kita ini semakin menurun tetapi dalam rangka memperhebatkan eksport sumber-sumber pertanian ini saya kira ada beberapa teknik yang masih belum diselesaikan dengan diplomatik ke luar negeri. Adakah pihak Kementerian berkenaan sedang menjalankan usaha-usaha ini iaitu terdapat seperti negara China di mana sentiasa wujud, dengan izin, imbalance of trade dengan negara China sedangkan pengeksportan sumber minyak sawit ke negara itu memang ada potensi. Saya pernah difahamkan iaitu jika sekeuarga rakyat China menggunakan sebotol 3 liter minyak sawit kita maka seluruh negara Malaysia ini kalau ditanam sawit pun tidak cukup. Kenapa kita tidak eksplot keadaan ini di mana kita boleh mengadakan hubungan 'barter trade' dengan negara China. Dengan demikian saya kira selain daripada sumber-sumber yang baru yang amat rumit untuk diterokai lebih baik kita menghubungkan 'barter trade' dengan eksport kelapa sawit ini secara berkesan dengan negara China. Adakah ini termasuk di dalam bidang yang sedang dipertimbangkan oleh pihak Kerajaan?

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana perhatian beliau dan kesedaran bahawa kita patut meningkatkan eksport kita ke negara-negara, terutama di mana kita menghadapi masalah

imbangan perdagangan dan memang sebenarnya sebagaimana yang saya sebutkan tadi kita menghadapi masalah imbalance perdagangan ataupun balance of trade, dengan izin, dengan negara China semenjak kita mengadakan hubungan diplomatik dengan negara tersebut.

Tetapi sebagaimana Yang Berhormat juga sedia maklum usaha-usaha memang sentiasa dijalankan, malahan lebih agresif kita menjalakan usaha-usaha penggalakan eksport sekarang kalau dibandingkan dengan masa yang lepas.

Kita juga telah mengenal-pasti kawasan-kawasan dan wilayah-wilayah di mana potensi bagi hasil barangan kita adalah lebih besar termasuklah negara China. Memang kita menyedari hakikat bahawa masih banyak lagi ruang-ruang yang boleh kita terokai untuk membolehkan hasil barangan kita seperti minyak kelapa sawit menembusi pasaran-pasaran yang baru seperti negara China itu, tetapi sebagaimana juga Ahli Yang Berhormat sedia maklum, selain daripada usaha-usaha untuk menembusi pasaran, kita juga menghadapi persaingan-persaingan yang hebat daripada pengeluar-pengeluar barangan yang hampir serupa seperti dari segi minyak makanan, kita juga menghadapi persaingan dari segi minyak-minyak makan yang lain, yang juga diusahakan oleh negara-negara yang tersebut dan juga dibekalkan oleh negara-negara pengeksport yang lain.

Tetapi pada jangka panjangnya adalah menjadi dasar kita supaya kita dapat mempertingkatkan eksport kita dengan cara melihat kawasan-kawasan yang baru, terutama di mana negara kita menghadapi masalah imbalance perdagangan dan langkah ini terus dijalankan. Malahan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri mengambil langkah itu untuk membolehkan kita dapat mencari pasaran baru bagi barang-barang yang dihasilkan oleh negara kita.

**Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Di manakah kejayaan kita dalam menggunakan bahan-bahan utama kita untuk mengeluarkan bahan-bahan buatan kita sendiri.

Yang kedua, apakah industri getah kita kini menghadapi masalah.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:** Tuan Yang di-Pertua, kalau dibandingkan masa lepas dengan masa sekarang, saya boleh menyatakan bahawa kita telahpun dapat mempelajari teknik dan teknologi baru dari segi memproses barang-barang yang dikeluarkan oleh negara kita yang berasaskan komoditi.

Dan adalah menjadi dasar kita juga untuk memastikan bahawa kita bukan sahaja terkenal sebagai mengeksport barang-barang komoditi tetapi juga pengeluar dan pengeksport barang-barang yang diproses berasaskan komoditi yang dikeluarkan oleh negara kita. Sebab itu galakan diberi kepada pengusaha-pengusaha untuk mengeluarkan barang-barang yang berasaskan getah yang berasaskan hasil-hasil pertanian yang lain. Dengan sebab itu, saya yakin bahawa kalau dibandingkan dengan masa tempoh 10 tahun yang lepas dengan apa yang telahpun kita capai sekarang ini, kita telahpun mencapai kejayaan yang amat menggalakkan.

Di samping itu, kita memang menyedari banyak masalah-masalah dari segi pasaran dan harga komoditi sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, umpamanya, masalah mengenai harga getah yang sekarang ini agaknya meleset dan agaknya membebankan banyak pengusaha-pengusaha pekebun-pekebun kecil di dalam negara kita.

Dan kita juga telahpun mengambil langkah-langkah dan akan terus mengambil langkah dalam Badan seperti INDRO dan INDRA untuk mengadakan perundingan-perundingan bagi mencapai satu keadaan di mana harga yang lebih setabil dan terjamin dapat diwujudkan bagi pengeluar-pengeluar utama seperti kita ini dan langkah ini akan terus diambil khasnya bagi mengatasi masalah kemerosotan harga getah yang kita hadapi sekarang ini.

#### PENYAKIT KUKU DAN MULUT DI KELANTAN

**6. Tuan Hassan bin Nam** minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) bilangan kerbau lembu orang-orang kampung di Kelantan yang terkorban

akibat wabak penyakit kuku dan mulut baru-baru ini;

- (b) mengapa penyakit tersebut selalunya menyerang binatang-binatang ternakan di Kelantan; dan
- (c) sama ada binatang-binatang liar seperti rusa dan seladang juga boleh terkena penyakit ini; jika ya, nyatakan juga sama ada penyakit ini boleh terkena kepada manusia yang termakan daging binatang-binatang tersebut.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang diketahui secara rasmi:

- (a) Tlada teraakan lembu atau kerbau yang terkorban akibat mengidap penyakit kuku dan mulut di negeri Kelantan.
- (b) Penyakit kuku dan mulut berlaku di negeri Kelantan oleh kerana pertambahan pergerakan ternakan daripada negara-jiran di kawasan sempadan terutama di musim perayaan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang enggan mematuhi peraturan-peraturan yang telah ditetapkan.
- (c) Binatang-binatang liar seperti rusa dan seladang boleh dijangkiti oleh penyakit ini tetapi tidak ada kes yang dilaporkan. Manusia yang memakan daging binatang-binatang ini yang telah dimasak tidak terkena penyakit ini.

**Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Baru-baru ini kita dapat lihat di TV bahawa penyakit mulut bagi kerbau dan lembu dapat diubat dengan tanah liat, sehingga ini adakah tanah liat itu dapat menghilangkan penyakit mulut bagi kerbau-kerbau dan lembu.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, perkara itu masih diuji lagi oleh jabatan yang berkenaan. [*Ketawa*]

## KAMPUCHEA — PERUNDINGAN BERSAMA VIETNAM

**7. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) keputusan-keputusan yang dipersetujui oleh Menteri Luar-Menteri Luar ASEAN dalam sidanganya yang ke Lapan Belas di Kuala Lumpur baru-baru ini mengenai penyelesaian penduduk Vietnam di Kampuchea, kerjasama ekonomi antarabangsa serta penubuhan Majlis Ekonomi Dataran Pasifik (Pasific Basin); dan
- (b) sama ada negara-negara ASEAN yang lain njenyokong pandangan dan cadangan Malaysia mengenai perkara tersebut.

**34. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Luar Negeri menyatakan keputusan yang telah dipersetujui dalam "Sidang Menteri Luar Menteri Luar ASEAN yang Ke Lapan Belas yang diadakan baru-baru ini mengenai cadangan Malaysia bagi mewujudkan kerjasama negara-negara ASEAN mengatur strategi antarabangsa untuk menentang salahguna dan pengedaran dadah yang sedang mengancam keharmonian dan keselamatan di kebanyakan negara di seluruh dunia sekarang ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN yang ke Lapan Belas di Kuala Lumpur pada 8hb - 9hb Julai lalu, ketetapan telah diambil bagi mencadangkan Perundingan Perantaraan di antara Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea pimpinan Putera Sihanouk dan Vietnam. Para Menteri Luar ASEAN juga bersetuju bahawa Heng Samrin boleh ikut serta dalam perundingan tersebut bersama Vietnam. ASEAN berharap cadangan ini akan disambut baik oleh Vietnam sebagai usaha bersama ke arah mencapai penyelesaian politik yang menyeluruh terhadap masalah Kampuchea.

Mengenai kerjasama ekonomi antarabangsa, Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN telah menekankan betapa pentingnya diwujudkan kerjasama yang lebih rapat dan produktif di antara negara-negara maju dan yang sedang

membangun bagi menentukan pertumbuhan ekonomi dunia yang meluas dan berpanjangan. ASEAN juga menyatakan sokongannya kepada usaha-usaha untuk mengadakan Persidangan Sedunia bagi membetulkan kepincangan atau ketidakseimbangan dalam struktur ekonomi dunia secara menyeluruh.

Para Menteri Luar ASEAN juga menyaiakan kebimbangan mereka terhadap gejala-gejala 'perlindungan' dalam perdagangan antarabangsa yang berleluasa harga-harga barangan utama yang tidak setabil, hutang antarabangsa yang tinggi dan juga nilai penukaran wang yang terlalu sering berubah-ubah kerana faktor-faktor ini telah menjejaskan pembangunan ekonomi negara-negara membangun. Persidangan tersebut juga menegaskan pegangan dan keyakinan ASEAN terhadap sistem perdagangan antarabangsa yang terbuka sebagai asas bagi pembangunan ekonomi semua negara.

Penubuhan Majlis Ekonomi Dataran Pasifik (Pacific Basin) tidak disentuh oleh Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN kerana soal ini tidak ada di dalam agenda. Yang dibincangkan ialah kerjasama ASEAN dengan beberapa negara rantau Pasifik di bidang sumber tenaga manusia dimana persetujuan bersama telah dicapai bagi melaksanakan 32 projek.

Mengenai soalan (b) pula, Tuan Yang di-Pertua, keputusan-keputusan yang dipersetujui oleh Menteri-menteri Luar ASEAN ataupun mana-mana juga persidangan ASEAN adalah melalui consensus atau secara sebulat suara. Oleh itu, tidak timbul masalah siapa menyokong atau tidak kerana setiap keputusan adalah persetujuan bersama.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu seperti mana yang pernah dicadangkan oleh negara-negara ASEAN mahupun dengan rakan-rakan dialog ASEAN dalam menyelesaikan masalah Kampuchea dan satu daripadanya ialah cadangan untuk mengadakan satupilihanraya yang diselia oleh Bangsa-bangsa Bersatu seperti mana cadangan ASEAN dan adakah ini telah diterima oleh Kerajaan ataupun pemimpin Kampuchea pada masa

sekarang seperti Heng Samrin? Dan juga dalam perkara ini salah satu daripada komposisi Kerajaan Campuran Demokratik Kampuchea itu ialah Pol Pot. Pol Pot telah membayangkan ianya tidak akan menaruh perasaan kecil hati jika sekiranya ia tidak terpilih dalam pilihanraya Kampuchea nanti. Jadi, tidakkah ini dianggap oleh ASEAN bahawa ini adalah merupakan sebagai satu perkara yang mana penyelesaian Kampuchea ini biar pilihanraya diadakan sekalipun tanpa Pol Pot menyertai dalam pilihanraya ini krisis dalam Kampuchea itu sentiasa akan berterusan?"

Yang kedua, seperti mana Tuan Yang di-Pertua, mungkin di Malaysia kita hanya menganggap Kerajaan Campuran Kampuchea antara Khmer Rouge, Norodum Sihanouk dan mungkin Khieu Samphan yang ketiga golongan dalam kes ini, jadi Pol Pot itu jarang sekali ditimbulkan dalam Malaysia bahawa sebagai satu rejim yang ditolak oleh rakyat Kampuchea kerana kehadiran Vietnam atas permintaan rakyat Kampuchea dan mereka mahukan supaya kehadiran Vietnam di sana sebagai satu pasukan tentera yang melindungi rakyat Kampuchea daripada berulangnya peristiwa-peristiwa kejam yang dilakukan oleh Pol Pot yang telah membunuh lebih daripada 5 juta umat manusia dalam Kampuchea. Jadi tidakkah ini sebagai satu bayangan bahawa tanpa penyertaan Pol Pot itu adalah sebagai satu petanda tidak ada penghujung satu penyelesaian dan krisis demi krisis akan tetap wujud di sana? Jadi adakah ini dalam pandangan Menteri-menteri Luar ASEAN telah membuat kajian dalam soal ini?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, soal mengadakan pilihanraya di Kampuchea adalah satu perkara yang substantif. Perkara ini sering dibincang-bincangkan, tetapi tidak ada sesuatu perbincangan yang formal yang telah diadakan di antara pihak-pihak yang berkenaan.

Memanglah apa yang telah dikatakan oleh Pol Pot ataupun radio Khmer Rouge baru-baru ini, laporan dari radio Khmer Rouge bahawa klik Pol Pot sanggup diketepikan jika

ini diperlukan untuk mencapai sesuatu penyelesaian politik di Kampuchea. Laporan ini masih samar-samar lagi tetapi kalaulah laporan ini benar, maka itu satu kenyataan yang patut dialu-alukan, bukan sangat mengenai sama ada kenyataan itu baik atau tidak tetapi lebih-lebih lagi berdasarkan bahawa ada puak-puak di Kampuchea yang sanggup membuat, dengan izin, 'the ultimate sacrifice', pengorbanan yang besar demi kepentingan "negara mereka." Jadi perkara ini masih diselidiki dan kita sama-sama berdoa lah bahawa perubahan sikap di kalangan Pol Pot itu memang benar.

Mengenai perkara yang kedua itu saya pun kurang faham sedikit kerana dia memusing-musing teruk sangat, jadi kalau boleh diulang sekali lagi - saya kurang faham tentang apa yang sebenar dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, saya minta maaf.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, saya sendiripun lupa juga. *[Ketawa]* Jadi kalau sekiranya kedua-dua pihak lupa, saya fikir, saya tarik baliklah soalan itu. *[Ketawa]*

**Tuan Abdul Chani bin Haji Othman:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sekiranya kita mengasingkan masalah Kampuchea sebagai satu masalah jasa baik diplomatik kita mengenai masalah rantau ini, saya dapat meningesan bahawa daripada jawapan Timbalan Menteri pada hari ini dan jawapan-jawapan daripada Yang Berhormat Menteri terhadap soalan-soalan yang lalu dasar luar negeri kita banyak menekankan tentang perkara-perkara ekonomi.

Soalan tambahan saya ialah sejauh manakah Timbalan Menteri dapat menerangkan kepada Dewan ini iaitu sejauhmana explicitnya percubaan dasar luar negara kita ini yang menekankan tentang perkara-perkara ekonomi dengan negara-negara lain. Jika benar, saya ingin bertanya apakah strategi dan juga logistiknya pihak Kementerian yang berkenaan untuk memperkuatkan wakil-wakil dan kedutaan-kedutaan kita dalam soal hubungan ekonomi itu?

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, memanglah benar bahawa Kementerian Luar-Negeri-sesuai dengan sikap dan semangat Kerajaan yang ada sekarang pada keseluruhannya ingin hendak menekankan soal-soal ekonomi yang akan membawa manfaat sebanyak-banyaknya kepada rakyat dan negara kita.

Satu rangka kerja yang lengkap untuk memajukan perkara ini dengan benar-benar efektif telahpun digubal oleh Kementerian Luar Negeri dan perkara ini sedang dibincangkan dengan Kementerian-kementerian lain dan insyaAllah saya rasa satu rangka kerja yang lengkap dan tepat akan dipersetujui oleh Kerajaan dalam sedikit masa lagi untuk dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh kemudian kelak.

Sungguhpun soal Kampuchea ini sering dibincangkan tetapi oleh sebab Kampuchea itu adalah terlalu penting kerana ianya berkaitan rapat dengan masa depan dan kestabilan politik rantau kita ini, maka itulah sebabnya kita begitu sangat menekankan soal Kampuchea itu. Namun demikian, ingin saya memberi jaminan kepada Dewan ini bahawa soal Kampuchea, sungguhpun nampak Kementerian Luar ini sibuk dengan Kampuchea sahaja ataupun kadangkala dengan Antartika tetapi Kampuchea hanya mengambil masa yang begitu sedikit untuk kita memikirkan, malah boleh dikatakan hampir 90% dari masa kita di Kementerian Luar Negeri adalah berkaitan dengan soal-soal yang lain khususnya hubungan kita dengan negara-negara yang lain, khususnya pula dalam soal sosio ekonomi ataupun pembangunan sosio ekonomi.

## EKONOMI NEGARA — GALAKAN PELABUR

**8. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian untuk mempertingkatkan aktiviti-aktiviti ekonomi negara kita memandangkan kedudukan ekonomi yang kurang memuaskan; dan sama ada Akta Kordinasi Industri akan dikaji semula untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan.

**Tuan Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin:**

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa berusaha untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti ekonomi di negara ini, khususnya dalam bidang perindustrian.

Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, faktor utama yang akan menarik minat pelabur-pelabur sama ada asing atau tempatah, selain daripada dasar-dasar pelaburan yang liberal ialah iklim pelaburan secara keseluruhannya. Ini meliputi kestabilan politik dan ekonomi negara, sistem pentadbiran yang bersih dan cekap, kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti sistem pengangkutan, perhubungan, air, elektrik, bahan-bahan mentah dan tenaga pekerja yang mahir.

Mengenai dasar-dasar pelaburan iaitu perkara yang berkaitan terus dengan Kementerian saya, sukacita dinyatakan bahawa Kerajaan sentiasa mengkaji galakan-galakan yang diberi kepada pelabur-pelabur supaya ianya menjadi lebih menarik dan dapat menggalakkan lebih banyak pelaburan di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diketahui umum, Kerajaan menggalakkan pelabur-pelabur asing datang dan melabur di negara kita. Negara kita mengamalkan konsep ekonomi terbuka dan dalam usaha menarik pelabur-pelabur asing, kita juga telah mempraktikkan dasar di mana rakyat asing dibenarkan memiliki ekuiti majoriti bagi projek yang mengeksport sebahagian besar pengeluarannya. Dalam kes-kes tertentu, milikan ekuiti sehingga 100% oleh rakyat asing boleh dipertimbangkan.

Berhubung dengan Akta Penyelarasan Perindustrian, sukacita saya memaklumkan bahawa seperti Akta Galakan Pelaburan, ianya juga sedang dikaji semula untuk menggalakkan lebih banyak pelabur-pelabur dan perkembangan aktiviti industri perkilangan. Caranya ialah dengan membolehkan banyak lagi syarikat dikecualikan daripada mendapat Lesen Pengilang dan tertakluk kepada Akta tersebut. Perubahan-perubahan kepada Akta tersebut akan dimaklumkan apabila tindakan memin-danya selesai tidak berapa lama lagi.

**ROGOL — JUMLAH KES**

**9. Puan Lim Sean Lean** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah kes rogol yang telah dilaporkan sejak lima tahun dahulu;
- (b) jumlah kes yang telah diserahkan kepada pihak polis;
- (c) bilangan perogol-perogol yang telah ditangkap oleh pihak berkuasa; dan
- (d) hukuman yang paling keras yang pernah dijatuhkan ke atas pesalah-pesalah ini.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan:

- (a) Memandangkan soalan Yang Berhormat ini tidak memberikan tempoh yang jelas, maka saya hanya akan mengambil tempoh 10 tahun kebelakangan ini di mana kes rogol yang telah dilaporkan sejak tahun 1975 hingga Jun 1985 adalah sebanyak 3,902 kes.
- (b) Semua kes-kes di atas telah diserahkan kepada pihak Polis untuk siasatan dan tindakan lanjut.
- (c) Dari jumlah 3,902 kes tersebut, seramai 2,199 orang perogol telah ditangkap oleh Polis.
- (d) Hukuman paling keras yang pernah dijatuh ke atas pesalah-pesalah ini ialah penjara selama tujuh tahun.

**Dato' G. Pasamanickam:** Tuan Yang di-Pertua, bila kes rogol sampai sahaja hinakan orang laki-laki dalam negara ini. Ini aniaya daripada kaum wanita. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu dalam tempoh 10 tahun yang lepas, adakah diterima laporan daripada pihak laki-laki bahawa ia telah dirogol oleh perempuan? [*Ketawa*]. Kerana, Tuan Yang di-Pertua, lelaki malulah mahu pergi report dengan Polis sebab itu sahaja.

- (b) Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu sama ada hukuman yang diberikan terhadap orang-orang



yang sabit kesalahannya merogol sama tanpa mengira lelaki atau perempuan.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan-soalan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat tadi amat sukar saya menjawab, tetapi Saya akan menurripukan jawapan saya berpandukan kepada perundangan-perundangan yang terdapat di negara kita.

Mengikut undang-undang negara kita, rogol dilakukan oleh seorang laki-laki kepada seorang perempuan. Jadi oleh yang demikian, tidaklah dapat saya menjawab? soalan yang pertama. Begitu juga soalan yang kedua tadi.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada Menteri yang berkenaan. Dalam bilangan yang diberikan oleh Menteri tadi iaitu sebanyak 3,902 kes yang berlaku adakah meningkat daripada satu tahun ke satu tahun sebab yang diberikan oleh Timbalan Menteri tadi adalah secara umum. Adakah meningkat daripada satu tahun ke satu tahun. Sekiranya ada peningkatan, bagaimana cara kita hendak mengurangkan kes-kes rogol ini. Dan yang ketiga, kes-kes rogol ini di mana banyak berlaku, sama ada di bandar ataupun di luar bandar.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan yang pertama, jawapannya memang mengikut statistik yang disimpan oleh pihak Polis, semenjak 10 tahun kebelakangan ini, kes kejadian rogol meningkat dari tahun ke tahun.

Untuk menjawab soalan yang kedua, langkah-langkah yang kita boleh buat adakah melalui undang-undang mungkin dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, jawab saya cukup senang, sebab kes rogol ini melibatkan manusia. Jadi, mengikut kajian kepolisian, kejadian rogol adalah diisytiharkan sebagai satu jenayah yang tidak boleh dicegah melainkan kedua-dua pihak itu mengurangkan.

Saya telah dipetik baru-baru ini menjawab soalan mengatakan 40% kes rogol disebabkan oleh wanita. Tetapi apa yang saya ingin jelaskan di sini, kita semua sedia maklum bahawa

tiap-tiap kejadian itu ada sebabnya dan rogol mesti ada sebabnya kenapa kes rogol itu terjadi. Apabila kita menceritakan kes rogol, kita tidak dapat elak untuk melihat kepada faktor utama kejadian kes rogol iaitu adakah melalui kerelaan mangsa rogol itu sendiri. Jika melalui kerelaan mangsa rogol itu sendiri maka kes rogol itu tidak menjadi rogol. Jadi, di antara faktor-faktor yang saya sebut 40% yang disebabkan oleh wanita bermakna ada kerelaan dari kaum wanita oleh sebab permulaan awal dan seterusnya. Bukanlah saya hendak menghina kaum wanita. Saya menyebut ini dengan harapan kita semua menyedari bahawa ada sebab-sebab yang menyebabkan kes rogol itu meningkat dari masa ke semasa.

**Dato Kamaruzaman bin Ahmad:** Soalan tambahan. Yang Berhormat tadi telahpun menyatakan 3,902 orang, angka ini besar. Adakah disebabkan hukumannya barangkali tidak begitu berat dan adakah perkara ini Yang Berhormat bercadang hendak meminda undang-undang diberat hukumannya macam mana kita membuat hukuman memberatkan masalah-masalah dadah. Dadah hukumannya penghabis berat, mati, gantung mati. Kemudian yang kedua, penjara seumur hidup, seterusnya berikutnya. Barangkali kes rogol juga hukumannya kurang berat. Oleh sebab itu mereka tidak takut untuk melakukan sesuatu perkara yang tidak diinginkan oleh masyarakat. Soalan saya adakah Yang Berhormat berfikir hukuman-hukuman ini tidak berat dan bercadang untuk hendak meminda undang-undang ini untuk memberatkan. Sekian.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, di bawah undang-undang yang sedia ada, saya sendiri mengakui bahawa hukumannya itu adalah berat iaitu penjara sehingga 20 tahun atau didenda atau disebat. Saya tidak faham adakah Yang Berhormat maksudkan kita beratkan lagi. Apa berat lagi, 20 tahun itu saya percaya amat berat. Jadi tentang hukuman ini kita serahkan kepada mahkamah yang menjatuhkan hukuman. Dan saya percaya bahawa Yang di-Pertua Mahkamah yang membicarakan kes rogol sekarang ini akan mengambil kira faktor-faktor yang menyebabkan rogol itu berlaku. Sebab itulah dalam jawapan saya yang asal tadi, saya menyebutkan bahawa hukuman yang paling keras yang pernah diberi ialah

hanya selama 7 tahun sahaja. Mungkin disebabkan faktor-faktor yang diketahui oleh mahkamah itu sendiri.

Walau bagaimanapun, ingin saya menjelaskan di sini bahawa kes-kes rogol yang berlaku kepada mangsa kita berumur 14 tahun ke bawah, juga hukumannya sama dan pihak Peguam Negara sedang berusaha untuk menggubalkan undang-undang ini, meminda hukuman ini agar hukuman penjara mandatory, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, dikenakan kepada mereka yang melakukan rogol kepada wanita yang kurang umur daripada 14 tahun.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, mengikut takrif perundangan, apa beza di antara rogol dengan zina? Yang keduanya, hukuman yang dijatuhkan kepada pesalah-pesalah daripada perkataan rogol atau zina, sebab itu saya minta penjelasan antara rogol dengan zina itu, apa perbezaan atau takrifnya. Kemudian yang keduanya kepada pesalah-pesalah Islam yang didapati bersalah melakukan rogol atau zina itu, hukuman yang dijalankan sekarang ini diambil daripada mana, punca mana. Jika sekiranya undang-undang Islam telah menentukan bahawa setiap pesalah yang melakukan zina atau rogol itu ada undang-undang yang tertentu menjatuhkan hukuman ke atasnya jika sabit kesalahan, adakah Kerajaan bercadang akan meminda undang-undang ini kepada peraturan dan hukuman yang telah ditentukan oleh Islam sebagai Ugama Rasmi dalam negara kita.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat. Punca ataupun faktor yang menyebabkan berbezanya di antara kes zina dengan rogol ialah kerelaan yang saya sebutkan tadi. Bila seseorang wanita itu dirogol tanpa kerelaannya, lelaki itu melakukan rogol. Tetapi jika seorang lelaki dan seorang wanita dengan kerelaan mereka menjalankan perbuatan yang kita tahu, mereka boleh dikatakan melakukan zina tetapi tidak melakukan rogol. Jadi, faktor utama ialah kerelaan wanita itu ataupun kerelaan yang didapati melalui penipuan, dia menghayalkan wanita dengan minuman, dengan lain-lain bahan yang menghayalkan wanita ataupun dia membuat perjanjian hendak kahwin dan

seterusnya, itu walaupun dia rela tetapi dari segi undang-undang tidak diberi dengan rela hati oleh wanita itu, itu rogol dalam perundangan di bawah Kanun Keseksaan kita.

Tentang adakah kita bercadang untuk meminda undang-undang ini, saya tidak bolehlah menjawab dengan tepatnya walaupun kita akui bahawa di negara kita, kita masih dalam kajian setapak demi setapak untuk kita mengamalkan perundangan dengan secara Islam.

#### GAJI/ELAUN PEKERJA PUSAT MEMBELI-BELAH

**10. Tuan Haji Ibrahim bin Haji Ujang** minta Menteri Buruh menyatakan sama ada Kementerian ada menyediakan garis panduan kepada pekerja-pekerja di Pusat Membeli Belah atau Pasaraya yang wujud di bandar-bandar seluruh negara dan Majikan-majikan dikehendaki:

- (i) membayar-gaji/elaun yang sama kepada semua pekerja mengikut peringkat tugas masing-masing;
- (ii) ada pilihan bagi pakaian seragam kepada pekerja wanita Islam yang disesuaikan dengan keperibadian Muslimah; dan
- (iii) memberi kemudahan bagi wanita Islam menunaikan fardhu Sembahyang.

**16. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Buruh menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi memastikan tidak ada perbezaan gaji di antara jurujual Melayu dengan yang bukan Melayu seperti yang terdapat di setengah-setengah pusat membeli-belah.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin menjawab soalan ini bersekali dengan soalan bilangan 16 dalam Aturan Urusan Mesyuarat hari ini kerana kedua-duanya mempunyai maksud yang hampir sama.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini ada Undang-undang iaitu Perintah Peraturan Gaji Pembantu-pembantu Kedai 1970 yang dibuat di bawah Akta Majlis Penetapan Gaji 1947 yang menetapkan kadar gaji minima untuk pembantu-pembantu kedai di mana termasuk

juga pekerja-pekerja di Pusat-pusat Membeli Belah. Pembantu-pembantu kedai tidak boleh "dibayar kurang daripada kadar gaji minima yang telah ditetapkan sama untuk semua pekerja-pekerja dari semua kaum. Melalui perundingan dan perjanjian di antara majikan dan pekerja gaji boleh dibayar melebihi gaji minima yang ditetapkan di bawah perisian itu. Mungkin juga ada perbezaan bayaran gaji yang dibuat oleh majikan-majikan kepada pekerja-pekerja Melayu dengan pekerja-pekerja bukan Melayu di Pusat-pusat Membeli Belah akan tetapi ini biasanya disebabkan oleh perbezaan lama tempoh perkhidmatan dan pengalaman serta perbezaan tugas yang dijalankan oleh seseorang pekerja. Majikan-majikan Pusat-pusat Membeli Belah tidak sepatutnya membayar gaji yang berbeza kepada pekerja-pekerja dalam kategori yang sama semata-mata kerana perbezaan kaum.

Tuan Yang di-Pertua, namun demikian, Undang-undang tersebut tidak merangkumi pakaian seragam dan kemudahan menunaikan fardhu Sembahyang. Bagaimanapun, Kementerian saya sentiasa mengambil perhatian berat terhadap kemudahan bagi pekerja-pekerja Islam menunaikan Sembahyang dan berusaha menggalakkan majikan-majikan swasta menyediakan kemudahan-kemudahan yang diperlukan itu.

#### **KERETAPI CEPAT KELANTAN-KUALA LUMPUR**

**11. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kedudukan rancangan untuk mengadakan sistem keretapi cepat dari Kelantan ke Kuala Lumpur dan sama ada projek ini akan dijalankan oleh Keretapi Tanah Melayu atau akan diswastakan.

**Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar):** Tuan Yang di-Pertua, rancangan pembinaan landasan keretapi baharu Timur/Barat yang menghubungkan Pelabuhan Kelang dengan bandar-bandar di negeri Pantai Timur Semenanjung adalah di dalam peringkat akhir persiapan untuk mendapatkan keputusan daripada Kerajaan.

Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang menyiapkan kertas laporan untuk Kerajaan membuat keputusan. Laporan ini juga akan memberikan cadangan bentuk pembiayaan dan pelaksanaannya. Pihak Kerajaan akan menentukan pihak-pihak yang akan melaksanakan projek ini kelak.

#### **BANGUNAN KERAJAAN — MUTU PEMBINAAN**

**12. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada beliau sedar bahawa pembinaan infrastruktur dan bangunan-bangunan Kerajaan yang diselenggarakan oleh JKR sejak akhir-akhir ini adalah begitu rendah mutunya, seperti konkrit bangunan yang retak, jalan raya yang pecah-pecah dan lain-lain; jika benar, nyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian bagi menjamin mutu pembinaan harta awam sentiasa baik dan berkualiti.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak tepat menyatakan bahawa pembinaan infrastruktur seperti jalanraya yang diselenggarakan oleh JKR adalah rendah mutunya sejak akhir-akhir ini. Sebaliknya, pembinaan jalanraya sekarang adalah lebih tinggi daripada mutu jalanraya yang telah dibina dalam masa yang lampau. Di antara faktor-faktor utama yang menyebabkan kerosakan jalanraya tersebut ialah terdapatnya sekarang kenderaan-kenderaan berat yang begitu banyak, dan juga membawa muatan berlebihan, yang menggunakan jalanraya tersebut, jika dibandingkan dengan bilangan kenderaan-kenderaan tersebut di masa yang lalu. Kerosakan ke atas jalanraya yang baru dibina juga berlaku oleh kerana banyaknya kenderaan-kenderaan seperti itu menggunakan jalan-jalanraya tersebut sesudah sahaja jalanraya itu siap dibina. Kerosakan akan dialami lebih teruk lagi jika mutu pembinaan jalanraya yang digunakan sekarang serupa dan tidak dinaikkan peringkatnya daripada mutu pembinaan yang digunakan di masa yang lampau.

Di antara langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini yang diambil oleh Kementerian saya ialah mendirikan beberapa stesyen timbang muatan di tempat-tempat strategik di sepanjang jalanraya di seluruh negara ini yang

dikenal pasti telah dirosakkan oleh kenderaan-kenderaan berat seperti yang saya katakan tadi: Dengan adanya stesyen-stesyen ini, maka lori-lori yang disyaki membawa muatan lebih akan ditimbang jika didapati membawa muatan yang berlebihan itu akan didenda secara kompaun oleh pihak penguatkuasa. Sebagai langkah-langkah tambahan, Kementerian saya juga akan menubuhkan Unit Penguatkuasa Jalanraya dengan meminjam kakitangan daripada Jabatan Polis dan bukan sahaja mengawal kegunaan jalanraya oleh kenderaan-kenderaan berlebihan muatan tetapi juga untuk menjaga keselamatan dan kebersihan jalan-jalanraya itu. Sebagai dasar, Kementerian saya juga akan membina jalan-jalanraya secara berperingkat-peringkat iaitu membina jalanraya yang mana kekuatannya dilakukan mengikut kehendak lalulintas jangka pendek, tetapi membina jalanraya dengan mengambil kira densiti lalu lintas untuk keperluan lalu lintas di dalam beberapa waktu.

Mengikut pembinaan bangunan konkrit Kementerian ini yang didapati retak, soalan ini terlalu am dan tidak dapat saya jawab secara terperinci. Walau bagaimanapun, saya telah difahamkan bahawa bilangan retak yang terdapat di setengah-setengah bangunan adalah melibatkan sebilangan kecil bangunan-bangunan yang telah dibina oleh Kementerian saya, jika dibandingkan dengan bilangan bangunan-bangunan yang telah disiapkan. Saya telah difahamkan bahawa retak-retak yang terdapat di bangunan-bangunan tersebut lazimnya adalah berlaku di bangunan-bangunan yang telah dibina di atas tapak tanah yang lembik yang lazimnya mengambil masa yang panjang sedikit sebelum tapak itu menjadi teguh. Retak-retak yang terdapat di bangunan-bangunan tersebut tidak semestinya merbahaya, tetapi tetap cukup tegoh dan selamat untuk digunakan.

Kementerian saya telahpun mengambil perhatian yang serius terhadap pembinaan bangunan-bangunan yang dibina oleh Kementerian ini pada masa hadapan dan langkah-langkah tertentu akan diambil bagi memastikan terlebih dahulu mana-mana pembinaan bangunan-bangunan itu dibuat di atas tanah yang teguh. Jika bangunan-bangunan tersebut perlu dibina

di atas tanah yang lembik, kerja-kerja meneguhkan tanah tapak dipastikan terlebih dahulu sebelum pembinaan dimulakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, waktu sudah cukup.

*[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 54 adalah diberi di bawah ini]*

### JALAN-JALAN BESAR ROSAK — SIASATAN

**15. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** meminta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan kepada keadaan jalan-jalan besar di negara kita sentiasa rosak sama ada Kerajaan akan menyiasat perkara ini dengan mendalam supaya tindakan awal dapat diambil untuk mengatasi masalah ini.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Kerajaan akan dalam sedikit masa lagi melantik satu Firma Perunding Antarabangsa yang bergabung dengan Firma Perunding Tempatan untuk menjalankan satu kajian penting mengenai Muatan Gandar (AXLE LOAD) dimulakan di seluruh negara. Kajian ini akan menilai di antara lain kekuatan turapan dan struktur jalanraya-jalanraya yang sedia ada. Ptawaian rekabentuk yang ada dan Muatan Gandar yang digunakan oleh kenderaan-kenderaan, terutama kenderaan-kenderaan berat, akan juga dikaji.

Di samping itu, Firma Perunding yang akan dilantik itu akan diminta membuat kajian terperinci ke atas kerosakan jalanraya dan Lebuhraya di beberapa tempat tertentu. Di antara tujuan kajian itu juga adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor dan sebab-sebab berlakunya kerosakan tersebut, dan mencadangkan program membina semula dan menguatkan jalanraya-jalanraya dengan menggunakan Muatan Gandar yang Optima. Lebuhraya-lebuhraya yang termasuk di dalam kajian itu ialah:

- (i) Lebuhraya Timur - Barat
- (ii) Lebuhraya Kuala Lumpur - Seremban
- (iii) Lebuhraya Kuala Lumpur - Karak

- (iv) Lebuhraya Jerangau Jabor
- (v) Lebuhraya Kuantan - Segamat.

Juru Perunding itu dijangka akan dilantik dan memulakan kewajipan mereka pada bulan Oktober 1985 ini, dan akan siap menjalankan kajian itu dalam jangka masa 1 — 1/4 tahun.

(Soalan No.16. Sila lihat Jawapan kepada soalan No. 10)

#### **LEBUHRAYA GUA MUSANG — KUALA LIPIS - PEMBINAAN**

**17. Tuan Mohd. Yusoff @ Yusoff hin Haji Mohd. Nor** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:-

- (a) bila projek Lebuhraya Gua Musang ke Kuala Lipis dapat dimulakan; dan
- (b) sebab-sebab mengapa projek Lebuhraya yang tersebut tidak diberi keutamaan sehingga sekarang ini.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:**

- (a) Pembinaan projek Jalan Raya Gua Musang ke Kuala Lipis telah dimasukkan di dalam satu package di bawah rancangan projek Kuala Krai/Gua Musang/Kuala Lipis/Raub, di mana hanya Jalanraya Kuala Krai/Gua Musang sahaja yang telah siap dibina pada tahun 1983. Setakat ini jalanraya dari Gua Musang/Kuala Lipis/Raub telah hanya siap di peringkat kajian kemungkinan semenjak tahun 1980. Oleh kerana masalah mendapatkan peruntukan akibat daripada keadaan kemerosotan ekonomi yang dialami oleh negara ini sekarang, kerja-kerja reka-bentuk kejuruteraan jalanraya tersebut tidak dapat dimulakan hingga ke masa ini.

Walau bagaimanapun, sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian saya telahpun mengambil tindakan yang tertentu untuk menyambungkan Jalanraya Gua Musang dengan Kuala

Lipis melalui Jalanraya Mentara, Merapoh dan Kg. Pagar Sasak. Mengenai perkara ini, Jalanraya Gua Musang ke Mentara akan ditarkkan, di mana buat setakat ini tawaran telahpun diterima. Dari Mentara ke Merapoh pula, kerja-kerja tanah telahpun siap dan kerja mentar akan bermula dalam sedikit masa lagi. Dari Merapoh ke Kg. Pagar Sasak, kerja-kerja mentar telahpun siap ke peringkat 90%. Jalanraya yang sedia ada dari Kg. Pagar Sasak ke Kuala Lipis didapati dalam keadaan yang baik. Oleh itu, sesudah semua kerja-kerja yang tersebut di atas siap dilaksanakan akan terdapat satu jalanraya tar menyambungi Gua Musang dengan Kuala Lipis melalui Mentara, Merapoh dan-Kg. Pagar Sasak.

- (b) Sebab-sebab mengapa projek Jalanraya Gua Musang ke Kuala Lipis tidak dapat dimulakan hingga ini adalah kerana projek ini didapati tidak begitu mendesak dibina dengan sebegitu segera jika dibandingkan dengan projek-projek jalanraya yang lain yang terdapat di negara ini. Di samping itu keadaan kemerosotan ekonomi yang dihadapi oleh negara hingga ke hari ini telah tidak mengizinkan Kerajaan membina semua jalan-jalanraya yang dikenalpasti yang perlu dibina, kecuali projek-projek yang mana keutamaannya tinggi dan perlu dilaksanakan dengan seberapa segera. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan dari Gua Musang ke Mentara, Merapoh dan Kg. Pagar Sasak yang sedang dilaksanakan sekarang apabila siap kelak akan dapat menyambungkan jalanraya Gua Musang ke Kuala Lipis. Penyambungan Gua Musang ke Kuala Lipis secara sebegini didapati memadai buat sementara waktu.

#### **DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA - KEUTAMAAN PENGARANG ASING**

**18. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa Dewan Bahasa dan Pustaka

memberi keutamaan menterjemah dan mencek cerita-cerita rakyat yang dikarang oleh bangsa asing tetapi mengeneppikan cerita-cerita rakyat yang dikarang oleh pengarang tempatan bagi bahan bacaan.

**Tuan Bujang bin Haji Uli:** Adalah tidak benar sama sekali Dewan Bahasa dan Pustaka mengutamakan pengarang-pengarang asing dalam menerbitkan buku-buku sastera rakyat. Sejak Dewan Bahasa dan Pustaka ditubuhkan hingga kini sebanyak 61 buah buku sastera rakyat telah diterbitkan. Daripada jumlah ini hanya 2 buah yang diterjemah daripada bahasa asing, sebuah dari Eropah dan sebuah dari Asia. Buku cerita Rakyat Asia mengandungi 6 jilid merupakan projek penerbitan bersama DBP dengan Asian Cultural Centre for Unesco (ACCU) yang beribu pejabat di Tokyo. Dalam projek ini cerita-cerita rakyat dari Malaysia juga diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa Asia yang menyertai projek tersebut. Projek terjemahan dari bahasa asing ini amat berguna bagi memberikan pelbagai pengalaman dan pengetahuan kepada para pembaca. Pada masa ini juga DBP sedang mengusahakan penerbitan sastera rakyat daripada tiap-tiap negeri di Malaysia. Empat buah daripadanya sudah pun terdapat di pasaran, iaitu cerita-cerita rakyat dari Sabah, Sarawak, Pahang dan Perlis.

#### PENGEDAR DADAH - HUKUMAN

**19. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan selepas Akta Dadah Berbahaya diluluskan, jumlah pengedar-pengedar yang telah dapat dikesan dan ditangkap dan dihukum di bawah akta tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Soalan dari Ahli Yang Berhormat itu tidak berapa jelas kerana pada masa ini terdapat dua Akta Dadah yang berkuatkuasa iaitu Akta Dadah Merbahaya 1952 (Pindaan 1983) dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 iaitu yang baru diluluskan dalam sidang Parlimen yang lalu.

Walau bagaimanapun untuk makluman Ahli Yang Berhormat itu, perangkaan tangkapan dan orang yang dihukum bagi Akta

Dadah Merbahaya 1952 sejak dikuatkuasakan adalah seperti berikut:-

Jumlah tangkapan	—	2,977 orang
Jumlah yang dihukum gantung	—	94 orang
Jumlah yang dikenakan hukuman penjara seumur hidup	—	210 orang
Jumlah hukuman ringan	—	143 orang

Bagi Akta Dadah Berbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985 sejak ia dikuatkuasakan pada 15.6.85 belum ada tangkapan dibuat tetapi seramai 21 orang tahanan iaitu 9 orang di Pusat Pemilihan Akhlak Pulau Jerjak dan 12 orang di Pusat Pemulihan Akhlak Muar telah dilanjutkan tempoh-tempoh tahanan mereka bagi tempoh 2 tahun.

#### KUTIPAN TOL — MENSWASTAKAN

**20. Datuk G. Pasamanickam** minta Menteri Kerja Raya menyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menswastakan kutipan Tol; jika benar bila dan jika tidak berikan sebab mengapa tidak diswastakan.

**Dato Zainal Abidin bin Zin:** Buat masa ini Kerajaan memang berhasrat untuk menswastakan beberapa bahagian-bahagian Lebuhraya Utara-Selatan yang dianggap boleh diswastakan yang belum dibina oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia. Walau bagaimanapun, perkara ini masih lagi dalam pertimbangan serius oleh Kerajaan, sama ada pengswastakan itu perlu dilaksanakan atau tidak. Dalam Hai ini, Kementerian saya sedang sekarang menjalankan satu kajian secara terperinci untuk meninjau kemungkinan itu. Kajian itu akan selesai dalam sedikit masa lagi dan, selepas itu akan dikemukakan kepada kerajaan untuk pertimbangan.

#### PEGAWAI PELAJARAN DAERAH - JUMLAH

**21. Datuk K. Kumaran** minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) jumlah pegawai pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia sekarang mengikut pecahan kaum;

- (b) sama ada Kementerian akan melantik lebih lagi rakyat keturunan India dan Cina ke jawatan Pegawai Pelajaran Daerah pada masa hadapan;
- (c) sama ada Kementerian Pelajaran mempunyai pegawai/penyelia yang berkelayakan dalam aliran -Bahasa Tamil dengan secukupnya di Pejabat Pelajaran Daerah untuk menyelia-sekolah Tamil dan di setiap Daerah di Negara ini; dan
- (d) langkah-langkah akan diambil oleh Kementerian untuk melantik pegawai-pegawai yang berkelayakan Bahasa Tamil untuk menyelia sekolah-sekolah Tamil di setiap daerah.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:**

- (a) Jumlah Pegawai Pelajaran Daerah di Semenanjung Malaysia ialah 57 orang. Mereka adalah terdiri daripada 53 orang Melayu, 3 orang Cina dan 1 orang India.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perlantikan Pegawai-pegawai Pelajaran Daerah adalah dibuat mengikut keperluan perjawatan dan juga kesesuaian calon-calon yang berkenaan.
- (c) Kementerian Pelajaran telah pun menempatkan pegawai-pegawai yang berkelayakan dan mencukupi di Jabatan Pelajaran Negeri dan Pejabat Pelajaran Daerah untuk menyelia semua jenis sekolah termasuk Sekolah-sekolah Tamil.
- (d) Keperluan untuk melantik pegawai-pegawai yang berkelayakan Bahasa Tamil untuk menyelia sekolah-sekolah Tamil di tiap-tiap daerah tidak timbul. Ini memandangkan jumlah SRJK(T) tidak banyak, di samping itu Penyelia SRJK(T) di Jabatan Pelajaran Negeri dan kakitangan penting Bahasa Tamil di setiap daerah sudah mencukupi bagi mengawas, menyelia dan menjalankan kursus Bahasa Tamil. Jemaah Nazir Sekolah juga mengadakan lawatan-lawatan ke SRJK(T).

**MEMBASMI KEMISKINAN**

**22. Tuan M.G. Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada polisi Kerajaan menghapuskan kemiskinan benar-benar berkesan, kalau benar sebutkan peratusnya mengikut bangsa.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob):** Dasar Kerajaan untuk membasmi kemiskinan adalah berkesan seperti yang dapat dilihat daripada angka-angka kadar kemiskinan yang diberikan dalam dokuman-dokuman Rancangan Lima Tahun Kerajaan. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29 peratus dalam tahun 1980. Dalam awal tahun-tahun lapan puluhan, kadar kemiskinan didapati meningkat sedikit kepada 30.3 peratus dalam tahun 1983 disebabkan kemelesetan ekonomi negara berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia. Di Sabah dan Sarawak, kemajuan yang memuaskan juga telah dicapai dalam usaha membasmi kemiskinan.

Kadar kemiskinan di Sabah telah berkurang daripada 41.1 peratus dalam tahun 1979 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1982 sementara di Sarawak daripada 47.7 peratus kepada 31.1 peratus dalam tempoh yang sama.

Saya suka menjelaskan di sini bahawa kemajuan yang telah dicapai untuk membasmi kemiskinan seperti yang ditunjukkan oleh angka-angka kadar kemiskinan perlu juga mengambilkira berbagai perkhidmatan dan kemudahan awam yang disediakan oleh Kerajaan. Perkhidmatan dan kemudahan awam ini termasuk pelajaran, kesihatan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik serta berbagai subsidi yang disediakan oleh Kerajaan telah dapat meningkatkan lagi mutu dan taraf hidup golongan miskin.

Kemajuan yang dicapai setakat ini adalah hasil daripada program dan projek yang dilaksanakan Kerajaan yang telah dinikmati oleh semua kaum seperti Yang Berhormat sedia maklum, matlamat pembasmian kemiskinan adalah tanpa mengira kaum atau bangsa dan dari itu Kerajaan tidak bercadang memberikan peratusnya mengikut bangsa.

### MAS — PENERBANGAN KELIMA KE LONDON

**23. Dato' Haji Zakaria bin Haji Yahya** minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa dengan persetujuan yang telah dicapai antara Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dengan British Airways (BA) yang memberikan kebenaran kepada MAS mengadakan penerbangan kelima ke London itu, bilangan tambahan penumpang yang di peruntukan kepada MAS dan sama ada terdapat sekatan-sekatan lain yang disyaratkan oleh British Airways kepada sistem Penerbangan Malaysia (MAS).

**Timbalan Menteri Pengangkutan (Puan Hajjah Rahmah binti Othman):** Di dalam rundingan terakhir di peringkat Kerajaan di antara pihak British dan Malaysia, yang telah di adakan pada 30-31 Julai, 1985 di Kuala Lumpur isu-isu berkaitan dengan penerbangan MAS kelima ke London telah dibincangkan. Persetujuan telah dicapai tanpa sekatan-sekatan lain dan dengan demikian pihak MAS akan mengadakan penerbangan kelima ini ke London pada bulan Julai 1986. Dalam penerbangan MAS kelima ini ke London MAS boleh membawa sebanyak 310 penumpang, seperti di dalam penerbangan-penerbangan lain ke London. Oleh yang demikian jumlah penumpang-penumpang yang boleh dibawa oleh MAS ke London akan meningkat dari 1240 kepada 1550 setiap minggu.

### KERAKYATAN ANAK RAKYAT NEGARA ASING

**24. Tuan Haji Abdul Hamid bin Haji Latif** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada benar bahawa terdapat ramai rakyat negara asing melahirkan anak mereka di dalam negara ini dengan bertujuan mendapatkan taraf kerakyatan negara ini bagi anak-anak yang dilahirkan di negara ini; jika benar apakah langkah Kerajaan untuk membentasi perbuatan ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri belum mengesan mana-mana warganegara asing yang melahirkan anak mereka dinegara ini dengan tujuan untuk mendapatkan taraf kewarganegaraan Malaysia.

Taraf kewarganegaraan Malaysia seseorang itu bukan ditentukan oleh tempat kelahiran beliau. Sebaliknya taraf kewarganegaraan seseorang itu, termasuk kanak-kanak, adalah ditentukan mengikut peruntukan-peruntukan di bawah Bahagian Ketiga, Perlembagaan Malaysia.

### JEMAAH HAJI MELALUI LUTH

**25. Dato' Kamaruzzaman bin Ahmad** minta Perdana Menteri menyatakan-bilangan Jemaah Haji yang menunaikan Fardhu Haji pada tahun sudah yang melalui LUTH dan yang melalui swasta; dan sama ada beliau sedar bahawa ramai Jemaah-jem'ah Haji yang melalui LUTH yang hendak pergi kali yang kedua melalui syarikat-syarikat swasta; jika sedar apakah ini membuktikan kelemahan perkhidmatan LUTH pada keseluruhannya dan dengan demikiah perlu dikaji semula fungsi dan keujudan Tabung Haji.

**Dato' Mohamad Khalil bin Yaakob:** Bilangan Jemaah Haji yang menunaikan Fardhu Haji pada tahun 1984 melalui Tabung Haji adalah seramai 23,479 orang sementara melalui syarikat swasta adalah 1,270 orang. Ini bermakna lebih kurang 5 peratus daripada Jemaah Haji pada tahun lalu telah tidak menggunakan perkhidmatan Tabung Haji.

Adalah tidak tepat jika dikatakan bahawa ramai Jemaah Haji yang hendak menunaikan Fardhu Haji buat kali kedua mahu menunaikan melalui syarikat-syarikat swasta. Bilangan yang pergi bagi kali kedua didapati tidak banyak ditaksirkan kadarnya lebih kurang 1 peratus daripada jumlah bakal haji tiap-tiap tahun; dan di antara mereka, ada yang pergi melalui Tabung Haji sementara yang lain secara bersehidiran mungkin kerana hendak melawat ke negara-negara lain atau kerana ada urusan rasmi atau urusan perniagaan di luar negeri sebelum atau selepas musim haji.

Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula fungsi dan keujudan Tabung Haji pada masa ini oleh kerana perkhidmatan haji yang disediakan oleh Tabung Haji adalah memuaskan dan sentiasa diberi keutamaan, diperbaiki dan dipertingkatkan olehnya.



### KAD PENGENALAN MERAH/SIJIL KERAKYATAN

**26. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah Kad Pengenalan Merah yang dikeluarkan dari 31.8.57 hingga 31.12.77 dan dari 1.1.78 hingga sekarang;
- (b) jumlah sijil kerakyatan yang telah dikeluarkan kepada pemegang-pemegang Kad Pengenalan Merah di dalam (a) di atas; dan
- (c) jumlah Kad Pengenalan Merah yang dipulangkan kepada, Kerajaan oleh kerana pemiliknya tidak lagi menetap di sini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri telah mengeluarkan sebanyak 939,988 Kad Pengenalan Merah. Dalam tempoh yang sama sebanyak 2,236,568 sijil kerakyatan telah dikeluarkan mengikut peruntukan yang ditetapkan dalam Perlembagaan Malaysia.

8,372 Kad Pengenalan Merah telah dipulangkan kepada Kerajaan oleh kerana pemegangnya tidak menetap di negara ini.

### STADIUM HOKI DI PERAK

**27. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassint** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan memandangkan Negeri Perak akan mendirikan sebuah Stadium Hoki yang lebih besar nyatakan sama ada stadium Tun Abdul Razak, Jalan Duta, Kuala Lumpur akan dijadikan Stadium untuk sukan-sukan lain seperti lumba basikal dan sebagainya.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Pembinaan sebuah Stadium Hoki di Negeri Perak patutlah dianggap sebagai langkah untuk memajukan sukan hoki di seluruh negara dengan memberi kemudahan yang sesuai seperti padang astro-turf. Adalah menjadi impian Kementerian serta peminat dan pemain hoki di seluruh negara untuk mengada dan mendapatkan lebih banyak padang hoki supaya terdapat keseimbangan kemudahan di serata tempat. Memandangkan kepada keperluan pemain hoki di

sekitar Wilayah Persekutuan dan Selangor serta kepada rupabentuk Stadium, Kementerian ini belum lagi bercadang untuk memajukan Stadium Tun Razak sebagai sebuah Stadium yang boleh digunakan oleh sukan-sukan lain seperti lumba basikal.

### PENCEROBOHAN NELAYAN ASING

**28. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajiih** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:-

- (a) jumlah kes-kes jenayah yang dilakukan oleh bot nelayan asing ke atas nelayan tempatan tahun lalu.
- (b) sama ada jumlah kes-kes seperti ini semakin meningkat; dan
- (c) langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi pencerobohan tersebut.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat-

- (a) Sepanjang tahun lalu (1984) terdapat dua kejadian rompakan ke atas nelayan tempatan dilaporkan kepada pihak polis. Kejadian pertama dilakukan oleh Bot BC 6004 yang dikenalpasti kepunyaan Jabatan Kastam Indonesia dan kejadian satu lagi dilakukan oleh sebuah bot yang tidak dikenali. Dari siasatan yang dijalankan didapati tiada bukti yang menunjukkan kedua-dua kejadian jenayah itu dilakukan oleh bot nelayan-nelayan asing.
- (b) Bagi tahun 1985 ini kes-kes itu meningkat sedikit. Hingga bulan Jun lalu ada sebanyak 5 kes jenayah dilaporkan kepada pihak polis. Kes-kes tersebut berlaku di kawasan Langkawi dan Sabah. Dari siasatan yang dijalankan didapati kes-kes tersebut juga tidak dilakukan oleh nelayan asing.
- (c) Kerajaan sentiasa mengambil beberapa langkah untuk mencegah kemasukan atau pencerobohan nelayan asing ke Perairan Wilayah Malaysia. Antara langkah tersebut ialah:
  - (i) Mengadakan rondaan dan operasi bersama oleh Agensi dan Jabatan Kerajaan iaitu Polis Marin, TLDM dan Jabatan Perikanan.

- (ii) Operasi pengkhususan menggunakan strategi-strategi baru oleh Polis seperti merieinpatkan anggota-anggota PPH di pulau-pulau sebagai 'post pemerhati', menggunakan bot-bot kecil jenis laju secara berpasangan untuk menyekat dan menangkap penjenayah dan lain-lain lagi
- (iii) Meningkatkan rondaan kawalan udara oleh Unit Udara PDRM untuk mengesan kemasukan bot-bot nelayan asing yang mana maklumat ini akan disampaikan kepada bot-bot-ronda polis Merin untuk bertindak.
- (iv) Meningkatkan rondaan-rondaan di kawasan-kawasan yang sensitif dari masa ke semasa oleh bot-bot ronda Polis Merin; dan
- (v) Polis Merin setiap masa mengawal Perairan Wilayah Malaysia dari diceroboh oleh Nelayan-nelayan asing yang datang dengan tujuan untuk menangkap ikan. Nelayan-nelayan asing yang ditangkap akan didakwa di mahkamah sejajar dengan kesalahan-kesalahan yang mereka lakukan.

#### HARGA GETAH PEKEBUN KECIL

**29. Tuan Hassan bin Nam** maha Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada beliau sedar bahawa oleh kerana harga getah ketika ini masih terlalu rendah, pekebun-pekebun kecil kurang berminat menoreh getah. Jika sedar nyatakan usaha yang sedang diambil oleh Kerajaan untuk membantu meningkatkan harga getah.

**Tuan Megat Junid bin Megat Ayob:** Harga getah asli yang rendah telah memberi kesan yang tidak sihat khususnya terhadap pekebun kecil. Masalah ini wujud berikutan dari keadaan ekonomi dunia yang belum begitu pulih

yang menyebabkan harga barangan utama termasuk getah telah merosot. Masalah ini menjadi bertambah teruk berikutan dari bekalan yang berlebihan oleh beberapa negara pengeluar getah asli.

Untuk makluman Ahli Dewan Yang Mulia ini, harga getah asli adalah ditentukan oleh faktor bekalan dan permintaan dan Malaysia secara bersendirian tidak boleh mempengaruhi harga getah. Walau bagaimanapun, penglibatan Malaysia yang aktif dalam Perjanjian Getah Asli Antarabangsa yang bertujuan untuk menstabilkan harga di paras yang lumayan merupakan salah satu langkah bagi menentukan kedudukan di paras yang sihat kepada pengeluar. Sehingga ini negara-negara anggota telah menyumbang sebanyak lebih kurang \$705 juta kepada INRO dimana Malaysia telah menyumbang sebanyak \$179 juta sementara negara-negara pengeluar lain dalam lingkungan \$177 juta dan negara-negara pengguna juga memberi sumbangan sehingga lebih kurang \$349 juta walaupun ada beberapa negara yang belum membuat sumbangan sepenuhnya. Sehingga ini Pengurus Stok Penimbal telahpun membeli lebih dari 300,000 getah di pasaran dalam usaha untuk mempertahankan kedudukan harga dari terus jatuh ke paras yang lebih rendah lagi. Sekiranya tiada pembelian yang dilakukan oleh INRO keadaan pasaran getah asli pada masa ini mungkin akan menjadi lebih buruk lagi dimana harga mungkin akan terus jatuh ke paras yang tidak diingini.

Selain dari itu agensi-agensi seperti MARD-EC dan RISDA terus bergiat membeli getah dari pekebun-pekebun kecil dengan harga yang berpatutan. Kerajaan juga telah mengambil langkah menaikkan tingkat harga 'threshold' kepada \$2.10 sekilo berkuatkuasa pada 18.5.85 setelah mengambil kira kepentingan pengeluar-pengeluar dan dengan itu eksport getah tidak dikenakan sebarang duti eksport pada masa ini.

Malaysia berharap negara-negara pengeluar getah asli akan mengambil langkah-langkah bagi mengawal pengeluarannya bagi memperbaiki imbalan bekalan dengan permintaan getah dunia supaya pasaran getah tidak dijejaskan lagi.

### KOPERASI BERDAPAT DAN DEPOSIT TETAP

30. Tuan Tan Chang Soong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan:

- (a) bilangan syarikat koperasi yang ada di negara ini;
- (b) jumlah syarikat koperasi sebegitu yang telah menambahkan cawangan-cawangan kewangannya untuk menambah simpanan wang orang ramai;
- (c) menyatakan jumlah wang simpanan itu; dan
- (d) tindakan-tindakan yang sedang diambil untuk menjamin supaya wang simpanan itu telah diuruskan dengan sewajarnya.

**Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Datuk Seri Sanusi bin Junid):**

- (a) Bilangan koperasi yang berdaftar di Semenanjung pada 31.12.84 ialah 1,707 buah.
- (b) Bilangan koperasi yang menerima deposit-deposit tetap daripada ahli-ahli dan sebahagian daripada orangramai ialah 22. Jumlah Pejabat Tempatan yang dibuka oleh koperasi-koperasi tersebut di Semenanjung Malaysia ialah 297.
- (c) Jumlah wang simpanan dan pertaruhan-pertaruhan yang di terima pada 31.12.84 adalah seperti berikut:-
 

(i) Simpanan = \$ 298,765,931.00	
(savings)	
(ii) Pertaruhan = \$1,964,881,175.00	
tetap	
(iii). Pertaruhan = \$ 194,310,178.00	
khas	
	\$2,457,957,284.00
- (d) Deposit-deposit yang diterima oleh koperasi-koperasi adalah dianggap sebagai 'borrowings'. Dengan yang demikian koperasi-koperasi dikehendaki mendapatkan had kuasa pinjaman luar daripada Ketua pendaftar

Koperasi dan menyediakan Daftar Harta Mudah Tunai yang perlu disampaikan kepada Ketua Pendaftar pada tiap-tiap bulan. Disamping itu koperasi-koperasi yang berkenaan adalah juga dikehendaki mengadakan nisbah mudah tunai sebanyak 25%. Kementerian saya sekarang ini sedang mengkaji Kaedah-kaedah 1949 yang ada kaitan dengan penerimaan deposit untuk dibuat pindaan-pindaan sebagai satu langkah untuk memperketatkan penerimaan deposit daripada bukan ahli dari memperbaiki penguurusan.

Perbincangan-perbincangan awal telah pun diadakan dengan pejabat Peguam Negara berkaitan dengan perkara tersebut

### PEKERJA ASING — PE1SGAMBILAN

31. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan minta Menteri Buruh menyatakan peratusan pengangguran di negara ini pada masa kini dibandingkan dengan masa-masa lampau dan sama ada pengambilan pekerja-pekerja asing akan menambahkan lagi masalah pengangguran dan juga nyatakan jumlah pekerja-pekerja asing yang ada sekarang dan sama ada jumlah ini akan ditambah atau dikurangkan.

**Dato' Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman:** Peratusan pengangguran di negara ini tiap-tiap tahun bagi 10 tahun yang lepas adalah seperti berikut:-

1976	6.1
1977	6.1
1978	6.1
1979	5.6
1980	5.7
1981	5.1
1982	5.1
1983	6.0
1984	6.2
1985	6.2 (anggaran)

Jumlah pekerja-pekerja asing pada masa ini tidak mungkin menambahkan masalah pengangguran negara oleh kerana kerja-kerja yang dikendalikan oleh pekerja asing itu tidak

boleh dikendalikan oleh pekerja kita. Kemasukan pekerja asing hanya dibenarkan berasaskan kepada kemahiran dan kepakaran mereka. Keutamaan pekerjaan dibenkan kepada rakyat negara ini tetapi di mana rakyat tidak mempunyai kemahiran atau tidak berkesanggupan bagi sesuatu pekerjaan, perkerja-pekerja asing dibenarkan masuk untuk tempoh masa yang singkat sahaja. Mereka sebenarnya membantu bagi menampung tenaga kerja tempatan dan telah memberi sumbangan kepada pembangunan negara. Mengikut rekod Jabatan Imigresen jumlah pekerja-pekerja asing yang sedang bekerja di negara ini adalah seperti berikut:-

	1984	1985
(i) Pengurusan	9,849	
(ii) Teknikal dan Penyeliaan	2,816	
(iii) Buruh	635	445

Adalah dipercayai bahawa jumlah pekerja asing di dalam negeri akan dikurangkan dari masa ke semasa memandangkan negara kita sedang giat melatih pekerja-pekerja kita untuk menjalankan tugas-tugas yang disandang oleh pekerja-pekerja asing.

#### COMPULSORY SERVICE PERKHIDMATAN TENTERA

**32. Tuan Mohd. Yusof bin Kassim** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa tentera Vietnam mudah sahaja akan menceroboh negara Thai dan memandangkan Malaysia berjiran dengan Negeri Thai sama ada beliau akan menambahkan bilangan tentera kita termasuk mengadakan 'Compulsory Service' atau perkhidmatan tentera.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Kerajaan bukan sahaja sedar tentang pencerobohan tentera Vietnam ke dalam wilayah Negeri Thai malah sentiasa mengikut setiap perkembangan yang berlaku dan telah mengambil kira dalam merancang strategi pertahanan negara.

Walaupun perkara menambahkan bilangan tentera termasuk mengadakan 'Compulsory Service' atau perkhidmatan wajib merupakan

salah satu cara untuk mempertingkatkan pertahanan negara, tetapi buat masa ini Kerajaan masih belum bercadang untuk mengadakan perkhidmatan tersebut. Perkhidmatan wajib bukan sahaja melibatkan implikasi kewangan yang besar tetapi juga mengambilkira bahawa Kerajaan telahpun membentuk rancangan-rancangan pertahanan yang difikirkan lengkap dan praktik setimpal dengan kemampuan negara untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang berupa ancaman, sama ada ancaman dari dalam dan luar tanpa mewujudkan Compulsory Service.

#### INDUSTRI PERUMAHAN

**33. Toh Muda Dr, Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan mengapakah industri perumahan di negara ini, kecuali di Wilayah Persekutuan, masih lembab lagi, sama ada Kementerian ingin melihat industri perumahan yang lebih giat dan aktif lagi, kalau ya, apakah usaha-usaha yang diambil bagi menghidupkan semula minat orang ramai dalam industri pembangunan harta.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato S. Subramaniam):** Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kelembapan industri perumahan pada masa ini adalah berpunca dari beberapa faktor. Di antaranya, ialah kedudukan ekonomi negara yang masih lagi mengalami kemelesetan, harga rumah yang berada di paras di luar kemampuan kebanyakan mereka yang memerlukan rumah, kadar faedah pinjaman wang yang tinggi dan kekurangan rumah-rumah kos rendah dan sederhana. Keadaan yang lembab dalam industri perumahan adalah melibatkan terutamanya rumah yang harganya melebihi \$100,000 seunit. Bagi rumah yang harganya kurang \$100,000 seunit, permintaannya adalah baik.

Kementerian saya memang ingin melihat kelembapan yang dialami dalam industri perumahan ini berakhir. Oleh kerana rumah kos rendah dan sederhana mempunyai pasaran yang menggalakkan pada masa ini dan keadaan ini dijangka terus wujud dalam beberapa tahun yang akan datang, maka beberapa langkah telah, sedang dan akan diambil untuk menggalakkan pembinaan rumah-rumah jenis ini.

Langkah-langkah ialah:-

- (a) pengswastaaan projek-projek perumahan kos rendah dan kos sederhana oleh Kerajaan-kerajaan Negeri;
- (b) mempercepatkan proses tukar syarat dan pecah sempadan tanah untuk perumahan serta mempercepatkan proses meluluskan pelan bangunan dan mengeluarkan perakuan layak diduduki;
- (c) membenarkan kepadatan penggunaan tanah yang lebih tinggi untuk tanah perumahan;
- (d) penggunaan pelan-pelan seragam untuk rumah kos rendah dan rumah kos sederhana.
- (e) meneruskan pemberian kemudahan pinjaman perumahan dengan kadar faedah yang lebih rendah dari kadar faedah pasaran, iaitu 10% setahun untuk pinjaman bagi rumah yang berharga kurang daripada \$60,000 seunit dan 11% setahun untuk pinjaman bagi rumah yang berharga di antara \$60,000 hingga \$100,000 seunit; dan
- (f) meneruskan penyelidikan serta menggalakkan penggunaan sistem-sistem pembinaan yang lebih moden dalam industri perumahan dalam keadaan yang sesuai.

(Soalan No.34. Sila lihat Jawapan kepada Soalan No.7)

#### BAYARAN TELEFON/TELEX KE LUAR NEGERI

**35. Tuan A. Shaik Dawood** minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sama ada Kerajaan akan mengkaji semula bayaran telefon dan telex keluar negeri memandangkan bayaran tersebut dikebanyakan negara-negara Asia lebih murah berbanding dengan bayaran di Malaysia.

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Saya telahpun bercakap mengenai perkara ini semasa menjawab soalan Yang Berhormat Dato'

K.amaruzaman bin Ahmad di Dewan yang mulia ini pada 1hb. Ogos 1985 dan saya tidak bercadang-untuk membuat apa-apa tambahan.

#### INSENTIF KEWANGAN KEPADA SYARIKAT KOMPUTER

**36. Dato Karnaruzaman bin Ahmad** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau akan mengkaji untuk memberi insentif kewangan dan perdagangan kepada syarikat-syarikat komputer untuk menggalakkan mereka membesarkan perniagaan mereka demi untuk memaju dan memodenkan pembangunan negara.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong):** Sebagai galakan kepada syarikat-syarikat komputer dan juga untuk menggalakkan penggunaan komputer oleh sektor swasta, duti import sebanyak 25% ke atas komputer telah diturunkan ke kadar 5% semenjak tahun 1982 lagi. Cukai Jualan 10% masih dikekalkan. Dengan duti import yang rendah ini akan mengurangkan kos pengimportannya.

Bagi menggalakkan syarikat-syarikat mengeluarkan komputer dan juga membesarkan perniagaan, beberapa jenis galakan disediakan di bawah Akta Galakan Pelaburan 1968 seperti Taraf Perintis, Kredit Cukai Pelaburan, Galakan Tempat Kedudukan, Galakan Penggunaan Buruh dan lain-lain lagi sepertimana yang juga disediakan untuk lain-lain industri dalam sektor perkilangan.

Oleh yang demikian adalah dirasai Kerajaan telah memberi bantuan yang berpatutan dalam hal ini.

Selain dari itu, satu Jawatankuasa Kecil Penyeludupan Daun Tembakau telah juga ditubuh oleh Kerajaan Negeri Kelantan, yang bertanggungjawab untuk membentarkan masalah ini. Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja adalah diwakili dalam Jawatankuasa ini.

Setakat ini, pihak Kastam telah berjaya merampas sebanyak 10,000 kilogram daun tembakau yang diseludup masuk ke negara ini.

### LAWATAN MENTERI PERUSAHAAN AWAM KE BURMA

37. Tuan Haji Shahrom bin Haji Maasom minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan hasil yang telah dicapai dari lawatan beliau ke Burma pada awal 1985 dan nyatakan juga:

- (a) jumlah beras yang akan dibeli dari Burma;
- (b) lama masa perjanjian pembelian beras itu dan harga yang ditetapkan; dan
- (c) jumlah pengaliran wang Malaysia ke Burma untuk maksud ini.

**Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha):** Lawatan rasmi ke Burma telah diadakan pada 25 — 29 Mac 1985. Dalam lawatan tersebut, pandangan akan perlunya dipertingkatkan perhubungan dua hala dari aspek ekonomi (perdagangan) dan kerjasama teknik seperti latihan telah dibangkitkan. Di antara perkara-perkara yang telah dibincangkan ialah:-

- 1.1 Kerajaan Burma telah digesa untuk mengadakan hubungan perdagangan dengan Malaysia secara terus tanpa melalui negara ketiga. Gesaan juga telah dibuat supaya Burma menggunakan perkhidmatan MATTRA, sebuah syarikat perdagangan antarabangsa Malaysia bagi tujuan ini.

Dalam hal ini Burma telah membayangkan yang pihaknya memang mengetahui mengenai penubuhan dan peranan MATTRA dalam bidang perdagangan antarabangsa Malaysia.

- 1.2 Kerajaan Burma juga telah diminta supaya dapat menyalurkan apa-apa maklumat mengenai sesuatu kontrek khususnya ke Kementerian Perusahaan Awam supaya maklumat itu dapat disebarkan ke agensi-agensi khasnya di bawah Kementerian ini. Peluang ini adalah amat besar ertinya kerana Burma kini sedang merancang program pembangunan untuk 4 tahun akan datang dan adalah dijangka banyak kontrek tertentu akan ditawarkan oleh Kerajaan Burma.

- 1.3 Kerajaan Burma telah membayangkan bahawa negaranya memerlukan bekalan-bekalan untuk keperluan industri seperti alat-alat dan mesin, dan telah membayangkan kesanggupannya untuk membeli dari Malaysia.

Di antara perkara-perkara yang telah diper-setujui ialah:-

- 2.1 Syarikat Fima Metal Box akan menyertai tender pembekalan alat-alat dan mesin untuk 'Rolled over Seal Factory Project' yang telah ditawarkan Toleh "Food Stuff Industries Corporation" Burma.

- 2.2 Kerajaan Burma telah ditawarkan bantuan teknik dalam bentuk peluang latihan bagi pegawai-pegawai Burma di bidang teknologi pemerosesan padi dan beras. Pihak Burma telah menerima tawaran ini.

Hasil dari lawatan tersebut, kini MATTRA sedang membuat susulan untuk melaksanakan perdagangan timbalbalas dengan Burma.

Mengenai pembelian beras dari Burma, persetujuan telah dicapai bahawa:-

- (a) Sebanyak 40,000 tan metrik beras dari jenis Emata Super 5% Hancur akan dibeli dari Burma. Bekalan akan dibuat di antara butan Ogos hingga bulan November 1985.
- (b) Perjanjian pembelian beras tersebut adalah selama 4 bulan (Ogos - November 1985). Harga yang telah ditetapkan ialah berasaskan harga pasaran semasa.
- (c) Jumlah pengaliran wang Malaysia ke Burma untuk tujuan ini adalah sejumlah yang dibayar sebagai harga beras.

### JUALAN UBATAN MODEN/ TRADISIONAL

38. Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar pengedaran bahan-bahan perubatan moden dan tradisional di kaki-kaki lima, dan

jika sedar, nyatakan langkah yang diambil untuk melindungi pengguna dari termakan ubat yang tiada pengesahan khusus dari pakar perubatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pat-hmanaban):** Saya sedar bahawa amalan menjual ubat-ubatan moden dan tradisional masih berterusan di tepi-tepi jalan di negara ini.

Saya sedar bahawa ada kalanya ubat-ubatan yang mengandungi racun-racun tertentu dijual oleh mereka yang tidak bertauliah dan berlesen dan perbuatan ini adalah bertentangan dengan peruntukan di bawah Ordinan Racun 1952.

Pegawai-pegawai Farmasi Kerajaan dari semasa ke semasa menjalani pemeriksaan ke atas penjual-penjual ubat di tepi-tepi jalan serta kedai-kedai. Bagi tempoh 1981 hingga bulan Jun tahun ini, seramai 44 penjual ubat di tepi-tepi jalan telah diperiksa dan 22 orang daripada mereka didapati memiliki racun berjadual dan tindakan mahkamah telah dan sedang diambil terhadap mereka.

Saya ingin menyeru kepada orang ramai supaya berhati-hati apabila membeli ubat-ubat dari penjaja-penjaja di kaki lima. Ubat-ubat khasnya yang mengandungi racun-racun haruslah dibeli dari kedai-kedai farmasi sahaja, di atas perakuan doktor perubatan.

#### KEMALANGAN JALANRAYA — SIASATAN

**39. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan memandangkan kemalangan jalanraya sering berlaku sama ada beliau akan menyiasat dengan mendalam supaya tindakan awal dapat diambil untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan di jalan-jalan raya.

**Puan Hajjah Rahmah binti Othman:** Soalan yang sama maksudnya telahpun dijawab di Dewan yang mulia ini pada 31hb. Julai, 1985.

#### KESALAHAN ROGOL — MEMINDA UNDANG-UNDANG

**40. Puan Sri Datin Janaki Athi Nahappan** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan bahawa jenayah perogolan sering berlaku

di negara kita sama ada Kerajaan bercadang untuk menggubal undang-undang mengenakan hukuman gantung sampai mati kepada pe-salah-pesalah yang terlibat.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang meminda undang-undang yang berkenaan bagi memperuntukkan hukuman mati bagi kesalahan rogol oleh kerana hukuman yang ada sekarang adalah difikirkan memadai dan berkesan. Seksyen 376 Kanun Keseksaan memperuntukkan seperti berikut:-

376. Sesiapa melakukan rogol hendaklah dihukum penjara selama tempoh yang boleh dilanjutkan hingga dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan denda, atau sebat.

#### PERANG IRAN/IRAQ

**41. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Luar Negeri menyatakan peranan Malaysia di dalam Peperangan Saudara Iran/Iraq dan sama ada beliau akan mengkaji untuk menubuhkan satu jawatankuasa Parlimen untuk mengkaji dan menjalankan tugas pendamaian.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Saya ingin menegaskan sekali lagi bahawa Malaysia tiada campurtangan dan tiada memainkan apa-apa peranan dalam perang Iran/Iraq ini. Sumbangan kita adalah hanya dalam rangka Jawatankuasa Damai Islam.

Malaysia sebagai salah satu anggota Jawatankuasa Damai Islam yang ditubuhkan oleh Persidangan negara-negara Islam hanya itu memainkan peranan dalam rangka untuk mencapai satu pendamaian bagi peperangan ini. Usaha-usaha ini sedang dilaksanakan dan untuk maklum Dewan yang mulia ini Jawatankuasa Damai Islam akan mengadakan mesyuarat seterusnya pada Pertengahan bulan September nanti.

Saya tidak begitu jelas tentang tujuan bahagian kedua soalan ini tetapi jika apa yang dimaksudkan itu ialah mengenai penubuhan satu Jawatankuasa Parlimen Negara kita maka

saya fikir ianya tidaklah wajar oleh kerana peperangan ini adalah di luar bidang kuasa Parlimen kita.

#### PENDERMA DARAH DI HOSPITAL

**42. Tuan Haji Shuaib bin Lazim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau akan memberi galakan atau insentif kepada penderma-penderma darah memandangkan kekurangan darah di kebanyakan hospital di seluruh negara.

**Dato K. Pathmanaban:** Pada amnya tidak terdapat kelcurangan bekalan darah di hospital-hospital Kerajaan. Walau bagaimanapun, pada waktu-waktu yang tertentu seperti pada bulan puasa dan cuti am panjang semasa perayaan, kekurangan darah bagi sesuatu kumpulan berlaku kerana penderma darah enggan menderma darah pada masa-masa itu. Pusat-pusat tabung darah di hospital-hospital sentiasa merancang dan membuat persediaan terlebih dahulu untuk menghadapi keadaan-keadaan seperti yang dinyatakan.

Menderma darah adalah dianggap satu sumbangan kepada masyarakat dan tidak mempunyai apa-apa akibat kesihatan. Orang ramai perlulah menderma darah dengan sukarela dan ikhlas tanpa mengharapkan apa-apa ganjaran, atas dasar perikemanusiaan untuk menolong atau membantu mereka-mereka yang sakit dan memerlukan darah. Petubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) juga bersetuju dengan strategi ini dan juga mengesyurkan supaya perkembangan perkhidmatan darah kebangsaan dilakukan dengan sukarela tanpa pemberian hadiah (incentive). Kerajaan akan terus menggalakkan orang-orang awam untuk menderma darah tanpa menawarkan sebarang hadiah.

Walaupun bagaimanapun, penderma-penderma darah adalah diberi kemudahan rawatan percuma di Hospital Kerajaan dalam 3 bulan selepas pendermaan yang akhir.

#### MATA PELAJARAN SIVIK DI SEKOLAH MENENGAH

**43. Tuan Mohd. Noor bin Bedah** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar bahawa pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran

'Sivik' di sekolah menengah masih belum mencapai matlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan, dan nyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memperbaikinya.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Mata Pelajaran Sivik merupakan satu alat memupuk dan membimbing murid-murid memahani konsep-konsep kemasyarakatan sesuai dengan raatlamat Dasar Pelajaran Kebangsaan. Pada masa ini Pendidikan Sivik merupakan satu mata pelajaran yang wajib di pelajari oleh murid-murid sekolah.

Dalam Usaha membaikr mutu pengajaran dan pembelajaran sivik, Kementerian Pelajaran telah mengeluarkan Pekeliling Iktisas Bil. 5/1984 bertarikh 7hb. September, 1984. Di antara lain pekeling ini meminta supaya Panitia matapelajaran sivik ditubuhkan, mengadakan latihan dan ujian bagi mata pelajaran sivik dan semua guru bertanggungjawab untuk menyemai dan menerap kesedaran nilai-nilai dan unsur-unsur sivik di kalangan murid.

Kementerian Pelajaran juga sedang berusaha menggubal dan melaksanakan program baru 'Pendidikan Kewarganegaraan' bagi menggantikan mata pelajaran sivik. Matlamat dan objektif pendidikan kewarganegaraan ialah untuk melahirkan masyarakat dan warganegara. Malaysia yang mempunyai sifat-sifat kerakyatan dan keperibadian, selaras dengan perinsip-prinsip Rukunegara.

#### MEMBASMI KEMISKINAN

**44. Tuan Jaafar bin Harun** minta Perdana Menteri menyatakan:-

- (a) langkah-langkah Kerajaan untuk pembasmian kemiskinan dalam jangka masa lima tahun yang akan datang;
- (b) sejak usaha-usaha menghapuskan kemiskinan dimulakan, peratus kejayaan yang telah dicapai dalam tahun-tahun 1982, 1983 dan 1984; dan
- (c) jumlah wang yang telah dibelanjakan untuk tujuan ini.



**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:**

- (a) Dalam jangka masa lima tahun akan datang, Kerajaan akan terus berusaha membasmi kemiskinan supaya menjelang tahun 1990 matlamat pembasmian kemiskinan tercapai. Strategi-strategi, program-program dan projek-projek yang telah saya sebutkan semasa menjawab soalan daripada Y.B. Tuan Jaafar bin Harun pada Ihb. Ogos, 1985 akan terus dan dipergiatkan lagi pelaksanaannya dalam jangka masa lima tahun akan datang. Butir-butir lanjut mengenai langkah-langkah Kerajaan ini untuk membasmi kemiskinan akan diumumkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima yang pada masa ini sedang dalam peringkat penyediaan dan di jangka dibentangkan dalam Dewan yang mulia ini pada awal tahun 1986.
- (b) Kemajuan yang dicapai setakat ini ke arah pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan adalah didapati memuaskan terutama dalam dekad pertama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru iaitu 1971 — 80. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia telah berkurang daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29 peratus dalam tahun 1980. Kemajuan atau kejayaan yang diperolehi dalam awal tahun-tahun lapan puluhan didapati tidak pada kadar yang sama dengan yang dicapai dalam tempoh 1971 - 80. Ini adalah disebabkan oleh kemelesetan ekonomi negara dan kemerosotan harga-harga barangan utama terutamanya getah asli dan kelapa sawit. Kadar kemiskinan telah meningkat sedikit kepada 30.3 peratus dalam tahun 1983. Di Sabah dan Sarawak, kadar kemiskinan telah juga berkurang daripada 41.1 peratus dalam tahun 1979 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1982 bagi Sabah sementara bagi Sarawak daripada 47.7 peratus kepada 31.3 peratus bagi tempoh yang sama.
- (c) Bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat, 1981 - 85, sejumlah \$10,497

juta telah diperuntukkan untuk program-program dan projek-projek bertujuan membasmi kemiskinan sementara sejumlah \$465 juta lagi adalah bagi projek-projek yang memberi faedah kepada kedua-dua matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB), iaitu pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Sehingga tahun 1983, daripada peruntukkan berjumlah \$10,497 juta ini, sebanyak \$6,699 juta telah dibelanjakan. Jumlah peruntukkan yang akan disediakan untuk melaksanakan usaha-usaha membasmi kemiskinan bagi tempoh lima tahun akan datang akan diumumkan semasa jnembentangkan dokumen Rancangan Malaysia Kelima kelak.

Sayugia dimaklumkan bahawa kesimpulan mengenai kemiskinan berasaskan angka-angka yang disebutkan tadi tidak memberi gambaran yang tepat mengenai taraf hidup atau kebajikan golongan miskin. Berbagai perkhidmatan dan kemudahan-kemudahan asas telah disediakan oleh Kerajaan yang membantu meningkatkan taraf hidup mereka. Kemudahan-kemudahan asas dan perkhidmatan-perkhidmatan ini termasuklah pelajaran, kesihatan, pengangkutan, bekalan air dan elektrik dan berbagai subsidi yang diberikan oleh Kerajaan.

**DASAR EKONOMI BARU — KAJIAN**

**45. Tuan Paramjit Singh** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang untuk menyiasat semula dasar ekonomi baru supaya memberi peruntukan bagi kemajuan kepada, bukan sahaja orang-orang Melayu tetapi juga kepada orang-orang bukan Melayu yang terlalu miskin.

**Dato Mohamed Khalil bin Yaakob:** Berhubung dengan soalan Ahli Yang Berhormat, saya suka menjelaskan dahulu mengenai kenyataan beliau yang bermaksud bahawa Dasar Ekonomi Baru hanya untuk memberi faedah kepada orang-orang Melayu sahaja. Dasar Ekonomi Baru bukan dirangka dan dilaksanakan semata-mata untuk memberi faedah ke-

pada orang-orang Melayu sahaja. DEB dirancang berasaskan pertumbuhan ekonomi dan bertujuan untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya kaum-kaum utama di negara ini tidak dikenali menerusi satu-satu kegiatan ekonomi yang tertentu sahaja. Dengan demikian, soal menylasat semula DEB seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu bagi tujuan memberi peruntukan-peruntukan Tertentu kepada orang-orang Melayu dan juga bukan Melayu tidak timbul.

Untuk makluman Yang Berhormat, pihak Kerajaan sentiasa mengkaji pelaksanaan DEB bagi mengetahui kemajuan yang dinikmati oleh semua kaum. Ketika ini Kerajaan sedang meneliti dengan berhati-hati perlaksanaan DEB dalam konteks pertumbuhan ekonomi yang lembab yang sedang kita alami sekarang akibat dari kemerosotan ekonomi dunia dan hasil penelitian tersebut dimasukkan dalam dokumen Rancangan Malaysia Kelima kelak. Dokumen ini akan dikemukakan di Dewan yang mulia ini pada awal tahun hadapan.

#### MISC — KAPAL PENUMPANG MALAYSIA — INDIA

**46. Senator Tuan A. Shaik Dawood** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia bercadang mengadakan pekhidmatan kapal penumpang antara Malaysia dengan India akibat kebakaran kapal M.V. Chitambaram dalam usaha menarik lebih banyak pelancongan ke negara ini.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia Berhad (MISC) pada masa ini tidak mempunyai apa-apa rancangan untuk mengadakan perkhidmatan kapal penumpang antara Malaysia dengan India. Kapal-kapal MISC digunakan sepenuhnya untuk pengangkutan kargo.

#### PENERAPAN NILAI KESENIAN/ KEBUDAYAAN

**47. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan apakah yang dimaksudkan dengan penerapan nilai kesenian dan kebudayaan bangsa

demikian untuk mencapai hasrat negara untuk berjimat cermat dan melambangkan kesenian kebudayaan dan bangsa.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Maksudnya ialah usaha-usaha menanam rasa cinta dikalangan rakyat terhadap nilai-nilai serta identiti kebangsaan agar mereka merasa bangga dengan hakmilik dan keperibadian sendiri. Dengan cara ini kita dapat mengelakkan diri daripada memberikan penilaian tinggi terhadap kebudayaan asing sehingga ke peringkat sanggup mengimport dengan kos yang tinggi segala keperluan hidup baik keperluan jasmani mahupun keperluan rohani dari negara luar. Dengan berbuat demikian kita juga dapat menyekat pengaliran mata wang negara ke luar negeri yang kalau dibiarkan sudah pasti akan menjejaskan kedudukan ekonomi negara.

Di antara langkah-langkah utama yang dijalankan bagi mencapai matlamat ini adalah menyekat atau mengurangkan kemasukan unsur-unsur seni budaya asing yang negatif sama ada melalui media massa atau media letronik. Usaha ini juga termasuk langkah-langkah mengurangkan kemasukan artis-artis luar, gerakan-gerakan kempen membeli barangan keluaran tempatan, memakan buah-buahan tempatan dan juga penggalakan pelancongan dalam negeri. Apa yang jelas di sini ialah apabila kita mengutamakan cara hidup sendiri, hasil daya usaha sendiri serta menghargai daya kreatif kita sendiri maka tidak lagi perlu membeli atau mengimport dari luar. Maka dengan sendirinya sikap yang tersebut akan membantu dalam mencapai hasrat negara untuk berjimat cermat serta memberi tempat yang sewajarnya kepada seni budaya bangsa.

#### JURANG PERBEZAAN KAYA — MISKIN

**48. Tuan M.G Pandithan** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar dasar dan tindakan Kerajaan hanya menguntungkan golongan kaya dan yang miskin pula menjadi bertambah miskin; jika ya, nyatakan langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan jurang perbezaan ini.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob** Kerajaan tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat Senator yang mengatakan bahawa

dasar dan tindakan Kerajaan hanya menguntungkan golongan kaya sedangkan yang miskin dikatakan menjadi bertambah miskin. Selaras dengan jawapan yang telah dikemukakan di Dewan ini pada 30hb. Julai, 1985 (soalan daripada Y.B. Tuan Abdul Ghani Othman), saya ingin menegaskan bahawa dasar pembangunan negara ini ialah untuk mengagihkan faedah pertumbuhan ekonomi kepada semua golongan rakyat.

Pada pendapat Kerajaan, sehingga ini, tidak terdapat bukti yang boleh menunjukkan belakunya keadaan seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat itu. Kita harus lebih berhati-hati dalam soal ujudnya perbezaan ini kerana dalam konteks negara kita, Kerajaan telah memainkan peranan penting dalam menyediakan banyak kemudahan-kemudahan asas untuk kepentingan rakyat terutamanya mereka yang berpendapatan rendah.

Kita harus sedar bahawa dengan adanya pertumbuhan, kemakmuran dan kestabilan ekonomi semua golongan rakyat mendapat peluang untuk meninggikan pendapataannya dan taraf hidup mereka. Sejauh manakah tiap-tiap kumpulan dan mencapai tingkat hidup yang lebih tinggi bergantung kepada kemampuan, daya pengeluaran, pengetahuan serta kesanggupan untuk bekerja kuat untuk mencapai matlamat masing-masing.

Dakwaan yang dibuat bahawa golongan miskin menjadi bertambah miskin adalah tidak benar. Pendapatan purata bulanan bagi isirumah dalam kumpulan pendapatan 40 peratus terendah didapati telah meningkat daripada \$75.90 dalam tahun 1970 kepada \$186.19 dalam tahun 1979.

Disamping itu, kemudahan pelajaran dan latihan, kesihatan dan infrastruktur yang semakin meluas telah membolehkan golongan yang dahulunya hidup miskin menikmati taraf kemudahan yang lebih tinggi dan seterusnya mendapat pendapatan yang lebih lumayan.

Berdasarkan keterangan ini, Kerajaan mengakui wujudnya perbezaan antara golongan yang berada dengan tidak berada di negara ini tetapi adalah menjadi hasrat pihak Kerajaan untuk sentiasa mengawasinya supaya jurang tersebut tidak menjadi meluas.

## PENYELUDUPAN DAUN TEMBAKAU

**49. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada beliau sedar ada penyeludupan daun-daun tembakau dari negara lain ke negara kita; jika sedar apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengatasi masalah tersebut.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Penyeludupan daun tembakau dari negara lain, terutamanya Thailand, ke negara ini memanglah disedari.

Untuk mengatasi masalah ini Jabatan Kastam dan Eksais Di Raja telahpun meningkatkan kegiatan-pencegahnya terhadap penyeludupan itu. Langkah-langkah yang telah diambil oleh Jabatan tersebut ialah:-

- (i) Mengadakan lebih banyak sekatan jalanraya di tempat-tempat tertentu;
- (ii) menambahkan rondaan di sungai, laut dan darat;
- (iii) mengadakan kerjasama yang lebih rapat dengan impoma-impoma untuk mendapat maklumat mengenai kegiatan penyeludupan daun tembakau;
- (iv) mengadakan kerjasama yang rapat dengan Lembaga Tembakau Negara untuk mendapat bantuannya dalam penyiasatan penyeludupan;
- (v) mengadakan satu 'profile' mengenai kegiatan penyeludupan tembakau, untuk membantu supaya kegiatan pencegahan dapat dilaksanakan secara lebih berkesan.

## LPN — KOMPLEKS MENGERING PADI

**50. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan keupayaan kompleks padi LPN di Kedah dan Perlis untuk memproses dan membeli padi pada musim.

**Tuan Haji Daud bin Dato Haji Taha:** Pada masa ini LPN mempunyai 19 buah kompleks mengering dan mengilang padi di Negeri Kedah dan Perlis. Jumlah tersebut terdiri sebanyak 12 kompleks bersepadu mengering dan mengilang dan 3 kompleks mengering di Ke-

dah. Manakala di Perlis pula terdapat 2 kompleks bersepadu mengering dan mengtlang dan 2 kompleks mengering.

Setiap kompleks LPN mempunyai keupayaan mengering di antara 6,000 - 10,000 tan metrik dan mengilang 8,000 tan metrik semusim (6 bulan). Kesemua kompleks LPN di Kedah dan Perlis berkeupayaan mengering di antara 108,000 -180,000 tan metrik dan mengilang 112,000 tan metrik semusim.

Keupayaan mengering padi di sesebuah kompleks adalah bergantung kepada keadaan dan mutu padi yang dibeli. Padi yang mempunyai wap basah yang tinggi, banyak sampah, hampa dan jerami akan mengambil masa pengeringan yang lebih lama serta kos yang lebih tinggi.

#### AGENSI YANG DISWASTAKAN

**51. Dato G. Pasamanickam** minta Perdana Menteri menyatakan agensi-agensi yang telah dan akan diswastakan.

**Dato Mohamed Khalid bin Yaakob:** Setakat ini sebuah agensi adalah dalam pertimbangan untuk diswastakan tetapi belum sampai ke peringkat menyerahkan agensi itu kepada pihak swasta untuk mengambil alih pengendaliannya kerana ada beberapa perkara yang belum selesai. Agensi itu adalah Jabatan Talikom Malaysia yang Rang Undang-undang untuk membolehkan Agensi ini diswastakan akan di bantangkan kepada Dewan Negara di sesi yang sedang berjalan sekarang.

Pengswastan agensi-agensi lain akan dikenalpasti oleh Kerajaan, atau oleh agensi itu sendiri atau oleh sektor swasta dari satu masa ke satu masa. Kerajaan akan menimbang kesesuaian menswastakan agensi-agensi tersebut setelah dikaji dengan teliti dan rapi.

#### BIASISWA KECIL PERSEKUTUAN KHAS

**52. Dato' G. Pasamanickam** minta Menteri Pelajaran menyatakan memberi pecahan-pecahan kaum bagi Biasiswa Kecil Persekutuan Khas yang diberikan oleh Kementerian Pelajaran.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Biasiswa Kecil Persekutuan Khas diberi hanya kepada pelajar-pelajar Bumiputra di Sekolah Menengah Bantuan Penuh Kerajaan yang hilang tempat pergantungan. Setakat ini seramai 15 orang pelajar sahaja telah dihadihkan biasiswa berkenaan.

#### KEWARGANEGARAAN ANAK PENDANTANG HARAM

**53. Dato' K. Kumaran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan polisi dan pendirian Kerajaan terhadap:

- (a) kewarganegaraan anak-anak yang lahir kepada pendatang-pendatang haram yang bekerja di sektor perladangan dan pembinaan negara ini;
- (b) kewarganegaraan anak-anak yang lahir kepada pelarian dan pendatang haram yang tinggal di khemah-khemah pelarian negara ini; dan
- (c) kewarganegaraan anak-anak yang lahir kepada rakyat bermastautin tetap (permanent residence) di negara ini yang lahir sebelum 1957 sebelum 1963 dan selepas tahun-tahun ini.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri menganugerahkan taraf kewarganegaraan kepada seseorang itu mengikut keperluan yang termaktub dalam Bahagian Ketiga, Perlembagaan Malaysia. Anak-anak pendatang haram, tanpa mengira negara asal ibubapa mereka atau tujuan mereka berada di sini, tidak layak untuk mendapat taraf kewarganegaraan Malaysia.

Kanak-kanak yang lahir dalam Persekutuan kepada ibubapa yang bermastautin di negara ini sebelum 1957 dan sebelum Hari Malayista, iaitu 16,963 adalah tertakluk kepada peruntukan di bawah Bahagian I, Jadual Kedua, Perlembagaan Malaysia. Bahagian Kedua, Jadual Kedua Perlembagaan Malaysia pula menetapkan taraf kerakyatan bagi kanak-kanak yang lahir selepas hari Malaysia.

### DOKTOR PAKAR HOSPITAL KUALA KANGSAR

54. **Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada pihaknya sedang berusaha untuk mencari ganti doktor pakar yang telah ditukarkan dari rumah sakit Kuala Kangsar, oleh kerana Hospital tersebut terpaksa menghadapi pesakit-pesakit yang berlipatganda iaitu dari 300 hingga 400 orang ada tiap-tiap hari.

**Dato' K. Pathmanaban:** Pada masa ini Kementerian Kesihatan masih menghadapi kekurangan pakar-pakar dalam bidang perubatan.

Kementerian Kesihatan akan menempatkan pakar-pakar perubatan ini di Hospital Daerah, Kuala Kangsar apabila keadaan mengizinkan.

Walau bagaimanapun, pesakit-pesakit dari Hospital Daerah, Kuala Kangsar, yang memerlukan perkhidmatan kepakaran akan dirujuk ke Hospital Besar, Ipoh dan Hospital Daerah, Taiping yang berhampiran di mana perkhidmatan kepakaran disediakan. Pakar-pakar dari Hospital Daerah Taiping juga akan membuat lawatan ke Hospital Daerah Kuala Kangsar pada semasa ke semasa.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN YANG DIBEBAHKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT DAN PENANGGUHAN MESYUARAT

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat II, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

**Timbalan Menteri Pertahanan (Datuk Abang Abu Bakar bin Datu Bandar Abang Haji Mustapha):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan usul atas nama Yang Berhormat Datuk Dr. James P. Ongkili untuk diputuskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa, walau apapun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan hari ini sehingga telah selesai dipertimbangkan-semua sekali urusan yang tertera dalam Aturan Urusan Mesyuarat untuk hari ini, dan apabila tamat mesyuarat, Dewan ini akan ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

### RANG UNDANG-UNDANG

#### RANG UNDANG-UNDANG TELEKOMUNIKASI (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang (1hbOgos, 1985)

4.10ptg.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua, menyambung semula ucapan saya pada kelmarin yang mana saya telah menyentuh bahawa negara kita masih lagi muda dalam penggunaan, telekomunikasi yang moden dan rakyat di negara ini belum pun puas menikmati kemudahan-kemudahan telekomunikasi yang moden. Saya berharap supaya bila-mana pengambilan telekomunikasi ini oleh

syarikat-syarikat swasta yang telah ditentukan kelak supaya ianya akan meneruskan perkhidmatan-perkhidmatan yang lebih baik. Seperti mana kita percaya beberapa tahun kebelakangan, kita telah bersungut, ramai rakyat bersungut bahawa perkhidmatan telekomunikasi kita tidak memuaskan baik di dalam negeri mahupun perkhidmatan di luar negeri, tetapi setelah kita mencapai semuanya yang hampir-hampir memuaskan, maka Kerajaan telah cuba menswastakan telekomunikasi negara ini kepada syarikat-syarikat yang tertentu.

Maka kita kluatir jika sekiranya syarikat-syarikat ini tidak akan dapat mengendalikannya dengan lebih baik maka ini ibarat kata pepatah 'Seperti tikus membaiki-labu', bukan untuk memperbaiki, di sebaliknya kita akan lebih banyak menghadapi perkara-perkara yang tidak diinginkan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, telekomunikasi adalah merupakan sebagai satu kemudahan awam yang paling penting di mana-mana jua di dunia, apa lagi seperti negara kita Malaysia, seperti hospital, tenaga elektrik, air, sekolah, jalanraya dan telekomunikasi inilah satu-satunya pada awalnya bilamana saya membahaskan Rang Undang-undang ini adalah merupakan sebagai satu nadi penggerak di dalam negara kita dan ianya juga banyak perkara-perkara yang patut diambil perhatian kerana telekomunikasi inilah juga salah satu daripada nadi penyimpan rahsia dan maklumat negara dan bila sekiranya telekomunikasi negara ini telah diswastakan, mungkin penjagaannya tidak sama sepertimana apa yang dibuat atau kawalannya seperti yang dilakukan oleh pihak Kerajaan.

Kita kluatir ini adalah soal dunia, soal wang yang mustahak. Jadi manusia kadang-kadang tidak mengambil kira, untuk kepentingan dia seorang diri sahaja mungkin tidak menjadi masalah kerana dia boleh meninggalkan negara ini pergi ke mana sahaja asalkan mereka itu dapat menjamin dan menampung hidupnya di negara lain. Jadi inilah saya fikir, saya tidak akan menjelaskan lebih panjang di dalam soal ini kerana mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga mengetahui dan dapat mendalami maksud-maksudnya kerana inilah

yang saya katakan telekomunikasi ini adalah merupakan sebagai satu perhubungan dan juga berbagai rahsia-rahsia yang terkandung di dalamnya dan kita kluatir rahsia-rahsia Kerajaan kita juga akan dapat dirakamkan oleh anasir-anasir yang tidak bertanggungjawab daripada kuasa-kuasa luar dan mereka menyogokkan lebih daripada 2 tahun gaji, sogokkan dia dengan harga lebih daripada 2 tahun gaji dan rakamkan ini, boleh buat satu pita rakaman apa-apa perbincangan, perbualan negara kita ini di antara Perdana Menteri kita, perbualan dengan pihak-pihak intelligence tentera kita dan sebagainya dan kita kluatir pihak swasta tidak akan dapat menyimpan, mereka tidak akan dapat menyimpan rahsia-rahsia seperti ini.

Kerajaan haruslah berhati-hati dalam soal ini. Saya minta perkara ini tidak akan berlaku tetapi sebagai seorang warganegara yang cintakan negara ini, yang sayangkan negara ini tidak akan dimusnahkan dengan sekelip mata kerana disebabkan satu jabatan yang mempunyai pengaruh yang begitu kuat, yang begitu berguna kepada negara ini tetapi kita jadikan dia sebagai sebuah syarikat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, inilah sebagai satu peringatan saya.

Ini telahpun berlaku satu peristiwa di Kuala Lumpur, saya ingat mungkin sebulan yang lepas bilamana kuasa tenaga elektrik telah terputus di seluruh Kuala Lumpur. Lampu-lampu isyarat tidak dapat berjalan, semua kereta di Kuala Lumpur sudah tidak dapat berjalan, bergerak. Polis-polis trafik kita tidak tahu apa mahu buat, mana polis-polis kita di seluruh negara. Mereka tidak dapat menggerakkan ke mana haluan kereta-kereta ini mesti mahu dilarikan. Dengan kuasa tenaga elektrik sahaja, kalaulah berlaku kecemasan atau darurat di negara kita seperti itu, saya fikir kita tidak boleh buat apa-apa lagi, apa pertahanan kita sedangkan traffic jam dengan terputusnya tenaga elektrik di seluruh Kuala Lumpur, kita sudah tidak boleh buat apa-apa, tidak tahu berapa lama, barangkali hampir 48 jam pihak polis trafik baru dapat mengembalikan semula bilamana kuasa tenaga elektrik dapat dipulihkan. Itu baru tenaga elektrik sahaja. Jadi ini sebagai satu contoh, sebagai satu amaran kepada negara kita, sebab kita tidak ada satu jalan

lain, tidak ada satu alternatif yang lain bagaimana untuk kita mengelakkan semua ini daripada berlaku.

Cuba kita lihat kalau misalnya di Korea, mereka mempunyai jalanraya yang begitu luas, yang besar. Mungkin kita berpendapat bahawa jalanraya yang mereka buat besar itu semata-mata untuk menampung kenderaan-kenderaan jangka panjang, mungkin kenderaan di Korea ini akan bertambah lebih banyak, jadi mereka buat jalanraya yang lebih besar. Yang sebenarnya bukan itu maksud Kerajaan Korea ataupun setengah-setengah Kerajaan, mungkin di Perancis juga terdapat begitu. Bukan itu maksudnya, tetapi mereka memikirkan jika terdapatnya sesuatu keadaan darurat di negara itu, mereka boleh melarikan kenderaan-kenderaan, jangan menggunakan jalanraya dan mereka akan menurunkan jet-jet fighter mereka di jalanraya-jalanraya. Ini juga yang terdapat di Korea dengan tujuan mereka buat lebuhraya yang begitu besar untuk kegunaan mendaratkan jet-jet pejuang mereka pada bila-bila masa. Itu pilihan yang kedua kepada Korea dan mungkin ini juga terdapat di France kalau kita lihat.

Barangkali kalau kita lihat jalan yang dibuat di Perancis itu hampir 20 batu lurus memanjang lebuhrayanya tetapi tujuannya itulah, mereka akan terus mendaratkan tentera, menggunakan jalanraya itu tempat helikopter mendarat dan menurunkan tentera-tentera mereka. Tetapi kita tidak ada persediaan seperti ini, baru putus tenaga elektrik, kereta jam semua habis. Ada orang yang dari Subang Airport mahu sampai ke hotel mengambil masa 6 jam baru sampai, ada yang bawa anaknya tidur dalam kereta. Ini baru perkara kecil sahaja, baru terputus tenaga elektrik, lampu isyarat tidak dapat menyala. Itu baru sedikit, apa lagi soal telekomunikasi. Jadi kita harus berhati-hati, saya minta kepada pihak Kerajaan supaya berhati-hati dalam soal ini.

Kita tidak tahu apa akibatnya, mungkin perkara ini tidak kita rasakan sekarang, tidak timbul sekarang. Yang saya katakan mereka yang sanggup menerima sogokan dari mana-mana pihak, anasir-anasir yang lain, mereka

tidak cintakan negara ini sedangkan kita mempunyai musuh kita di dalam jabatan-jabatan yang tertentu.

Mereka ini adalah orang yang hanya akan menekan butang, menekan switch sahaja mereka dapat memberikan maklumat apa yang ada di negara ini.

Mungkin rumah saya boleh dipasang pita rakaman bila saya membuat hubungan telefon ke mana-mana, mungkin perbualan dan perbincangan saya itu boleh didengari. Ini juga harus dungatkan, mahu meminda undang-undang adalah satu perkara yang mudah. Kita boleh catatkan sahaja dalam kertas ini. Ini kita masukkan dalam mesin cetak, kita boleh buat, kita bacakan. Tetapi perlaksanaannya nanti tidak semudah membuat undang-undang. Itulah ingatan saya kepada Kerajaan yang ingin menswastakan telekomunikasi negara ini harus mengambil kira yang lebih mendalam lagi jika satu perkara yang akan bangkit, yang akan timbul yang tidak disedari oleh pihak Kerajaan, maka siapa yang harus dipertanggungjawabkan dalam soal ini. Sudah tentu Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini juga yang bertanggungjawab kerana kita juga yang meluluskannya. Itulah pandangan saya daripada apa yang akan timbul, jika sekiranya ini terlaksana.

Kita berharap mudah-mudahan apa juga perkara-perkara yang tidak diinginkan tidak akan terjadi. Kita berdoa mudah-mudahan segala-galanya berjalan dengan baik. Saya percaya apa juga yang dirancangan oleh Kerajaan adalah untuk tujuan yang baik, demi untuk kebaikan. Tetapi yang saya katakan tadi, kita masih mengharapkan kebaikan, kepuasan dan sebagainya. Adakah Kerajaan yakin dengan menswastakan telekomunikasi ini juga yang mereka akan dapat memperbaiki perkhidmatan yang lebih daripada Kerajaan. Kalau syarikat swasta, sudah tentu mereka akan mencari ongkos atau mencari sumber kewangan dengan menggunakan pinjaman-pinjaman daripada pihak-pihak bank atau daripada institusi-institusi kewangan, mahupun daripada dalam negeri dan kalau tidak dapat dari dalam negeri, mereka akan cuba mendapatkan sindikit pinjaman wang dari luar negeri untuk diperbesar-kan, untuk memudahkan, memberikan kemudahan yang begitu baik. Bila kos pembaikan ini

sudah bertambah, kepada siapa orang yang akhir untuk membayar kos ini nanti. Orang yang terakhir yang akan membiayai kos adalah pengguna, dengan izin, the last person who pays the cost is the consumer. Inilah keadaan yang selalu berlaku, pengguna-pengguna adalah orang yang terakhir sekali yang membiayai sebarang kos yang akan timbul. Ini harus disadari. Walaupun Kerajaan akan membelanjakan beribu-ribu juta ringgit tetapi kos yang akhir akan dipertanggungjawabkan kepada pengguna yang akhir baikpun seorang yang berpendapatan kecil mereka itu adalah orang yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir saya tidak akan banyak menyentuh dalam soal ini lagi cuma beberapa perkara yang sedikit harus saya sebutkan di sini iaitu dari segi pencetakan panduan telefon, iaitu penggunaan nama-nama dalam panduan telefon. Kadang-kadang kita dapati nama-nama yang dicetak dalam panduan telefon ini tidak menurut seperti nama-nama yang tertentu, nama yang sebenarnya. Nampaknya pencetak-pencetak kita atau mesin-mesin cetak kita di sini yang sudah menggunakan komputer terpaksa tunduk mengikut bahasa komputer. Katakanlah kalau nama saya Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar, bahasa komputer tidak boleh terus begitu, dia taruh di sana Jaafar Datuk Mohd. Din, Senator di hujung. Macam bahasa MAS juga, bahasa komputer, terbalik.

Saya harap dalam penggunaan-penggunaan buku-buku panduan telefon ini mestilah menggunakan nama Ali bin Abu, bukan di sana Abu Ali bin di hujung. Itu maksud saya bahasa komputer. Seolah-olah bahasa nama ini sudah tidak diindahkan lagi, menurut kehendak cara bahasa Inggeris yang mana surname, itu yang diunderline. Ini juga yang kerap kali saya merasa bingung, nama kita yang sudah dicatatkan dalam surat beranak dan sebagainya tetapi dalam panduan telefon nama sudah lain. Itulah teguran saya yang secara ringkas mengenai panduan telefon ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidak akan menyentuh lebih panjang lagi dalam soal Akta ini, mungkin perkara ini mempunyai dua Akta yang hampir serupa maksudnya. Apa juga yang saya sentuh di sini saya harap akan diambil perhatian dan apa juga yang saya lafazkan

itu adalah datang daripada perasaan dan fikiran saya dan saya harap bilamana syarikat swasta ini telah mengambil alih, kawalselia daripada pihak Kerajaan haruslah diambil perhatian yang sebaik-baiknya dari masa ke semasa dan dengan itu saya berharap mudah-mudahan Akta ini bila dilaksanakan nanti ia akan berjalan dengan seberat-beratnya dan syarikat pengganti ini juga akan dapat melaksanakan khidmatnya seperti mana yang diharapkan oleh rakyat negara ini dan juga negara-kita yang sedang membangun ini, yang saya katakan kita masih lagi sebagai negara yang belum mempunyai cukup kemudahan-kemudahan yang diperlukan kalau kita bandingkan dengan negara-negara yang sudah maju di Barat.

Maka dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang untuk meminda Akta Akta Telekomunikasi 1950.

4.27 ptg.

**Puan Nen Abidah binti Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya juga bangun bersama-sama untuk mengambil bahagian dalam membahaskan satu Akta yang dinamakan Akta Telekomunikasi (Pindaan) 1985. Kita mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang telah membentangkan Akta ini dengan cukup panjang lebar dan merasakan bahawa ini adalah menjadi tanggungjawab kita bersama.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan Telekom adalah merupakan satu perkhidmatan yang sangat penting di negara ini, bukan sahaja digunakan oleh orang yang berpangkat tinggi atau yang berpendapatan tinggi, atau orang kaya tetapi bagi orang miskin atau yang berpendapatan rendah mereka merasakan bahawa penggunaan telefon pada masa ini ataupun pada masa yang kita katakan masa yang sangat penting adalah amat berguna. Di masa yang lalu, kita juga merasa hairan melihat rumah-rumah orang kaya yang ada menaruh dan menggunakan telefon tetapi sekarang tidak menjadi hairan kiranya di rumah-rumah atau di kampung-kampung ada telefon.

Kita merasa bangga oleh kerana pemakaian telefon sudah begitu meluas di negara kita. Maklumlah ada anak-anak yang sudah bekerja



dan ada berpendapatan yang lebih lumayan merasakan bahawa perlu disambung telefon di rumah ibu-bapa mereka. Dan anak-anak pula berasa bimbang sekiranya dalam seminggu sahaja tidak mendengar berita dari kampung oleh itu jalan yang paling senang dan paling ringkas ialah dengan telefon. Maka perkhidmatan telekom patut diperkemas kinikan bagi merigikut kemampuan rakyat di negara kita sekarang ini.

Perkhidmatan telefon harus juga diubahsuai supaya mutu perkhidmatan telekom yang ada hari ini tidaklah diperkotak katikkan dengan sebab pengswastaan. Saya takut, Tuan Yang di-Pertua, emosi mereka semakin tinggi dan Kerajaan tidak boleh buat apa-apa sedangkan telekom sudah diswastakan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar pengswastaan ini mungkin lebih baik atau tidak seperti apa yang dikatakan oleh rakan-rakan saya Perkhidmatan Telekom pada hari ini kadang-kadang terdapat berlaku kerosakan sehingga beberapa hari dan tidak dapat diperbaiki dengan segera. Dan saya juga hairan iaitu berhubung dengan sewaan telefon yang ada berbeza-beza, ada yang \$24, ada \$20, ada yang lebih; apakah cara ini tidak dapat diselaraskan kepada semua pemilik-pemilik telefon.

Bagi pihak kakitangan Telekom pula, ertinya operator-operator ada setengah-setengahnya yang menyambut telefon dengan suara yang kasar dan tidak begitu melayan akan pelanggan-pelanggan mungkin ada konfrantasi di rumah sehingga sampai di pejabat dan ditelefon pun mahu konfrantasi juga. Perkara ini tidak payah dinafikan oleh mereka, pelanggan-pelanggan sahaja yang tidak suka hendak membesar-besarkan perkara yang kecil. Sungguhpun begitu, perkara ini tidak harus dilakukan, seperti curi line juga berlaku iaitu pernah apabila kita angkat telefon dan kita boleh dengar orang lain bersembang atau kita boleh dengar seorang suami dan isteri bergaduh dalam telefon. Ini pun ada juga. Bermakna rahsia-rahsia tidak dapat disimpan atau tidak dapat dirahsiakan iaitu apabila mereka bercakap di dalam telefon. Jadi dengan sebab itu kita berharap jugalah apabila pihak-pihak ini diswastakan, mungkin dapat diperbaiki lebih-lebih lagi dan mungkin kita akan dapat menggunakan telefon atau tidak akan

mendengar lagi suara-suara orang bergaduh atau bersembang-sembang perkara-perkara yang bukan-bukan drdalam telefon. "

Bagi pihak Kerajaan yang apabila diswastakan Telekomunikasi ini harus membuat garis panduan atau syarat-syarat tertentu supaya mutu atau nilai kakitangan perkhidmatan adalah adil dan saksama. Saya berharap kepada Kerajaan walau bagaimanapun Telekom ini diswastakan nanti akan menjadi satu pengawa! kepada syarikat pengganti supaya kebajikan dan ketidakpuasan tidak akan berlaku kepada kakitangan-kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Telekom.

Seperkara lagi yang harus kita perhatikan apabila telah diswastakan, jnungkin pihak yang diswastakan sentiasa mencari keuntungan. Kita perlu mengingatkan supaya Perkhidmatan Telekom kepada penduduk-penduduk luar bandar dan kemudahan-Kemudahan yang ada sekarang ini tidak akan menjejaskan kemudahan mereka, dan kita tidak mahu mendengar lagi bahawa iaitu dengan adanya pengswastaan ini adalah lebih teruk lagi dari masa-masa yang lalu.

Kita berharap dengan adanya dasar pengswastaan itu agar dapat meringankan beban-beban yang ditanggung oleh Kerajaan, Tetapi kita juga berharap supaya akibatnya tidak akan diterima oleh orang ramai ataupun rakyat-rakyat di luar bandar yang akan merasa kepayahan. Dan kemudahan-kemudahan yang lebih baik harus dapat dinikmati seperti panggilan-panggilan telefon, penggunaannya, permohonan-permohonan yang kadangkala membosankan pemohon-pemohon seperti yang pernah berlaku dewasa ini. Ada seorang yang memohon untuk dipasang telefon ke rumahnya, kadang-kadang boleh dikatakan dua tahun pun belum boleh dapat lagi.

Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini Dato' Leo Moggie, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos telah berkata kadar bayaran telekom dalam negeri akan dinaikkan sebanyak 30% tidak akan membebankan para pengguna. Beliau harus ingat sekalipun 100 panggilan cuma sebulan merupakan panggilan percuma sebanyak \$13

sebulan tetapi apa yang mendukacitakan berbanding pemakaian telefon, ertinya keadaan-keadaan kedai perniagaan dan di gedung-gedung tertentu sudah tentu menggunakan banyak panggilan di atas urusan perniagaan mereka berbanding dengan rumah tidak membuat panggilan seberang laut, panggilan-panggilan jauh tetapi mengapa bayarannya lebih daripada bayaran yang dikenakan kepada kedai-kedai.

Jadi dengan ini dinyatakan bahawa ada kalanya menjadi hairan juga bagi kita, adakah bagi mereka yang memeriksa pemakaian telefon ini iaitu melebihi atau mengurangkan pada tempat-tempat yang tertentu.

Mengenai pengswastan juga, Jabatan Telekom, beliau telah menerangkan sebuah syarikat akan dilantik untuk mengendalikan perkhidmatan ini. Beliau menegaskan Kerajaan telah melantik sebuah Jawatankuasa di bawah Yunit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk mengkaji segala aspek pengswastakan untuk mengawasi perlaksanaannya. Saya berharap agar Jawatankuasa Perancangan Ekonomi akan dilantik tidaklah terdiri daripada kaum lelaki sahaja, jauhkanlah sikap diskriminasi kepada kaum wanita, lantiklah sama kaum wanita dan berilah peluang wanita sama membincangkan hal-hal yang mungkin dapat diatasi bersama.

Yang Berhormat Menteri juga telah menegaskan kakitangan Jabatan Telekom yang ingin berkhidmat dengan syarikat itu perlu mengikut syarat dan peraturan syarikat dan menegaskan bahawa mereka tidak akan kehilangan taraf pencen. Saya berharap supaya wang pencen yang harus dibayar kepada kakitangan yang sudah diambil berkerja dengan syarikat itu nanti tidak akan membebaskan Kerajaan pula. Dan juga beliau menegaskan mereka akan menerima faedah lain seperti bonus, peluang memiliki saham syarikat itu dan ini adalah satu peluang keemasan. Dengan adanya peluang-peluang seperti ini akan membolehkan rakyat membeli saham-saham dalam syarikat telekom yang akan menjadi syarikat pengganti dan penjualan saham itu pula dapat dibuat secara perseorangan.

Jadi, saya tidaklah memanjangkan perbincangan saya dan dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Lajim.

4.37 *ptg*

**Tuan Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang di-Pertua, di dalam perbincangan Rang Undang-undang berkenaan dengan Akta Telekomunikasi 1950 di samping menyokongnya yang saya rasa amat berpatutan sekali diluluskan.

Saya ingin membawa beberapa perkara di Dewan ini berhubung dengan telekomunikasi.

Telekomunikasi ialah keperluan asas untuk pembangunan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Oleh itu perbekalan perkhidmatan Telekomunikasi yang cukup dan berkesan amat penting. Dan dia adalah pendorong utama bagi pertumbuhan ekonomi.

Perkhidmatan telefon dan telex ialah perkhidmatan utama yang menggunakan rangkaian hubungan jauh atau pemancaran telekomunikasi. Dalam tempoh 10 tahun yang lepas sistem telekomunikasi Malaysia mengalami kadar pertumbuhan yang tinggi iaitu 15% setahun bagi perkhidmatan telefon dan 30% setahun bagi perkhidmatan telex.

Sungguhpun perkhidmatan telefon dan telex memberi 90% kepada jumlah hasil yang diperolehi, namun perkhidmatan telekomunikasi yang baru patut diberi perhatian. Ini ialah perkhidmatan telematic yang merupakan singkatan antara telecommunication dan informatic, dengan izin. Perkhidmatan ini telahpun digunakan di Malaysia yang dipanggil BERITEKS. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan ini, kepada dua matlamat menyeluruh Jabatan Telekom Malaysia dalam usahanya merancang, melaksanakan dan memperluaskan serta menyelenggara dengan sempurna.

Pertama, satu sistem perkhidmatan telekomunikasi dalam negeri yang cukup dan berkesan untuk semua lapisan rakyat Malaysia sejajar dengan dasar Kerajaan.

Kedua, satu sistem perkhidmatan telekomunikasi yang menjamtn keselamatan negara serta menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara menyeluruh terutama ekonomi rakyat luar bandar, dalam usaha Jabatan Telekom Malaysia mencapai matlamat di atas ia masih jauh ketinggalan untuk memenuhi keperluan rakyat.

Dalam dua tahun pertama Rancangan Malaysia Keempat, Jabatan Telekom Malaysia telah memasang sebanyak 234,924 telefon baru dan 2,209 telex baru. Sungguhpun demikian bilangan penunggu telefon meningkat naik dari 133,606 di akhir Rancangan Malaysia Ketiga kepada 189,808 di akhir tahun 1982, dan bagi telex pula dari 1,058 kepada 1,794. Mengikut ramalan Jabatan Telekom Malaysia jumlah permintaan telefon pada akhir tahun 1985 akan meningkat kepada 1.6 juta.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi perkembangan baru dalam perkhidmatan telekomunikasi di negara ini ialah peningkatan permintaan telefon di rumah kediaman. Contohnya, pada tahun 1976 nisbah bilangan telefon kediaman dengan telefon perniagaan ialah 47% bagi telefon kediaman dan 53% bagi telefon perniagaan. Tetapi pada akhir tahun 1982 bilangan telefon kediaman telah meningkat yang mana nisbahnya ialah 63% bagi telefon kediaman dan 37% bagi telefon perniagaan. Ini membuktikan bahawa Jabatan Telekom Malaysia patut lebih berkesan menyelesaikan kelewatan ribuan penunggu untuk mendapatkan perkhidmatan telefon di rumah.

Jabatan Telekom Malaysia patut juga sedar bahawa telefon sekarang bukan lagi satu keistimewaan atau untuk perniagaan sahaja, tetapi satu keperluan harian bagi orang ramai. Walaupun kemudahan telefon tidak sepenting kemudahan awam lain, seperti bekalan air dan elektrik, hak rakyat untuk berhubung, untuk mendapatkan maklumat dan bertukar fikiran adalah sama diperlukan. Sekiranya kemudahan telefon sukar diperolehi oleh semua pemohon kediaman, maka telefon rakyat patut diperbanyakkan lagi.

Seperkara lagi ialah jurang perbezaan di antara bilangan telefon di bandar dan di luar bandar patut dikurangkan. Mengikut perangkaan dalam tahun 1981, di Malaysia terdapat

kira-kira 4 buah telefon bagi setiap 100 orang, tetapi apabila dibandingkan bilangan telefon mengikut kawasan bandar dan luar bandar, perbezaannya amat ketara. Di kawasan bandar terdapat kira-kira 14 telefon bagi tiap-tiap 100 orang penduduk, sementara di kawasan luar bandar terdapat kira-kira 2 telefon bagi tiap 100 orang penduduk. Jurang perbezaan yang sangat besar ini mencerminkan ketinggalan kawasan luar bandar dalam pembangunan sosio ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, telekomunikasi ialah teknologi asing dan istimewanya dicipta dan diretebentuk di negara maju. Teknologi yang digunakan dalam sistem telekomunikasi dianggar berubah setiap 5 tahun, sementara kebanyakan sistem itu dapat digunakan sehingga 15 tahun. Oleh itu saya mengesyorkan supaya Jabatan Telekom Malaysia tidak seharusnya mengejar teknologi moden atau sophisticated, dengan izin, sehingga kita tidak berkeupayaan menyokong dan mengejarnya. Apa yang penting ialah penggunaan teknologi yang teruji dan pemindahan dapat dilakukan di kilang-kilang tempatan. Dengan cara ini sistem telekomunikasi yang sesuai boleh dikeluarkan di negara ini. Oleh itu negara-negara pembekal hendaklah disyaratkan menggunakan sumber tenaga pekerja dan bahan tempatan serta menubuhkan kilang pengeluaran tempatan. Cara ini dapat menggalakkan pemindahan teknologi dalam bidang ini.

Seperkara lagi yang saya ingin utarakan di sini, ialah implikasi dari perubahan corak hidup kesan dari perkembangan pesat rangkaian perkhidmatan baru telekomunikasi. Rangkaian telekomunikasi yang saya maksudkan itu ialah sebuah rangkaian terbesar yang pernah dicipta oleh manusia di muka bumi dan ruang angkasa lepas. Ia mempunyai keupayaan menyambung hampir semua rangkaian telekomunikasi sesebuah negara dengan negara lain dan digunakan untuk hubungan antara manusia dengan manusia, mesin dengan mesin dan manusia dengan manusia. Rangkaian ini adalah harta yang sungguh tinggi nilai dan potensinya. Penggunaannya dijangka menjimatkan masa, tenaga dan perbelanjaan-perbelanjaan. Adakah diramalkan di masa hadapan setiap rumah kediaman akan mempunyai telefon, televisyen dan video tape untuk membantu rakyat dalam

urusan perniagaan, kerja harian, pendidikan dan hiburan. Menjelang akhir abad diramalkan kesemua rumah kediaman akan menjadi pusat makluman dan hiburan, akibatnya cara hidup dan pekerjaan kita akan berubah.

Saya berharap pihak Kerajaan memberi perhatian kesan corak hidup ini terhadap kebudayaan, semangat kejiranan dan penglibatan umum dalam masyarakat majmuk.

Tuan Yang di-Pertua, kita sekarang berada di dalam zaman teknologi penerangan, information technology age, dengan izin, di mana beberapa perkhidmatari dan kemudahan baru dalam bidang perhubungan telah mula muncul hasil percantuman teknologi komputer dan telekomunikasi. Kemajuan dalam bidang ini telah melahirkan beberapa isu baru yang belum pernah ditimbulkan. Kita terpaksa memikirkan isu seperti hak cipta maklumat, hak rakyat mendapat maklumat, pertindungan dan keselamatan maklumat dan pengaliran data ke luar negeri. Memandangkan berapa mustahaknya maklumat dan data kepada sesebuah negara, saya harap pihak Kerajaan meneliti hal-hal berikut, menyemak semula dan meminda Akta-akta yang terlibat dengannya. Untuk mengakhiri hujah-hujah saya, sekali lagi saya menyokong pindaan terhadap Akta Telekomunikasi, 1965.

*4.48ptg.*

**Tuan Tiong Hiew King:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menyentuh sedikit terhadap kadar baru bayaran telefon yang telah dikuatkuasakan mulai 16.7.1985.

Dalam masyarakat perniagaan, telefon adalah satu alat perhubungan yang sangat perlu untuk memudahkan kegiatan perniagaan dalam negeri mahupun dengan luar negeri.

Saya sangat gembira melihat kadar bayaran buat panggilan antarabangsa telah diturunkan, dan langkah ini akan menggalakkan pengguna telefon dan perniagaan mereka masing-masing dengan peniaga-peniaga luar negeri, dengan itu perniagaan antarabangsa akan boleh dipertingkatkan dan langkah kemajuan ekonomi serta kadar pertumbuhan ekonomi negara akan dipercepatkan. Tetapi kenaikan kadar

bayaran telefon tempatan sekarang adalah tidak tepat pada waktunya pula, walaupun kadar bayaran bagi penggunaan telefon dalam negeri akan menambahkan pendapatan Kerajaan, tetapi dalam keadaan sekarang iaitu ketika kemerosotan ekonomi dunia masih terusmenerus Kerajaan harus berusaha mengurangkan beban rakyat terutama dalam perniagaan supaya memajukan perkembangan ekonomi negara, saya berharap Kerajaan akan menimbang kembali kadar bayaran telefon tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengesyorkan kepada Kerajaan iaitu kadar bayaran telefon tempatan bagi tempoh 6 hingga 9 minit pertama tinggallah sama seperti kadar lama, tetapi buat setiap panggilan yang memakan waktu lebih daripada 9 minit bolehlah dikenakan kadar baru yang sepatutnya kepada setiap minit yang melebihi. Saya berpendapat bahawa dengan itu ia akan berkhidmat untuk penggunaannya atau mencegah setengah penggunaan dari menggunakan telefon antuk bercakap lebih, menghabiskan masa dari yang perlu.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang ini.

*4.51ptg.*

**Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar):** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab kepada semua perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini, pertama sekali saya mahu merakamkan terima kasih kepada 4 orang Ahli Dewan ini yang telah turut serta membahas dan memberi pandangan-pandangan yang saya kira bernas dalam Majlis ini.

Sememangnya kita juga tahu apabila sesuatu keadaan itu dipinda atau satu keadaan yang harus diubah, timbullah persoalan-persoalan yang banyak di kepala kita. Apapun perubahan tentunya akan timbullah kerisauan, kita akan tertanya berbagai-bagai. Bolehkah ia lebih baik daripada ada, sekurang-kurangnya sebaik macam yang ada sekarang. Timbullah risau macam yang dibangkitkan oleh 4 Ahli Yang Berhormat tadi. Kebanyakan risau dari segi keselamatan, tahap pembangunan, prestasi perkhidmatan dan juga kesan-kesan kepada sosio ekonomi ataupun pembangunan kemudahan ini di luar bandar.

Sebenarnya perkara-perkara yang dibangkitkan secara menyeluruh pun merupakan satu perkara atau kumpulan isu-isu yang 'difikirkan' oleh Kerajaan sebelum memutuskan kepada pembentangan undang-undang ini kepada Dewan yang mulia ini. Dan perkara-perkara itu memang telah diselesaikan dan kita dapat mengamankannya sehingga Kerajaan percaya Rang Undang-undang ini akan membenarkan kemajuan yang lebih pesat kepada sistem perkhidmatan telekomunikasi kita dalam negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah lagi bercadang untuk berbahas dalam soal tarif yang diumumkan oleh Kerajaan pada 16 haribulan lalu; sama ada tarif luar negeri diturunkan dan tarif dalam negeri dinaikkan, sebab perkara ini sudahpun dibincang dan dibahaskan di dalam Dewan yang mulia ini.

Satu perkara yang juga dibangkitkan agak menarik oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar iaitu tentang mungkinkah kawalselia dan keselamatan rahsia atau dari segi komunikasi ini dapat terjaga dan dapat memberi kebaikan kepada Kerajaan, rakyat jelata seluruhnya. Ini sebenarnya salah satu perkara yang paling pokok, yang paling penting yang dipertimbangkan oleh Kerajaan dalam membentuk pindaan Rang Undang-undang ini dan dalam membentuk konsep penswastaaan telekomunikasi ini.

Kami yakin apabila dipisahkan operasi dan penyelenggaraan perkhidmatan ini kepada satu syarikat dan kawalselia masih terletak kepada kerajaan, effectnya akan lebih baik. Lagipun, kita sudah ada, dari segi undang-undang, peruntukan-peruntukan di dalam Akta itu, misalnya seksyen-seksyen 7, 23, 24, 25, 40 dan 41 dan seksyen-seksyen lain yang berkaitan dengan menjaga kepentingan keselamatan, mengawal operasi telekomunikasi dan sebagainya. Kami yakin peruntukan-peruntukan yang ada dalam Akta Telekomunikasi 1950 adalah mencukupi untuk menentukan bahawa kepentingan rakyat dan Kerajaan serta soal keselamatan terus terkawal selepas perkhidmatan telekomunikasi diswastakan. Dari segi kawalselia ini juga sebagaimana saya terangkan tadi, dari segi peruntukan-peruntukan yang saya sebutkan tadi sudah mencukupi.

Lagi satu perkara yang juga menjadi kerisauan ialah tentang tahap perkhidmatan telekom yang sekarang ini kurang memuaskan masih banyak 'waiters' atau setengah Ahli Yang Berhormat mahu menggunakan perkataan 'penunggu' (saya tak berapa sedap menggunakan 'penunggu', sebab ertinya lain sedikit) masih banyak sekarang ini dan disangsikan sama ada dengan penswastaaan ini perkara orang menunggu atau permohonan-permohonan yang tidak diselesaikan ini akan bertambah runcing atau meningkat. Atau mungkinkah ada bertambah baik prestasinya dari segi apabila dijalankan oleh pihak syarikat nanti.

Sebenarnya untuk makluman, sebelum kita menswastakan atau bercadang iintuk menswastakan ini kita telahpun menjalankan projek-projek untuk memperbaiki sistem atau kemudahan telekomunikasi ini. Setakat ini kita sedang dalam membelanjakan jumlah duit sebanyak \$5.8 billion atau ribu juta ringgit, termasuklah persiapan atau 'rangkaiannya tempatan' yang akan menelan belanja \$2.4 juta yang dijalankan oleh 4 kontraktor besar yang pernah pun diterangkan dalam Dewan ini. Saya kira apabila siap, kita belanja habis \$5.8 billion mengikut perancangan kita masalah-masalah perkhidmatan yang kurang memuaskan, 'billing' yang kurang kemas dan barangkali yang diutarakan oleh Yang Berhormat Puan Nen Abidah Abdullah, iaitu masalah 'cross line', itu juga insya Allah, akan dapat dikurangkan sebanyak mungkin. Saya kira \$5.8 billion ini juga termasuk sistem billing dan memperkemaskinikan dari segi billing-billing kita dan akan dapat mengurangkan lagi masalah-masalah billing yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Puan Nen Abidah tadi.

Satu perkara lagi sebagaimana dalam ucapan saya juga dibangkitkan sekali lagi oleh Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar iaitu kos, akhirnya katanya akan dibebankan kepada pengguna. Dalam ucapan saya semasa pembentangan juga saya tekankan setiap perubahan tarif haruslah mendapat persetujuan Menteri yang bertanggungjawab, iaitu Menteri di Kementerian saya. Proses untuk meluluskan ini tentu banyak dan banyak perkiraan dan pertimbangan. Saya kira dalam pertimbangan ini tentulah keadaan kemampuan rakyat jelata seluruhnya, terutama rakyat di luar bandar

yang kurang mampu akan diambil kira sebagai satu perkara pokok yang amat penting. Saya kira ini tidak payah dirisaukan kerana proses dan prosidurnya akan dapat memastikan keadilan atas usaha-usaha untuk meningkatkan bayaran yang akan dibebankan kepada pengguna-pengguna.

Perkara-perkara lain yang juga dibangkitkan, umpamanya seperti ada setengah-setengah pegawai telefon atau telefonis operator atau operator telefon ini berbicara kasar, ini memang perkara yang banyak kali dikemukakan di berbagai-bagai forum, termasuklah di dalam Dewan yang mulia ini. Tetapi, mengikut perhatian Kementerian, perkara ini sudah banyak berkurangan walaupun masih ada sekali sekala. Kalau ada sekali sekala itu saya mohonkan Ahli-ahli Dewan juga mengambil kira bahawa mereka ini juga manusia, adakala, walaupun biasanya punyai halus budi bahasanya, tersalah tidur barangkali atau selepas berbalah barangkali, mungkin sekali sekala bekerja berat, terkeluar juga dari batasan sopan. Kadangkala juga mungkin yang menanya juga kasar, jadi timbullah kekasaran jawapan. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian dan Jabatan Telekom sendiri memang sentiasa membuat perhatian supaya ini dapat dikurangkan sebanyak mungkin.

Satu lagi yang juga dibangkitkan banyak kali oleh dua Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Puan Hajjah Habibah Abdul Ghani dan Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar iaitu janganlah hendaknya proses penswastaan ini mengkorbankan kehendak-kehendak atau tuntutan atau aspirasi orang-orang luar bandar atau orang-orang yang kurang mampu.

Sebagai Kerajaan Barisan Nasional sebagai mana biasanya perkara inilah yang paling pokok kita perhatikan, namun tidaklah sehingga mengorbankan mana-mana pihak. Dalam segi mengendahkan perkara-perkara ini, inilah satu perkara yang kita ambil kira kerana negara kita masih mempunyai orang-orang yang miskin dan luar bandar yang masih banyak peratusannya. Kalau ini tidak diambil kira, kita tidak ambil kira sebahagian besar atau majoriti rakyat jelata dalam negara ini. Ini tidak mungkin

dapat dilakukan oleh satu Kerajaan yang demokratik yang mengharapkan sokongan dan persetujuan daripada rakyat seluruhnya terutama sekali dalam musim-musim pilihanraya.

Satu lagi, saya juga mahu membuat satu riaksi kepada Yang Berhormat Datuk Haji Mohd. Din Jaafar yang pada hari semalam menyatakan bahawa kita ini barangkali tergesa-gesa atau terbawa-bawa atau terikut-ikut kepada negara-negara yang maju, walhal negara kita masih tidak mempunyai keadaan atau masih merupakan terlalu awal untuk menswastakan perkhidmatan telekom bersyarikat.

Sebenarnya inilah juga perkiraan Kerajaan. Soal terikut-ikut, soal terbawa-bawa tidak timbul, kita tentunya mengambil kira, mengambil panduan daripada negara-negara maju - tentu, kerana inilah cara kita majukan diri kita untuk setaraf, setanding dengan negara lain. Tetapi dalam hal menjalankan apa yang kita mahu jalankan kita perkirakan kepada kemampuan dan keadaan kita sendiri. Dari segi itu kita putus sampai waktunya; tidak timbul terlalu awal, sudah sampai waktunya kita menjalankan dengan keadaan kita dan kemampuan kita ini soal proses penswastaan yang sedang kita bentangkan dalam Dewan ini.

Saya rasa tidak adil kalau dikatakan kita tergesa-gesa dan terikut-ikut sahaja kepada negara-negara yang membuat kilang-kilang atau perkakas-perkakas ataupun alat-alat ini untuk mendapat pasaran kepada negara kita ini. Kita mahu negara kita maju dan pasti untuk maju di zaman ini kita mesti maju dalam bidang komunikasi. Jadi usaha ini adalah untuk memberi facility, dengan izin, kepada keadaan telekomunikasi supaya berkembang dengan baik.

Juga yang telah dibangkitkan oleh Datuk Haji Mohd. Din Jaafar soal kita takut apabila sudah diswastakan kita hilang kontrol kepada syarikat ini. Syarikat-syarikat ini akan membuat sewenang-wenang sahaja. Saya telah terangkan tadi ada undang-undang yang merupakan kawalselia, undang-undang keselamatan untuk menjaga kepentingan rakyat dan negara. Kita juga harus faham bahawa awal-awalnya syarikat ini adalah dipunyai seratus peratus oleh Kerajaan dan tentunya pada awal-awal kita

akan dapat mengawatnya sebagai tuan punya syarikat ini. Jadi, soal kita takut syarikat ini sudah tidak dapat dikawal, berbuat sewenang-wenang hanya semata-mata untuk kewangan atau untung sahaja tidak timbul. Kemudian hari juga tidak timbul oleh kerana ada Akta-akta yang merangkumi atau mengawasi pergerakan syarikat-syarikat yang mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi.

Perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim sudahpun saya memberi jawapan secara umum tadi bahawa beliau juga risau dan takut perkembangan kemudahan ini tidak tersibar kepada seluruh lapisan rakyat. Saya sudah terangkan bahawa ini tidak mungkin akan terjadi kerana inilah perkara yang kita amat pentingkan sebagai satu Kerajaan yang demokratik, yang sensitif kepada aspirasi rakyat.

Perkara-perkara lain juga telah banyak saya jawab tetapi diulangkan juga oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim. Perkara yang dibangkitkan harus saya membuat reaksi di sini ialah tentang jurang perbezaan penetration points, dengan izin, jumlah dikatakan kalau di bandar 14 tiap-tiap 100 penduduk kalau di luar bandar 4.

Memanglah kalau dapat sebenarnya kita samaratakan tentunya tidak timbul soal miskin kaya. Sebenarnya soal telefon ini tidaklah serupa dengan soal-soal lain. Sebenarnya dia berkait rapat juga kemudahan ini dengan keadaan economic status keadaan penduduk di kawasan-kawasan tertentu. Perkhidmatan telefon ini tidak diberi begitu sahaja tetapi diberi dengan permohonan. Jadi, saya kira walaupun kita rasa secara ideal haruslah ini dapat dikurangkan atau disamaratakan tetapi saya fikir tidak mungkin selagi keadaan sektor ekonomi luar bandar dan bandar serupa ini kita dapat samakan. Mungkin kita dapat kurangkan dan itulah sebabnya Kerajaan kita membelanjakan, \$5.8 billion untuk juga dapat kurangkan perbezaan-perbezaan yang disebut dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Bakar Lajim.

Satu perkara juga dikatakan bahawa kita harus menggunakan teknologi atau sistem-sistem yang telah teruji, tidak mudah berubah-ubah sebab bidang telekomunikasi ialah satu

bidang yang paling cepat berubah. Sebenarnya memanglah kita sedar dan kita memanglah menggunakan alat-alat atau sistem-sistem yang teruji supaya kepentingan negara dan rakyat dapat sentiasa terkawal.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itulah sahaja jawapan saya secara menyeluruh. Walau bagaimanapun, bagi penutupnya saya rasa tidak payahlah, tidak usahlah Ahli-ahli Dewan yang mulia ini terlalu risau kerana masalah-masalah yang mungkin dikira akan timbul kepada negara dan rakyat dari segi keselamatan, dari segi kemudahan-kemudahan rakyat sebab perkara-perkara ini memang dalam perkiraan Kerajaan. Dan Kerajaan, dalam-perkiraan inilah juga merasakan dengan penswastan ini selain ianya mengurangkan beban tanggungan Kerajaan tetapi ia juga akan menimbulkan efficiency, dengan izin, atau kecekapan jentera pengendalian ini lebih baik. Dan kecekapan sendiri akan memberi untung kepada semua pihak, kepada Kerajaan, kepada syarikat dan juga kepada rakyat jelata. Atas asas itulah konsep penswastan ini dikemukakan ke dalam Dewan yang mulia ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]

*Fasal 1 hingga 26* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PERKHIDMATAN TELEKOMUNIKASI  
(SYARIKAT PENGGANTI)**

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

*5.10 ptg.*

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi metakhak harta, hak-hak liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kaitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya dibacakan bagi kali kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan telah membuat suatu keputusan dasar untuk mengubahkan kedudukan Jabatan Telekom Malaysia (JTM) dengan tujuan menubuhkan satu organisasi yang akan mempunyai keadaan yang lebih baik bagi mengendali dan menguruskan sesuatu rangkaian telekomunikasi moden.

Pada masa sekarang JTM dipertanggungkan dengan dua fungsi asas. Pertamanya adalah untuk bertindak sebagai suatu Badan yang mengawasi perkhidmatan telekomunikasi, mengadakan perjanjian-perjanjian dengan lain-lain Badan pentadbir telekomunikasi, menentukan piawaian-piawaian teknikal bagi peralatan telekomunikasi yang digunakan di negara ini, menentukan serta memperuntukkan penggunaan frequency, radio dan sebagainya. Tugas-tugas tersebut pada asasnya berhubung dengan fungsi pengawasan atau dengan izin, regulations, dan adalah selaras dengan amalan di negara-negara lain. Tanggungjawab keduanya yang pada masa kini dikendalikan oleh

JTM adalah penyelenggaraan dan operasi perkhidmatan telekomunikasi iaitu berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi antara-bangsa dan dalam negeri.

Kerajaan telah memutuskan bahawa kedua-dua tanggungjawab itu harus diasingkan. Tanggungjawab yang bercorak pengawasan untuk menentukan pencapaian matlamat telekomunikasi negara harus kekal sebagai fungsi Kerajaan sekarang secara langsung. Untuk berbuat demikian Akta Telekomunikasi 1950 yang sedia ada telah dipinda dengan sewajarnya Satu Rang Undang-undang bagi maksud itu iaitu untuk meminda Akta Telekomunikasi 1950 telah dibentangkan dan diluluskan secara berasingan di Dewan yang mulia ini sebentar tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pengendalian dan penyelenggaraan rangkaian telekomunikasi akan dikeluarkan daripada fungsi Jabatan Kerajaan secara langsung. Telekomunikasi merupakan teknologi yang kian berubah dengan pesatnya. Organisasi yang bertanggungjawab terhadap pengendalian perkhidmatan telekomunikasi itu seharusnya berkeupayaan untuk bergerak ke arah perubahan itu serta mempunyai kelenturan atau flexibility pengurusan untuk bertindak dengan segera demi kepentingan perkhidmatan telekomunikasi.

Adalah dirasakan perlu pada masa ini untuk mengeluarkan fungsi biasa ini yang dikendalikan oleh birokrasi Jabatan Kerajaan daripada tanggungjawab Jabatan Kerajaan. Kami yakin bahawa pengendalian dan penyelenggaraan perkhidmatan telekomunikasi boleh diuruskan dengan lebih baik oleh sebuah organisasi dengan kelenturan atau flexibility yang munasabah, yang lebih berkemungkinan diperolehi dalam suatu syarikat yang beroperasi di bawah Akta Syarikat.

Walau bagaimanapun, peraturan-peraturan dan langkah-langkah untuk melaksanakan keputusan ini hendaklah dibuat secara beransur-ansur. Dalam lain perkataan, walaupun adalah tujuan Kerajaan untuk menswastakan operasi sistem telekomunikasi dari segi penyertaan



equiti oleh pihak swasta, proses ke arah penswastaan itu seharusnya dijalankan secara beransur-ansur. Oleh kerana itu, sebagai langkah pertama untuk membolehkan penswastaan akhirnya adalah hasrat Kerajaan untuk memperbadankan sebuah syarikat di bawah Akta Syarikat 1965, dengan equitinya dimiliki oleh Kerajaan sepenuhnya pada mulanya, penyertaan equiti oleh sektor swasta akarr berlaku pada peringkat kemudian.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini iaitu Akta-Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 adalah bertujuan untuk membolehkan sebuah syarikat ditubuhkan bagi mengambil-alih fungsi pengendalian dan penyelenggaraan rangkaian telekomunikasi Malaysia di dalam dan di luar negeri daripada Jabatan Telekom Malaysia. Ianya menyediakan peruntukan untuk meletakkan harta, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi kepada syarikat yang akan mengambil-alih pengendalian perkhidmatan-perkhidmatan telekomunikasi daripada JTM serta mengadakan peruntukan-peruntukan mengenai perkara-perkara kewangan dan kakitangan dan lain-lain hal berkaitan dengan syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian II Rang Undang-undang ini menyediakan peruntukan-peruntukan bagi pemindahan harta dan sebagainya kepada syarikat pengganti termasuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu.

Seksyen 3 di Bahagian itu memperuntukkan pemindahan semua harta, hak dan liabiliti JTM sekarang kepada syarikat itu pada tarikh yang akan ditentukan oleh Menteri yang bertanggungjawab bersabit dengan perkhidmatan telekomunikasi, melainkan tanah-tanah terkecuali dan harta ditetapkan yang diperlukan oleh JTM bagi menjalankan fungsinya sebagai badan kawal selia.

Pemindahan tersebut termasuklah pemindahan semua pinjaman Kerajaan kepada Syarikat Pengganti yang akan dikehendaki menandatangani perjanjian-perjanjian yang baru dengan Kerajaan. Pada tarikh perbadanan, tanah yang akan dipindah-milik kepada Syarikat Pengganti adalah tanah JTM yang berada di

Wilayah Persekutuan dan tanah JTM yang diperolehi secara perjanjian persendirian atau private treaty, tanah-tanah lain yang akan dipindah-milik dengan cara perundingan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri seperti yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pada mulanya Syarikat Pengganti terpaksa menjadi sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan tetapi hasrat Kerajaan dalam masa depan iaitu tidak lama lagi memang bertujuan untuk menarik minat pelabur-pelabur selain dari Kerajaan untuk memegang equiti syarikat itu.

Dalam konteks ini Seksyen 5 Rang Undang-undang ini memperuntukkan pengeluaran security syarikat itu kepada Menteri Kewangan diperbadankan dan juga membolehkan Menteri Kewangan melupuskan security itu kepada mana-mana pihak swasta atau orang ramai apabila difikirkan perlu.

Seksyen 6 pula memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk memperolehi security Syarikat Pengganti atau mana-mana anak syarikat serta melupuskan security itu.

Seksyen 7 memberi kuasa kepada Menteri Kewangan untuk melantik calon-calon bagi melaksanakan sebahagian daripada fungsifungsinya.

Seksyen 8 Rang Undang-undang ini memperuntukkan struktur kewangan Syarikat Pengganti yang membolehkan Kerajaan memberi bantuan yang sesuai untuk menyusun semula modal yakni capital restructuring syarikat itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian kepada Bahagian III Rang Undang-undang ini. Bahagian ini menyediakan enabling provision, dengan izin, untuk menguruskan pemindahan kakitangan daripada JTM kepada Syarikat Pengganti yang dicadangkan. Dalam proses melaksanakan dasar penswastaan, Kerajaan akan sentiasa mengambil kira kebajikan anggota kakitangan yang terlibat. Oleh kerana ini adalah perlu untuk meyakinkan kakitangan JTM bahawa kepentingan dan

masa hadapan mereka disisi undang-undang telah dipertimbangkan sepenuhnya dalam melaksanakan dasar penswastan berhubung dengan JTM.

Akta ini membuat peruntukan-peruntukan tertentu bagi perkara itu. Pertamanya, Syarikat Pengganti yang menganib alih fungsi pengendalian perkhidmatan telekomunikasi hendaklah menerima di dalam penggajiannya semua kakitangan Jabatan Telekom Malaysia yang telah diberi pilihan oleh Kerajaan dan telah memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja syarikat itu.

Keduanya, mereka yang memilih untuk berkhidmat sebagai pekerja Syarikat Pengganti hendaklah digaji oleh syarikat itu atas term-term dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada term-term dan syarat-syarat perkhidmatan yang kepadanya mereka berhak sebelum sahaja tarikh pemin-dahan.

Saya juga ingin menyatakan bahawa adalah hasrat Kerajaan untuk membuat pindaan-pindaan yang sesuai kepada Akta Pencen 1980 bagi menentukan bahawa kakitangan yang terlibat dalam penswastan dan memilih untuk berkhidmat dalam Syarikat Pengganti yang ditubuhkan untuk melaksanakan dasar penswastan tidak akan berkerugian dari segi pencen.

Memandangkan kedudukan yang di jelaskan itu, Tuan yang di-Pertua, maka adalah perlu bagi Rang Undang-undang ini dipertimbangkan oleh Dewan yang mulia ini untuk mengadakan peruntukan bagi meletak hak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu untuk mengadakan peruntukan-peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya.

Saya dengan ini, mohon mencadangkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk mengadakan peruntukan bagi meletak hak harta, hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat, untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Silakan Yang Berhormat-.

5.24 ptg.

**Dato K. Kumaran:** Tuan-Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri "Tenaga, Telekom dan Pos.

Rang Undang-undang ini bertujuan melaksanakan hasrat Kerajaan menswastakan Jabatan Telekom Malaysia. Saya mengucapkan tahniah kepada Kerajaan ke atas langkah bijak dan berani yang diambilnya untuk menswastakan Jabatan Telekom. Walaupun sudah tiga tahun konsep penswastan disebut-sebutkan masih tidak wujud satu bidang pun yang telah mengambil langkah ke arah penswastan. Dalam aspek ini Jabatan Telekom telah mencatatkan sejarah sebagai suatu agensi yang ulung mengambil langkah ke arah penswastan. Ini adalah satu lagi kejayaan Kerajaan 2M mengenalkan konsep penswastan di negara ini. Syabas diucapkan.

Seperti sedia maklum, adalah sukar bagi seseorang berkerat untuk menjelma dalam suatu konsep baru meninggalkan norma-norma yang telah diuji dan berjaya. Saya faham perkara ini telah menjadi suatu penghalang kepada konsep penswastan. Walau bagaimanapun, Kerajaan telah mengambil langkah yang positif untuk memberi satu perkhidmatan yang efisien kepada rakyatnya.

Saya mengambil peluang ini untuk mengingatkan Kerajaan supaya berjaga-jaga dalam semua aspek ini agar suatu rancangan sistematik digubal bagi implimentasikan penswastaaan dengan cara yang efektif dan adil.

Saya mengesyorkan satu Jawatankuasa Khas tertinggi ditubuhkan untuk mengkaji semua aspek penswastaaan Jabatan Telekom-di negara ini agar boleh, dengan izin, 'tie-up lopse end' supaya pemindahan ini dijalankan dengan secara licin dan teratur. Saya berharap Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil Kesatuan Kebangsaan Pekerja Telekom kerana mereka terlibat secara langsung dalam penswastaaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya pasti dan yakin penswastaaan Jabatan Telekom ini akan meningkatkan lagi mutu produktiviti perkhidmatan telekom di negara ini. Penswastaaan juga akan mengurangkan beban Kerajaan menanggung perbelanjaan yang tinggi bagi kakitangannya.

Seperti sedia maklum, perkhidmatan sivil di negara ini adalah di antara yang terbesar dengan negara-negara membangun di dunia ini. Kerajaan membelanjakan 46 sen setiap ringgit pendapatannya untuk membiayai perkhidmatan sivil di negara ini. Kos ini adalah terlalu tinggi dan saya berharap dengan menswastakan Jabatan Telekom, Kerajaan dapat menjimatkan wang kerana Kerajaan tidak lagi perlu menahgging gaji dan lain-lain kemudahan kakitangannya dalam perkhidmatan-perkhidmatan seperti Telekom ini

Usaha kita menswastakan Jabatan Telekom ini adalah satu yang sejajar dengan perkembangan di negara-negara yang lain. Perkhidmatan telekom telah dari permulaannya bergiat sebagai usaha swasta di Amerika Syarikat; perkhidmatan telekom di negara itu adalah yang terbaik di dunia. Baru-baru ini negara Jepun dan juga United Kingdom telah menswastakan perkhidmatan Telekom mereka dengan hasil yang baik. Jadi kita di Malaysia hanya melangkah seganding dengan dunia dalam usaha penswastaaan perkhidmatan-perkhidmatan ini akan tetapi masih terdapat keraguan di kalangan pekerja-pekerja Telekom tentang masa depan mereka.

Terdapat banyak jenis spekulasi kerana Jabatan Telekom kini adalah satu jabatan yang boteh dikatakan 'overstaffed' dan tidak ketat dalam organisasinya, Saya berharap Akta yang dibentangkan ini akan dapat memberi jawapan kepada spekulasi mereka dan memberi satu gambaran yang jelas terhadap masa depan mereka.

Akta ini memberi peluang kepada pegawai dan pekerja-pekerja Telekom menikmati kemudahan-kemudahan yang sama seperti dahu-lu selepas penswastaaan.

Tuan Yang di-Pertua, Akta ini membuat peruntukan mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan kakitangan dan setiap orang diberi option oleh Kerajaan Malaysia untuk memilih berkhidmat sebagai pekerja syarikat pengganti atas terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan yang tidak kurang baiknya daripada terma-terma dan syarat syarat yang mereka berhak sebelum tarikh pemindahannya. Akan tetapi saya berharap pegawai-pegawai Kerajaan yang memilih kekal dalam perkhidmatan Kerajaan, tidak akan ditempatkan sewenang-wenangnya dalam sebarang jabatan lain. Mereka hendaklah diberi peluang memilih jabatan dan tempat yang sesuai untuk mereka berkhidmat. Pemilihan ini hendaklah diberi untuk mengelakkan sebarang kesukaran kepada keluarga mereka.

Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan itu hendaklah memastikan pekerja-pekerja Telekom sama ada memilih menyertai syarikat pengganti atau sebaliknya tidak dipermainkan oleh majikan atau Ketua Jabatan baru mereka. Pengalaman mereka hendaklah diambil kira dalam penempatan mereka ke jawatan baru.

Tuan Yang di-Pertua, seperti kita sedia maklum sebagai satu tindakan berlanjutan penswastaaan Akta Pecen, 1980 juga akan dipinda dalam sesi Parlimen ini untuk membolehkan kakitangan Kerajaan yang memilih berkhidmat dengan syarikat pengganti menerima pen-cen setesusnya. Ini adalah satu langkah yang wajar dan saya berharap tindakan ini akan menghapuskan sebarang prasangka di kalangan pekerja Telekom tentang faedah pen-cen dan graduity mereka.

Walaupun demikian, saya kawatir peruntukan yang secukupnya tidak dibuat terhadap kakitangan Kerajaan yang memilih berkhidmat dengan syarikat pengganti tentang kemudahan-kemudahan lain seperti pinjaman-pinjaman perumahan, kenderaan dan sebagainya yang mereka sedang menikmati dari Kerajaan sekarang.

Saya berharap proviso yang secukupnya hendaklah dibuat untuk menampung keperluan ini agar mereka terus menikmati-kemudahan-kemudahan ini. Mereka tidak harus diminta bayar batik pinjaman ini ataupun dikehendaki membayar kadar faedah yang lebih tinggi kerana memilih pekerja dengan syarikat pengganti. Begitu juga saya berharap, kemudahan yang sewajarnya akan diberi kepada mereka.

Selain daripada itu pekerja-pekerja Jabatan Telekom hendaklah diberi taklimat dan ceramah dengan sejelasnya agar tidak ada anasir-anasir yang mengambil kesempatan untuk menimbulkan kucar-kacir dengan menjadikan isu penswastan sebagai modal untuk keperluan sempit mereka. Manakala penswastan mengurangkan beban kewangan Kerajaan, rakyat berharap perkhidmatan yang lebih bermutu daripada syarikat yang berorientasi keuntungan semata-mata.

Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Telekom ini mempunyai ramai pekerja dari semua keturunan pada masa sekarang. Apabila sebuah syarikat pengganti ditubuhkan saya berharap peluang-peluang pekerjaan dan kenaikan pangkat akan terus dibuka bagi semua rakyat Malaysia, Kita tidak mahu peluang-peluang ini terjadi sebagai monopoli satu kaum atau penolakan kepada kaum-kaum yang tertentu. Jika keadaan yang malang begitu berlaku, sudah tentu imej Kerajaan dan dasar penswastan sendiri akan terjejas dan mendapat penerimaan yang lembab dari rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dalam pemilihan syarikat pengganti pada suatu masa akan datang. Saya menyeru Kerajaan berjaga, dan berhati-hati dalam penubuhan dan pemilihan syarikat dan pekerjaannya semasa penswastan dilakukan kelak. Kita semua sedia maklum, perkhidmatan telekomunikasi adalah satu

perkhidmatan yang penting dan terkawal. Saya tidak ingin melihat anasir-anasir yang bertopeng shareholders mencerooboh syarikat-syarikat telekomunikasi dan menjadi ancaman kepada keselamatan negara kita. Ini adalah suatu perkara yang penting dan harus kaji semasa pemilihan dan penubuhan syarikat baru dibuat. Kerajaan hendaklah berhati-hati dalam penerimaan sebarang shareholders untuk menyertai ekuiti di syarikat-syarikat tertentu agar menjaga keselamatan negara.

Saya berharap peluang untuk penyertaan dalam syarikat pengganti nanti akan dijalankan secara -terbuka dan bukan sebagai satu langkah sulit. Syarikat ini akan mengendalikan asas modal yang luas untuk mengendalikan perkhidmatan serta menjalankan penyelidikan dan kemajuan (research and development) secara berterusan untuk sentiasa mengejar perkembangan teknologi. Jadi saham-saham syarikat ini bolehlah diedarkan kepada beberapa badan perniagaan ataupun perusahaan dan juga kepada pekerja-pekerja yang boleh di-khaskan sebahagian daripada saham ini. Saya harap bahawa dalam pengedaran saham ini kelak, badan-badan seperti MAIKA Holding akan juga diberi peluang yang sewajarnya sejajar dengan matlamat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya berharap Kerajaan akan seterusnya mengambil langkah yang positive untuk menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan dan kemudahan-kemudahan awam yang lain di negara ini berikutan dengan penswastan Jabatan Telekom ini. Penswastan Jabatan-jabatan Pengangkutan dan kemudahan awam akan memberi perkhidmatan yang selesa, cepak dan bermutu kepada rakyat di samping mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Ini adalah sejajar dengan cita-cita dan aspirasi negara menswastakan perkhidmatan-perkhidmatan tertentu di negara ini.

Dengan kata-kata ini, saya ingin menyokong penuh Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985 ini. Sekian, terima kasih.

5.34 *ptg.*

**Tuan Abdul Ghani bin Haji Othman:** Tuan yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang-undang berhubung dengan Akta yang memperuntukkan harta dan hak-hak dan libiliti-liabiliti Kerajaan Malaysia berhubung dengan perkhidmatan telekomunikasi pada suatu syarikat dan seterusnya untuk membuat perkiraan-perkiraan kewangan bagi syarikat itu, untuk mengadakan peruntukan mengenai perkara-perkara berhubung dengan kakitangan dan juga bagi perkara-perkara lain yang berkaitan dengannya. Sambil menyokong saya mengambil kesempatan di sini untuk memberi pandangan saya berkaitan dengan Akta tersebut.

Seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan bahawa Rang Undang-undang ini adalah merupakan suatu usaha merintis ke arah menswastakan satu jabatan Kerajaan, sambil Kerajaan melengkapkan apa yang sewajarnya dibuat dari segi peruntukan kewangan dan juga peruntukan teknikal supaya jabatan tersebut akan berubah ke arah kedudukan yang lebih sempurna lagi, Rang Undang-undang ini akan dapat meneruskan usaha supaya tiba masanya suatu hari nanti akan dapat diswastakan. Ini adalah suatu contoh yang agak unik untuk dilihat kerana seperti yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa Kerajaan terpaksa membelanjakan begitu banyak sekali kewangannya supaya tahap kecukupan jabatan Kerajaan mestilah dipertingkatkan terlebih dahulu supaya dapat diswastakan. Jadi, siapa jua yang akan mewarisi jabatan Kerajaan tersebut, ianya akan mewarisi satu perkhidmatan yang dianggap cepak dan sempurna kedudukannya.

Yang Berhormat Menteri juga ada mengatakan bahawa penswastakan ini tujuannya adalah untuk mengurangkan kos belanjawan Kerajaan pada masa ini dan pada masa hadapan. Sambil itu pula dia juga mengatakan bahawa oleh kerana bidang telekomunikasi ini adalah begitu cepat perubahan teknologi maka pihak yang paling sesuai untuk menghadapi cabaran tersebut bukannya jabatan Kerajaan. Satu syarikat yang dibentuk di bawah Akta Syarikat

adalah lebih mudah, lebih lentur untuk menghadapi cabaran inovasi dan perubahan teknologi pada masa sekarang dan pada masa hadapan. Saya berasa gembira kerana pihak Timbalan Menteri sanggup membuat pengakuan seperti tersebut bahawa jabatan Kerajaan tidaklah begitu lentur untuk menerima cabaran seperti dalam bidang teknologi.

Rang Undang-undang ini juga memberi peruntukan proses bagaimana dari segi perundangan penswastakan itu akan dilakukan. Daripada keadaan yang "ada sekarang ini perundangan ini akan memperbadankan jabatan tersebut supaya diletak di bawah pihak Kementerian Kewangan dan daripada situ Menteri Kewangan akan menyalurkan perbadanan tersebut kepada syarikat yang akan dipilih untuk mewarisi perbadanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita melihat proses yang akan dilalui nanti akhirnya kita akan tiba kepada peringkat di mana penswastakan akan berlaku. Jadi, dalam kesempatan yang diberikan kepada saya untuk membincangkan tentang Rang Undang-undang ini saya ingin merujuk kepada apakah kemungkinan-kemungkinan yang akan berlaku apabila proses penswastakan akan sebenarnya berlaku selepas perbadanan dibuat melalui Rang Undang-undang ini.

Sebelum saya membincangkan serba sedikit mengenai kemungkinan-kemungkinan tersebut, saya ingin merujuk kepada suatu perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu penswastakan akan dapat mengurangkan kos perbelanjaan Kerajaan. Memandangkan kepada dasar dan seterusnya tindakan yang dibuat oleh Kerajaan secara menyeluruh pada masa ini, saya tidaklah begitu mudah menerima hujah-hujah yang mengatakan bahawa tujuan penswastakan adalah untuk mengurangkan belanjawan Kerajaan. Kerana kita terpaksa melihat proses penswastakan ini ataupun objektif penswastakan ini dalam konteks yang lebih luas di mana kita juga membelanjakan berpuluh bahkan beratus juta belanjawan Kerajaan untuk industri-industri berat. Kita terpaksa menswastakan mungkin kerana kita terus menceburkan sektor awam ke arah industri berat. Kalau itulah tujuannya maka saya menerima hujah kita terpaksa membuat

penswastaan kerana kita hendak menuju ke arah industri berat di mana beribu juta ringgit belanjawan Kerajaan akan disalurkan ke arah itu.

Tetapi yang penting pada saya mengenai soal penswastaan ini ialah dari segi kepentingan pengguna di negara ini, itu yang saya tekankan. Penswastaan semestinya dibuat untuk tujuan dan faedah yang akan dirasakan oleh pihak pengguna. Kalau sekiranya di bidang telekomunikasi maka pihak pengguna telekomunikasilah yang sewajarnya ditekankan di sini tujuan penswastaan itu. Dan kalau kita tengok dia punya faedah dan kosnya maka faedah yang sewajarnya dirasakan oleh pengguna-pengguna bidang telekomunikasi ini ialah dari segi sejauh manakah harga itu yang akan menjadi lebih wajar dibandingkan dengan keadaan yang ada sekarang, sejauh manakah perkhidmatan telekomunikasi itu akan lebih berbagai seperti yang ada sekarang ataupun dari segi kualitinya ataupun dari segi inovasi yang kita harap-harapkan. Jadi, ini adalah ciri-ciri yang sepatutnya dirasakan oleh pihak pengguna selepas kita melaksanakan penswastaan dari segi harga, dari segi kualiti, dari segi pelbagaian perkhidmatan dan dari segi inovasi.

Kita mengharapkan dengan adanya pihak swasta yang mengendalikan tentang bidang perkhidmatan ini maka faedah-faedah itu sewajarnya dirasakan oleh pihak pengguna. Penswastaan juga tidak semata-mata akan memberi faedah kepada masyarakat. Penswastaan juga mestilah dilihat dari segi kosnya. Seperti yang kita maklum bahawa dalam bidang telekomunikasi pengalaman kita hingga kini adalah dalam bentuk monopoli yang dimiliki oleh pihak Kerajaan, kuasa monopoli adalah terletak kepada pihak Kerajaan. Dan kalau kita mengalihkan kuasa monopoli itu kepada pihak syarikat, besar kemungkinan kuasa monopoli itu juga akan digunakan oleh syarikat dengan secara perniagaan, bukan dengan secara pentadbiran ataupun dengan secara perkiraan politik.

Satu lagi kos yang mungkin kita rasakan daripada penswastaan selain daripada monopoli secara commercial ialah pihak swasta tidak begitu ghairah untuk memberi perkhidmatan di mana perkhidmatan tersebut tidak memberi

keuntungan kepada mereka. Ada bidang, ada bahagian-bahagian di dalam perkhidmatan telekomunikasi yang semestinya tidak memberi keuntungan yang terpaksa ditanggung oleh pihak Kerajaan kerana tujuan memenuhi objektif tujuan sosial ataupun kemasyarakatan Kerajaan. Kalau sekiranya diswastakan dan kalau tidak dilihat secara terperinci maka faedah yang dirasakan oleh bahagian-bahagian tersebut akan luput kerana ianya tidak akan dihiraukan oleh pihak swasta. Dan selain daripada itu kita juga terpaksa melihat sejauh mana pihak swasta akan dapat memelihara kepentingan pekerja-pekerja yang mungkin menjadi bentindih dia punya sumbangannya kepada pihak swasta. Saya percaya bahawa sebahagian daripada Rang Undang-undang ini adalah memberi peruntukan untuk menghadapi masalah seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada menekankan bahawa soal penswastaan itu adalah untuk memberi faedah kepada pihak pengguna, saya ingin di sini memberi beberapa pandangan mengenai kemungkinan yang akan berlaku dan mungkin dapat dipertimbangkan oleh pihak Kementerian yang berkenaan apabila tiba masanya nanti. Beberapa kriteria mungkin dapat dilihat secara terperinci apabila hendak menswastakan nanti. Kita hendaklah memastikan jumlah syarikat-syarikat yang akan mewarisi perbadanan tersebut. Kita hendak melihat apakah harta dan liability syarikat-syarikat tersebut, apakah tujuan syarikat itu.

Yang kedua, kita mestilah melihat tentang struktur industri yang kita hendak bentuk selepas perbadanan nanti. Maksud saya di sini ialah struktur industri sejauh mana industri tersebut akan mengizinkan pertandingan yang sihat di kalangan syarikat-syarikat yang akan mewarisi nanti. Kita hendak pastikan bahawa kalau sekiranya hanya satu syarikat yang mewarisi, kita hendak pastikan bahawa kuasa monopoli tadi dapat diawasi dan sekiranya banyak syarikat yang akan mewarisi, kita hendak pastikan sejauh mana pertandingan akan berlaku di dalam industri tersebut di kalangan syarikat-syarikat yang mewarisi perbadanan itu. Kemungkinan juga kita hendak memastikan suasana pengawasan yang akan dibuat oleh pihak yang akan diperuntukkan kuasa untuk mengawas bidang telekomunikasi nanti.

Suasana pengawasan dari segi polisi pertandingan di antara syarikat, polisi pengawasan dari segi kecekapan dan sebagainya. Dan saya juga mengharapkan bahawa. Kementerian membuat peruntukan yang sewajarnya dari segi obligasi pihak syarikat untuk memenuhi bidang-bidang perkhidmatan yang mana tidak akan ada keuntungan yang dapat dirasakan oleh syarikat-syarikat itu. Dan jika sekiranya tidak ada keuntungan daripada bahagian-bahagian perkhidmatan itu bagaimanakah ianya akan diongkosi oleh pihak syarikat ataupun bagaimana, sejauh mana pihak Kerajaan akan campurtangan dalam soal tersebut.

Dan juga saya hendak memberi pandangan mengenai dari segi masa di mana syarikat-syarikat itu sebenarnya akan menerima, akan mewarisi perbadanan itu sama ada sekuriti ataupun saham dipasarkan secara terbuka kepada rakyat biasa ataupun kepada pekerja-pekerja yang sedia ada di dalam sektor tersebut. Dan akhirnya wajar kita meneliti sejauh mana Kerajaan akan menekaikan pemilikannya, kalau sekiranya ia tidak akan memiiki jaba'tan tersebut ataupun perbadanan tersebut secara 100%, kita hendak tahu sama ada Kerajaan sekurang-kurangnya mengekalkan sebahagian daripada pemilikan perbadanan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal memastikan bahawa pengguna-pengguna telekomunikasi di negara ini akan dapat menuai faedah secara optima sekali maka tidak ada cara yang lebih sesuai selain daripada mengizinkan pertandingan yang secukup-cukupnya di dalam pasaran telekomunikasi - bidang telekomunikasi nanti. Saya percaya bahawa walaupun ada pihak yang akan mengawasi bidang tersebut, saya tidak yakin bahawa faedah itu akan dapat dirasakan oleh pengguna secara optima. Cara yang paling mudah, yang paling singkat untuk mengoptimalkan faedah yang dirasakan oleh pengguna ialah dengan mengizinkan kuasa-kuasa pasaran untuk menentukan sejauh mana harga ditetapkan untuk paras pasaran, apakah jenis perkhidmatan yang akan diminta, apakah jenis kualiti yang diminta dan sebagainya.

Di sini adalah penting sekali untuk pihak Kerajaan memastikan, kalau kita hendak menswastakan maka kita terpaksa memastikan bahawa pasaran itu tidak akan dimonopoliti

oleh pihak tertentu. Tidak ada maknanya dalam soal penswastakan kalau sekiranya kita tidak mengizinkan pertandingan dalam pasaran. Amalan yang telah kita lalui, yang pernah kita baca di negara-negara yang telah menjalankan penswastakan selama dua tiga tahun ini seperti di Amerika Syarikat dan seterusnya United Kingdom menunjukkan dan membuktikan bahawa pertandingan di pasaran adalah satu ciri yang penting untuk menjayakan projek dasar penswastakan di negara-negara tersebut.

Untuk memastikan adanya pertandingan di dalam pasaran di dalam industri tersebut, kita hendak memastikan seperti yang saya katakan tadi bahawa struktur industri itu, sama ada dari segi mendatar kita mempunyai berbagai-bagai syarikat untuk memberi perkhidmatan di dalam bidang-bidang yang sama, ataupun kita hendak pastikan secara menegak sama ada banyak industri ataupun syarikat-syarikat yang bertanding di antara satu dengan yang lain dari segi perkhidmatan yang sama, dari segi mendatar dan juga dari segi menegak.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah pandangan saya yang saya anggap sewajarnya diambil kira oleh pihak Kerajaan apabila kita membincangkan tentang soal penswastakan. Oleh kerana ini adalah kali yang pertama, ianya seolah-olah membuat satu tradisi untuk pihak Kerajaan. Oleh yang demikian saya menyarankan dengan sekuat-kuatnya supaya pihak Kerajaan mengambil berat tentang ciri-ciri pertandingan di dalam pasaran.

Seterusnya saya ingin melihat tentang bidang kuasa yang diberikan kepada pihak yang akan menyelia industri ini. Saya minta maaf kerana saya hanya melihat perkara ini dari segi ekonomi sahaja. Jadi dalam soal bidang kuasa, saya hendak pastikan bahawa pihak yang akan menyelia itu mempunyai kuasa untuk menentukan harga ataupun price policy terhadap industri tersebut.

Ada berbagai-bagai cara untuk menentukan harga. Cara yang paling mudah yang digunakan oleh beberapa Kerajaan di negara Barat ialah dengan meletakkan harga lebih tinggi daripada kos untuk menyediakan perkhidmatan tersebut. Jadi pihak yang menyelia industri

tersebut akan mengenakan peratus yang tertentu. Kalau ia mengatakan bahawa kos untuk menyediakan perkhidmatan adalah 10% maka sewajarnya harga itu peratusnya lebih tinggi daripada kos yang ditanggung oleh industri tersebut.

Dalam soal ini kita tidak sewajarnya terlalu ketat untuk menentukan tentang soal harga. Kita sewajarnya mengambil peranan yang agak sementara di dalam soal harga ini. Saya percaya bahawa pihak penyelia ataupun pengawas sewajarnya menetapkan harga pada ketika di mana kuasa-kuasa pasaran masih lagi belum dapat mempengaruhi industri tersebut. Kita mengharapkan jika sekiranya adanya kemungkinan, adanya pihak syarikat yang baru dapat memasuki pasaran dan syarikat-syarikat tersebut bertindak berdasarkan kepada apa yang diminta oleh pasaran, lama kelamaan akan tiba masa di mana peranan pengawas tadi akan dapat digantikan dengan kuasa pasaran. Kuasa pasaran sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, sewajarnya akan membawa kos ke arah yang paling rendah dan kalau sekiranya kos tadi akan turun rendah, maka apa yang berlaku di dalam pasaran dari segi harga, ianya akan wajar turun begitu juga.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi polisi menentukan harga, saya percaya seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan tadi bahawa ianya akan sentiasa diawasi oleh pihak yang akan menyelia. Tetapi saya mencadangkan bahawa penyeliaan dari segi harga ini adalah untuk masa tertentu dengan harapan bahawa pertandingan di dalam pasaran akan akhirnya meletakkan industri itu kepada tahap yang lebih tinggi kecekapannya dan seterusnya faedah itu akan dirasakan oleh pihak pengguna-pengguna.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang obligasi pihak syarikat-syarikat swasta terhadap sektor-sektor ataupun bahagian-bahagian yang tidak akan menguntungkan mereka. Kita tahu dalam jabatan-jabatan Kerajaan di mana berbagai jenis perkhidmatan diberikan, sama ada dari segi jenisnya ataupun dari segi tempat lokasi yang disediakan perkhidmatan tersebut, kita dapati bahawa ada tempat di mana penyediaan kos itu adalah lebih tinggi daripada hasil yang didapatkan.

Kalau sekiranya MAS terbang daripada sini ke Ipoh hasilnya lebih rendah daripada kosnya, mungkin hasil yang kita dapatkan daripada penerbangan perkhidmatan daripada Kuala Lumpur ke Pulau Pinang akan membiayai kos perkhidmatan daripada Kuala Lumpur ke Ipoh. Itu maksud saya. Jadi timbul berbagai bentuk subsidi silang di dalam perkhidmatan Kerajaan dan saya percaya ini berlaku di dalam sektor telekomunikasi. Besar kemungkinan kalau kita tidak mengambil kira perkara ini, maka perkhidmatan telekomunikasi tidak akan tiba ke ceruk rantau di negara kita ini dari subsidi yang mungkin terpaksa diperuntukkan kepada perkhidmatan-perkhidmatan di kawasan-kawasan luar bandar.

Jadi saya hendak memberi pandangan di sini supaya pihak Kerajaan mengambil kira, supaya adanya peruntukan pihak swasta nanti terus memberi perkhidmatan yang sewajarnya, supaya adanya keadilan dari segi perkhidmatan telekomunikasi di negara kita ini. Kalau sekiranya subsidi silang bukan cara yang paling tepat dari segi perkiraan ekonomi untuk terus menyediakan perkhidmatan ini, maka sewajarnya subsidi secara langsung diberikan kepada sektor tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, itu adalah beberapa pandangan yang dapat saya sampaikan di sini. Secara rumuskannya ialah saya menyokong Rang Undang-undang ini dengan harapan bahawa faedahnya pada satu hari nanti akan dirasakan secara optima kepada pengguna-pengguna telekomunikasi di negara ini. Sekian, terima kasih.

5.58 *ptg.*

**Lt. Kol. (B) Abdul Hamid bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, saya turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos kerana berjaya menyediakan Rang Undang-undang yang lengkap serta teratur ini untuk memberi kuasa kepada Kerajaan Persekutuan dalam hasratnya untuk diswastakan Jabatan Telekom Malaysia.



Walau bagaimanapun, saya ingin memberi perhatian kepada satu perkara sahaja yang saya khuatir akan menimbulkan beberapa masalah apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan kelak. Mengikut Rang Undang-undang ini, seluruh perkhidmatan telekomunikasi akan diswastakan kepada satu syarikat sahaja. Pada pendapat saya ini adalah bertentangan dengan prinsip penswastaaan kerana tujuan penswastaaan ialah bukan sahaja untuk mengurangkan perbelanjaan Kerajaan, ianya juga ialah untuk menggalakkan persaingan supaya mutu perkhidmatan yang diberi kelak akan bertambah baik dan dengan adanya persaingan, kita harap maka harga-harga perkhidmatan yang dikenakan kelak akan berpatutan.

Juga oleh sebab Rang Undang-undang ini memberi kuasa kepada satu syarikat sahaja, maka saya ingin mengetahui sama ada hak-hak dan liabiliti-liabiliti syarikat pengganti itu boleh dipecahkan atau dilaburkan untuk menubuhkan anak syarikat ataupun syarikat usahasama dengan pihak-pihak yang lain.

Saya bertanya demikian oleh sebab baru-baru ini saya telah membaca di dalam sebuah majalah mingguan yang melaporkan bahawa Kerajaan Malaysia telah bersetuju untuk menubuhkan sebuah syarikat kerjasama dengan Kerajaan Indonesia untuk mengendalikan perkhidmatan telekomunikasi melalui satallite. Jikalau Kerajaan ingin hendak menubuhkan syarikat ini, maka mengikut Rang Undang-undang ini Menteri yang berkenaan tidaklah boleh memindah apa-apa harta atau liabiliti Kerajaan kepada syarikat yang mungkin ditubuhkan itu. Ini adalah termaktub di dalam Fasal 3 yang memberi kuasa kepada Menteri iaitu Menteri boleh menetapkan satu tarikh pemindahan untuk memindahkan semua harta-harta Kerajaan. Ini bermakna harta-harta yang sedia ada pada masa ini boleh dipindah kepada satu syarikat sekali sahaja, dan Rang Undang-undang ini tidak juga mengatakan ada berkuasa untuk melabur ataupun memecahkan hak-hak atau liabiliti Kerajaan itu.

Sebelum saya menutup pandangan saya ini, saya tidak nampak sesuatu peruntukan yang mengatakan bahawa Menteri berkenaan berkuasa untuk menetapkan aktiviti-aktiviti syarikat pengganti yang akan mengambil alih hak-hak dan liabiliti-liabiliti Kerajaan. Oleh itu

saya harap apabila Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan, maka Kerajaan akan mengeluarkan arahan untuk memberi aktiviti-aktiviti yang sepatutnya dijalankan oleh syarikat pengganti ini.

Sekian sahaja pandangan saya dan dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang Akta Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti), 1985.

### 6.03 ptg.

**Tuan Haji Abu Bakar bin Lajim:** Tuan Yang diPertua saya bangun memohon izin berucap untuk menyokong Rang Undang-undang Perkhidmatan Telekomunikasi (Syarikat Pengganti) 1985.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat semua tahu sekarang ini semua perkhidmatan telekomunikasi diusahakan oleh Kerajaan melalui Jabatan Telekom Malaysia secara monopoli. Bidang kuasa ini bukan sahaja merangkumi pertubuhan awam tetapi juga ke atas agensi dan institusi Kerajaan yang lain termasuk polis dan tentera. Monopoli ini dapat menjaga hak dan kepentingan Kerajaan. Ketika ini Kerajaan ingin menswastakan beberapa agensi kemudahan awam dan bidang telekomunikasi tidak terlepas dalam usaha tersebut.

Dalam langkah ini, saya menyokong usaha penswastaaan tersebut, tetapi saya syorkan pihak Kerajaan mengambil perhatian bahawa telekomunikasi ialah satu perusahaan di mana kosnya menurun (*declining cost industry*). Bagi menikmati faedah penurunan harga ini, sebuah rangkaian telekomunikasi itu mesti mengandungi bilangan pengguna yang besar (*economy of scale*). Oleh itu adalah diharapkan bahawa penswastaaan telekomunikasi tidak melibatkan pemecahan rangkaian telekomunikasi yang telah dibina dengan perbelanjaan yang besar dan sedang diperkembangkan atau diperpecahan perkhidmatan untuk diberi kepada pihak-pihak tertentu (*privatisation without fragmentation*)

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia adalah di antara beberapa negara seperti Britain, Jepun dan Australia yang sedang menyemak atau meminda Akta Peraturan Perkhidmatan Telekomunikasi sekarang ini. Dalam hal ini pihak

Kerajaan perlu juga mengambil perhatian terhadap beberapa kesan dari langkah penswastan-tersebut- Pertama, memandangkan telekomunikasi ialah kemudahan untuk semua lapisan rakyat, tarif yang dikenakan tidak seharusnya membebankan rakyat dan tidak boleh dinaikkan dengan sewenang-wenangnya. Kerajaan perlu faham bahawa penentuari tarif yang sesuai sangat rumit dan bayaran-bayaran lain hendaklah diambil kira. Contohnya bayaran permulaan seperti cagaran, pembelian saham, pelaburan dan bayaran pemasangan, sewa talian dan peralatan dan bayaran panggilan tempatan, Kadar bayaran panggilan jauh dalam negeri dan luar negeri dan perkara yang serupa mungkin sudah ditimbulkan oleh kawan-kawan saya tadi, tetapi saya ingin membuat emphasis dalam perkara ini lagi. Oleh itu adalah menjadi harapan saya supaya Kerajaan masih dapat menetapkan kepada pihak swasta yang akan mengendalikan bidang telekomunikasi bahawa kajian tarif dapat dilakukan setiap dua atau tiga tahun. Dengan cara ini, kita dapat memastikan bahawa kadar bayaran berasingan dengan harga barang keperluan dan perkhidmatan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha Kerajaan menswastakan bidang telekomunikasi ini, ia juga patut mengambil kira bahawa motif utama sesuatu syarikat pengganti swasta itu adalah keuntungan dari nilai wang. Syarikat tersebut mungkin tidak dapat memberi keutamaan dalam hal-hal yang berkaitan dengan keselamatan rahsia negara, pembangunan pelajaran dan meningkatkan kesedaran terhadap isu-isu penting untuk orang ramai. Oleh itu saya syorkan pihak Kerajaan boleh menetapkan syarat-syarat yang berkaitan dengan perkara-perkara yang baru saya sebutkan tadi ketika menyerahkan bidang telekomunikasi kepada pihak swasta. Kerajaan juga patut boleh mengawal mutu penggunaan alat-alat telekomunikasi. Kawalan ini perlu untuk melindungi pengguna-pengguna dan menjamin management yang tinggi. Janganlah tidak ada kawalan langsung sehinggalah berbagai-bagai jenis mutu rendah alat-alat telekomunikasi dapat dipasarkan kepada para pengguna.

Seperkara lagi ialah pihak Kerajaan hendaklah boleh melibatkan syarikat pengganti swasta

tersebut mengambil berat dan dapat sama menganjurkan dalam usaha Kerajaan menjalankan kempen penyalahgunaan dadah, kempen kebersihan, kempen keselamatan Jalanraya dan sebagainya. Tanggungjawab sosial ini patut disyaratkan juga kepada syarikat pengganti itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya harap syor-syor saya itu dapat diberi perhatian oleh pihak Kerajaan. Dengan ini saya menyokong Rang Undang-undang ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

*6.10ptg.*

**Tuan Haji Abdul Rahim bin Abu Bakar:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab atau membuat reaksi kepada pandangan dan hujah yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, saya awal-awal lagi mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih sekali lagi kerana penyertaan Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membincangkan perkara ini.

Hujah-hujah yang dikemukakan itu semuanya telah saya notakan dan mungkin saya tidak dapat menjawab secara keseluruhannya. Saya mohon izin akan membangkitkan satu dua perkara yang saya kira agak menarik dan selainnya kalau terlalu banyak yang disyorkan dan dicadangkan harus dapat dipertimbangkan dikemudian hari kelak.

Yang pertama yang saya hendak sentuh ialah yang dibangkitkan oleh Dato' K. Kumaran. Keseluruhan ucapannya saya rasa banyak memuji dan memberi tahniah dan akhir-akhirnya supaya dapatlah pertimbangan MAIKA dikira sama dalam pengswastan nanti. Itu terserah kepada Kerajaan nanti sebab masih belum sampai waktunya hendak di kira siapa walaupun MAIKA pada waktu ini.

Tetapi yang menarik dalam ucapannya ialah supaya satu jawatankuasa ditubuhkan dalam segi usaha pengswastan ini untuk mengkaji perkara-perkara yang disebutkan tadi loose end diperkemas semua dari segi proses pengswastan ini.

Yang sebenarnya jawatankuasa khas ini telahpun ditubuhkan dan dianggotai oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan juga Kementerian saya sendiri dalam proses pengswastaan ini. Jawatankuasa ini sedang berjalan dan kebanyakan hasil daripada kajian jawatankuasa ini kita bentangkan di sini. Jawatankuasa ini akan berterusan untuk mengkaji supaya perkara-perkara yang timbul dari segi proses pengswastaan ini, terutama sekali masalah pekerja-pekerja dan option yang diberi nanti dapat diselaraskan dan diselesaikan.

Tetapi perkara yang paling pokok yang dibangkitkan supaya terjagalah hendaknya kepentingan pekerja dalam telekom sekarang, saya telah sebutkan tadi dalam masa pembentangan bahawa apa pun ditawarkan terms dan conditions bagi penawaran itu untuk dipilih oleh pekerja tidak boleh kurang daripada yang mereka nikmati sekarang ini.

Jadi, dengan sendirinya saya kira akan secara umumnya walaupun tidak begitu detail terjaga kepentingan pekerja.

Satu lagi juga disyorkan supaya keterangan diberi kepada semua pekerja-pekerja dan kumpulan telekom ini supaya tidak dimasuki oleh elemen-elemen yang negatif kepada pekerja-pekerja telekom. Sebenarnya sudah bermula semasa persidangan Dewan Rakyat lagi pun sudah mula satu program yang dibuat oleh Menteri saya sendiri menjelajah keseluruh pelusuk negara, di pusat-pusat tertentu bagi memberi keterangan kepada pekerja-pekerja telekom. Kalau tidak silap saya, semalam pun beliau berada di Melaka untuk menerangkan kepada pekerja-pekerja di sekitar Bandar Melaka. Pada 9hb di Sarawak dan kalau tidak silap 16hb ini juga akan ke Sabah untuk menerangkan perkara ini. Ertinya yang disyorkan itu telahpun dijalankan oleh Kementerian saya yang dijalankan sendiri oleh Menteri saya.

Perkara yang dibangkitkan agak menarik dan kadang-kadang saya rasa confused ialah daripada Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani Othman. Berat sedikit hujah yang diberikan Saya sudah notakan semuanya dan saya akan buat reaksi satu dua perkara iaitu beliau awal-awal menyebutkan satu perkataan yang aneh atau unik.

Kerajaan sudah membelanjakan sebanyak \$5.8 billion barulah hendak serah kepada satu syarikat tertentu. Ini tentunya syarikat itu menerima keadaan atau satu entity yang sedia untung. Tetapi, kalau ditengok dari segi itu mungkin juga boleh diterima, tetapi yang harus kita tengok dari segi tanggungjawab atau sikap tanggungjawab Kerajaan kepada rakyat jelata dan pembangunan telekomunikasi di negara ini. Soal kita hendak swasta satu bab soal kita hendak menyediakan kemudahan kepada rakyat, itu satu soal lain pula. Jadi Kerajaan tidak hanya pentingkan satu isu, isu hendak mengswastakan satu, tetapi memberi kemudahan kepada rakyat kita membelanjakan sebanyak \$5.8 billion. Jadi secara kebetulah sahaja proses pengswastaan ini datang. Cara mana pun pokoknya kemudahan asas dikira dapat disampaikan kepada keseluruhan dan semua lapisan rakyat.

Kalau tengok dari segi itu saya rasa tidaklah begitu negatif sebagaimana rasanya kias atau sindir yang diberi oleh Yang Berhormat itu (mungkin tidak menyindir). Dari segi flexibility syarikat atau badan swasta dengan Kerajaan memang diakui kerana satu badan yang lebih kecil yang mempunyai sistem yang tertentu yang lebih bebas dan autonomous dan bertanggungjawab secara langsung kepada Jemaah Pengarah tentulah mempunyai flexibility yang lebih. Dan dalam keadaan perkembangan telekomunikasi ini perkara 'flexibility' amat penting untuk syarikat atau satu badan itu mengejar pembangunan dan menyesuaikan diri dalam keadaan dan masa yang sentiasa berubah.

Sebenarnya walaupun disebut banyak kali, pengswastaan ini ialah dengan tujuan supaya mengurangkan beban tanggungan Kerajaan itu bukan dasar pokok. Tetapi pada keseluruhannya Salah bagi menjaga kepentingan negara dan rakyat.

Kalau dihalusi, sebenarnya akhirnya juga pengguna yang lebih untung. Sebab pengawasaan ini juga bertujuan supaya timbul satu efficiency hasil daripada flexibility. Bila ianya efficient, sebagaimana saya pernah sebut, keuntungan semua pihak akan dapat. Pihak swasta akan dapat untung, pihak pengguna juga akan dapat untung apabila sesuatu itu berjalan dengan efficient, kosnya akan lebih

berkurangan. Dan bila kos kurang beban kepada pengguna akan kurang dan dengan sendirinya sebagai Kerajaan hari ini akan untung kerana mendapatkan satu syarikat yang dapat memberi perkhidmatan yang baik dan murah kepada rakyat jelata.

Dari segi monopoli yang ditakuti, Yang Berhormat mencadangkan supaya market forces, dengan izin, berfungsi supaya menentukan harga dan bayaran yang ditentukan oleh syarikat itu. Tetapi mengikut kajian kami setakat hari ini kita hanya ada lebih kurang 900,000 pelanggan sahaja dan dari segi network yang kita jalankan sebegitu rupa, dari segi technicalnya, untuk menjalankan fragmentation tidak begitu mudah.

Kedua, dari segi jumlah pelanggan yang ada di negara yang kecil sebegini, kita rasa tidak ada economy of scale dan akan menimbulkan kos yang tinggi kalau dipecah-pecahkan kepada syarikat yang banyak. Lagi pun kalau dikirakan contoh satu negeri yang baru menswastakan telekomnya, iaitu United Kingdom juga diswastakan kepada satu syarikat sahaja pada waktu inL Itu pun saya rasa dari segi jumlah pelanggan-pelanggannya lebih banyak, barang kali 3-4 kali ganda daripada kita dapat waktu ini. Walaupun saya akui kalau ada competition atau persaingan, market forces akan menentukan harga dan bayaran atau dapat mengurangkan beban kepada pengguna tetapi keadaan kita akan lebih disadvantage kepada pengguna sendiri kalau dipecah-pecahkan kerana kita tidak mempunyai base pasaran yang besar.

Satu lagi, juga ditakuti, bahawa sebagai satu syarikat tentunya akan menumpukan pusat-pusat untung (profit centre) sahaja di mana ada aktiviti yang memberi untung di situlah akan ditumpukan. Saya kira perkara ini tidak begitu tepat sebab banyak syarikat-syarikat kita yang tidak pun diserahkan oleh Kerajaan menjalankan social activities sekarang ini untuk membangunkan sama negara kita ini kerana negara yang membangun, rakyat yang maju juga akan memberi keuntungan, memberikan activities kepada keseluruhannya secara tida langsung walaupun tidak secara langsung.

Jadi saya kira tambah lagilah syarikat ini asal daripada Kerajaan dan kita tentulah meletakkan filosofi yang tertentu, asas-asas dan dasar-dasar tertentu supaya ada subsidi silang sebagai satu filosofi syarikat ini. Dan kita mesti faham juga sebagaimana yang saya terangkan tadi 2-3 tahun atau 4-5 tahun awal-awal ini, syarikat ini akan dipunyai oleh Kerajaan 100% dan tentulah ada berkemungkinan dan ada peluang Kerajaan meletakkan Filosofi khususnya filosofi subsidi silang ini sebagai satu filosofi yang dilandaskan secara konkrit oleh syarikat ini untuk masa-masa depannya kerana filosofi yang berasaskan social element ini tentu juga akan memberi keuntungan secara tidak langsung atau iangsung kepada syarikat ini di akhir-akhir nanti.

Saya rasa hujah yang saya sebutkan juga terangkum tentang apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan kekuasaan atau tahap mana kawalselia harus diadakan sebab saya kirakan tadi tidak ada competition, kita akan beri kepada satu syarikat buat permulaan, setakat hari ini hanya satu syarikat sahaja akan diserahkan.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu yang dapat saya buat reaksi kepada Yang Berhormat Tuan Abdul Ghani, tetapi kepada Yang Berhormat Lt. Kol.(B) Abdul Hamid Ibrahim juga menyebutkan tentang monopoli dan persaingan — itu sudah saya terangkan. Tetapi satu soalan yang disebutkan, adakah syarikat ini punya kuasa untuk menjalankan perniagaan dalam segi joint-venture dan perjanjian lain. Saya kira apabila telekom sudah merupakan satu syarikat tentunya dikongkong oleh undang-undang syarikat dan peraturan syarikat sendiri akan dapat bergerak sebagai syarikat-syarikat lain juga. Tetapi setakat hari ini, buat permulaannya oleh kerana Kerajaan mempunyai 100% sahamnya, tentulah dikawal oleh Kerajaan. Namun syarikat boleh bergerak kalau dibenarkan oleh jumaah pengarahnya atau pemegang sahamnya sebagaimana syarikat lain-lainjuga.

Untuk Menteri menetapkan aktiviti-aktiviti syarikat ini, saya rasa tidak kena pada tempatnya, kalau begitu ertinya tidak payah kita swastakan. Sebenarnya bila sudah diswastakan aktiviti-aktiviti syarikat itu termasuk filosofi businessnya, juga akan ditentukan oleh jumaah

pengarahnya yang sudah tentu, akan dinamakan oleh tuannya iaitu Kerajaan sendiri buat permulaan ini. Jadi, tidak kenalah kalau Menteri akan menentukan aktiviti-aktiviti syarikat ini, kalau itu perginya sebagaimana yang saya katakan tadi perginya juga macam department yang ada sekarang ini, tidak timbullah kesan atau keuntungan penswastaaan atau proses penswastaaan yang kita hajatkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Lajim mengemukakan banyak syor-syor dan satu dua pandangannya iaitu privatisation not tantamounting to fragmentation, dengan izin, yang disebutkan itu, saya rasa tak payah saya komen sebab itu agak selari dengan hujah saya awai-awal tadi. Saya rasa Yang Berhormat Tuan Abu Bakar bin Lajim barangkali faham keadaan sistem dan rangkaian telekom dan jumlah pelanggan yang kita ada, sebab itu dia tolong saya daripada awal-awal ucapannya supaya tidak payah kita fragmentkan atau dibanyak-banyakkan syarikat, hanya memadai dengan privatisation kepada satu syarikat sahaja. Terima kasih.

Mengenai kajian tarif akan dipertimbangkan sama ada jumlah 2 tahun, 3 tahun sekali atau tidak itu akan dipertimbangkan. Walaupun pada waktu ini tidak ditetapkan period atau jangka masanya, tetapi mungkin akan ditetapkan di kemudian hari. Yang Berhormat juga sekali lagi membangkitkan tentang keselamatan dan jua cara-cara lain bagaimana Kerajaan dan masyarakat seluruhnya dapat dipasttikan. Ini hanya saya dapat mengulangi apa yang saya terangkan tadi.

Mengikut kajian kami apa provision yang telah diberi dan terdapat daripada Akta Telekom 1950 itu dengan Fasal-fasal 7 dan seterusnya yang saya sebut awal-awal tadi sudah kita yakin, cukup bagi kita sebagai satu tool, satu alat untuk kawalselia, menentukan serta memastikan atau mengurangkan dan menghapuskan kesangsian Kerajaan atau kita semua terhadapnya.

Satu sahaja yang disebutkan sebagai satu keterangan yang ditakutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tentang alat-alat telekomunikasi ini janganlah hendaknya dipasarkan senewang-wenang sahaja supaya kepentingan pengguna dapat terjaga. Sebenarnya sudah

lama Kerajaan kita ini mempunyai satu sistem, tiap-tiap alat yang hendak dibawa di sini mesti ada satu kelulusan oleh Jabatan berkehaan, kalau berkaitan dengan Jabatan Telekom, telefonlah, dipanggil dengan izin, type approval. Apa pun alat yang di bawa ke sini mesti diluluskan oleh Jabatan berkenaan, kalau Jabatan Telekom, Jabatan Telekomlah dahulu supaya typenya diapproved. Sesudah typenya diapproved, barulah boleh dipasarkan di sini. Dengan cara begitu kita rasa kita dapat kawal dari segi mutu dan kepentingan pengguna sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, setakat itu saya dapat memberi reaksi dan sekali lagi saya mengakhiri dengan terima kasih dan saya juga merasa sukacita kerana sama-sama kita menjaga dan merasa concerned tentang kepentingan rakyat dan negara kita dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengemsikan Jawatankuasd*)

*Fasal 1 hingga 9* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**RANG UNDANG-UNDANG  
PENCEN (PINDAAN)**

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

6.30ptg.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed):** Tuan Yang di-Pertua, saya Tnohon mencadangkan supaya Akta Pencen (Pindaan) 1985 dibaca bagi kali yang kedua.

Seksyen 12A Akta ibu iaitu Akta Pencen, 1980 adalah dicadangkan dipinda bagi memperluaskan pemakaiannya, bukan sahaja bagi pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung ataupun tidak langsung, tetapi juga bagi membolehkan pegawai tetap bersara atas sebab penswastaaan.

Seksyen 12A Akta Pencen, 1980 membolehkan seseorang pegawai berpencen dalam perkhidmatan awam yang belum meningkat umur 50 tahun dibersarakan untuk berkhidmat dalam pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan Persekutuan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan atau mana-mana pertubuhan antarabangsa di mana Malaysia menjadi anggotanya, dengan syarat perlantikan itu dibuat oleh/atau dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan.

Dalam hal persaraan ini, pencen dan ganjaran adalah dihitung berdasarkan tempoh perkhidmatan dan gaji yang diterima sebelum meninggalkan perkhidmatannya, akan tetapi faedah persaraan ini akan ditangguhkan bayarannya sehingga pegawai berkenaan mencapai umur 50 tahun. Sekiranya berlaku kematian sebelum mencapai umur 50 tahun, pegawai itu akan dianggap seolah-olah telah mati dalam perkhidmatan awam dan tanggungannya layak diberi faedah kematian berkuatkuasa sehari selepas kematian.

Tuan Yang di-Pertua, kepentingan Kerajaan yang dimaksudkan dalam Seksyen 12A telah ditetapkan sebagai kepentingan yang nyata dan secara langsung. Oleh itu, peruntukan yang ada sekarang adalah terlalu sempit dalam pemakaiannya. Ianya tidak boleh dipakai bagi

perlantikan untuk berkhidmat dengan mana-mana pertubuhan perniagaan di mana Kerajaan mempunyai kepentingan secara tidak langsung iaitu menerusi badan-badan yang ditubuhkan sendiri.

Dalam membuat pindaan kepada Seksyen 12A, ungkapan yang berbunyi: dalam mana Kerajaan atau mana-mana Kerajaan Negeri mempunyai kepentingan adalah dikeluarkan. Perkataan perniagaan selepas perkataan pertubuhan juga dikeluarkan, supaya persaraan tidak diadakan hanya kepada pertubuhan perniagaan selain daripada pertubuhan antarabangsa sepertimana yang terdapat sekarang. Dengan ini persaraan boleh dilakukan apabila seseorang pegawai yang sedang berkhidmat diperlukan oleh pertubuhan lain seperti Universiti Islam Antarabangsa.

Dengan memperluaskan pemakaian Seksyen ini, saya suka menegaskan bahawa mana-mana pihak tidak perlu bimbang ke atas kemungkinan menyalahgunakan peruntukan ini bagi membersarakan seseorang pegawai untuk berkhidmat dalam mana-mana pertubuhan kerana kawalan rapi akan dibuat dan hanya pegawai yang dilantik oleh/atau dilantik dengan kelulusan Kerajaan Persekutuan sahaja boleh dibersarakan.

Tuan Yang di-Pertua, berikutan dengan pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 12A, beberapa pindaan lagi adalah dicadangkan bagi membolehkan faedah persaraan dibayar kepada pegawai tetap yang disarakan atas sebab penswastaaan. Pindaan-pindaan yang dicadangkan adalah seperti berikut:-

(a) Kelayakan Kaedah Persaraan

Dengan pindaan kepada Seksyen 12A, adalah dicadangkan pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum diberi taraf berpencen yang dibersarakan atas sebab penswastaaan disifatkan sebagai pegawai berpencen. Dalam hal ini mereka layak untuk menerima pencen sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir yang diterima, sepertimana yang diperuntukkan sekarang bagi pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan yang dikehendaki bersara atas sebab kesihatan, ataupun kepada

tanggungan pegawai yang mati dalam perkhidmatan sebelum diberi taraf berpencen.

(b) Syarat-syarat Pembayaran

Seseorang pegawai yang telah dibersarakan di bawah Seksyen 12A hendaklah berkhidmat dalam pertubuhan atau anak syarikatnya bagi tempoh sekurang-kurangnya 5 tahun ataupun sehingga meningkat umur persaraan pilihan sendiri iaitu 45 tahun bagi pegawai wanita dan 50 tahun bagi pegawai lelaki. Syarat ini dicadangkan untuk memastikan bahawa pegawai berkenaan akan menyumbangkan perkhidmatannya "dengan pertubuhan berkenaan dan persaraan di bawah Seksyen ini tidak pula digunakan sebagai cara keluar dari perkhidmatan awam tanpa menggugurkan kelayakan kepada faedah persaraan.

Syarat untuk berkhidmat selama 5 tahun telahpun ditetapkan bagi pegawai yang dibersarakan demi kepentingan negara. Walau bagaimanapun, bagi seseorang yang mana perkhidmatannya ditamatkan oleh pertubuhan atas sebab kesihatan, ataupun oleh syarikat swasta atas langkah mengurangkan perbelanjaan, adalah dicadangkan supaya bayaran faedah persaraan diuruskan kepadanya walaupun masih belum meningkat umur persaraan pilihan sendiri. Ini disebabkan penamatan perkhidmatan bukanlah merupakan kehendak diri sendiri tetapi oleh sebab kesihatannya ataupun atas kehendak syarikat dalam keadaan yang tertentu.

(c) Faedah Persaraan

Pencen dan ganjaran adalah dikira berdasarkan kepada tempoh perkhidmatan dalam perkhidmatan awam dan gaji akhir yang diterima. Dalam usaha meminda Seksyen 12A persoalan yang timbul ialah mengenai tempoh perkhidmatan dan gaji akhir seseorang pegawai yang akan diambil kira

bagi maksud faedah pencen dan ganjaran. Pada hakikatnya, apabila seseorang pegawai disarankan, tarafnya sebagai seorang pegawai perkhidmatan awam adalah terputus. Walau bagaimanapun, bagi mereka yang bersara atas sebab penswastaan dan menerima gaji dan terma serta syarat-syarat perkhidmatan awam tidak melebihi 2 tahun yang ditawarkan itu, adalah dicadangkan tempoh itu boleh diambil kira.

Dalam pada itu, adalah juga dicadangkan supaya gaji akhir bagi mereka yang akan dipakai bagi perkiraan faedah persaraan, hendaklah berdasarkan gaji akhir di syarikat swasta sebelum diberi tanggagaji perkhidmatan swasta. Oleh itu, tafsiran gaji akhir dan tempoh perkhidmatan yang boleh diambil kira hendaklah diubahsuai. Bagi menampung kos pencen seseorang pegawai semasa berkhidmat dengan pihak swasta berkenaan di mana tempoh itu akan diambil kira, syarikat berkenaan adalah dikehendaki mencarum sebanyak 17½% daripada gajinya kepada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, pindaan yang serupa kepada Seksyen 13 dan seksyen-seksyen yang berikut Akta Pencen (Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan) 1980 telahpun dibentang dan diluluskan oleh Parlimen dalam persidangannya yang berlangsung pada bulan April yang lalu. Kali ini pindaan adalah dicadangkan kepada Seksyen 12A Akta Pencen, 1980 yang khusus dipakai bagi Perkhidmatan Awam. Saya suka mengulangi bahawa pindaan yang dicadangkan kepada Seksyen 12A ini bagi memperluaskan pemakaiannya kepada sebarang organisasi tidak kira sama ada Kerajaan mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung.

Pindaan-pindaan lain yang dicadangkan ialah bagi membolehkan seseorang pegawai tetap yang telah disahkan dalam jawatan tetapi belum diberi taraf berpencen layak menerima faedah pencen sekurang-kurangnya 1/5 daripada gaji akhir yang diterima apabila disarankan atas sebab penswastaan.

Bagi tujuan perkiraan faedah persaraan, tempoh perkhidmatan yang akan diambil kira hendaklah termasuk tempoh perkhidmatan di syarikat swasta semasa pegawai berkenaan menerima gaji dan terma serta syarat-syarat Perkhidmatan Awam, manakala gaji akhir yang dipakai hendaklah berdasarkan gaji akhir yang diterima sebelum ditawarkan tanggungjawab swasta. Faedah persaraan yang dilayakki itu akan dibekukan bayarannya sehingga seseorang pegawai tetap yang disarakan atas sebab penswastaan mencapai umur 45 tahun bagi pegawai wanita dan 50 tahun bagi pegawai laki-laki. Walau bagaimanapun, dalam keadaan di mana perkhidmatannya ditamatkan atas sebab kesihatan ataupun atas sebab pengurangan perbelanjaan oleh syarikat swasta dalam keadaan yang tertentu, faedah persaraannya adalah dicadangkan dibayar sungguhpun pegawai berkenaan belum meningkat umur persaraan pilihan sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencahkan.

**Menteri Kehakiman dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr. James P. Ongkili):** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pencen, 1980 dibacakan kali kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas. Dipersilakan.

6.39 ptg.

**Puan Hajjah Azizah binti Mohd. Said:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Akta Pencen ini dengan membawa sedikit hujah, iaitu yang pertama, saya menyokong Akta Pencen ini tetapi saya kurang berpuas hati dengan cara yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan kepada balu-balu bekas tentera dan polis yang kebanyakannya balu-balu yang menerima pencen dari kedua-dua anggota Pasukan Keselamatan ini disebabkan suami-suami mereka mati terkorban bagi mempertahankan negara. Kebanyakannya balu-balu tadi masih muda remaja

dan masih mempunyai keinginan sebagai seorang manusia biasa, sementara pula balu tadi ada 2 atau 3 orang anak.

Yang malangnya kepada balu-balu tadi, jika mereka ini berkahwin lagi pencen balu tadi hilang. Inilah yang menyebabkan si balu tadi mengambil keputusan tidak mahu berkahwin lagi, tetapi kalau pihak Kerajaan terus memberi pencen balu tersebut bolehlah si balu tadi berkahwin lagi bagi menyambung zuriatnya. Ini sesuaiilah sebagaimana yang disarankan oleh Perdana Menteri kita hendak menjadikan penduduk negara ini sampai ke matlamat 70 juta orang pada tahun 2,000 yang akan datang nanti dan akan ramailah pula lelaki yang ingin melamar balu tadi kerana balu tersebut ada pencen yang boleh mengukuhkan kedudukan ekonomi rumahtangga mereka yang baru, jadi tidaklah si balu tadi apabila berkahwin lain maka hilanglah pencen tadi.

Apabila nasib yang malang pula menimpa, misalnya perkara yang kita tidak ketahui si balu tadi akan kehilangan suaminya sekali lagi sama ada bercerai hidup atau mati, tetapi bila mana penceraian ini berlaku, balu ini tadi tidak dapat apa-apa untuk sara hidup. Maka si balu tadi bagi menampung hidupnya terpaksa bekerja di kilang-kilang dengan pendapatan yang tidak berapa sen.

Sebagaimana yang kita ketahui kilang-kilang yang banyak di negara kita ialah kilang-kilang elektronik yang banyak menggunakan tenaga mata tetapi pendapatannya apa yang saya katakan tadi tidak seberapa. Oleh kerana mereka ini hendak meneruskan hidupnya terpaksa bekerja dan lama-kelamaan mata si balu tadi rosak dan tidak nampak. Bila mata beliau tidak nampak lagi siapa pun tidak sudi menerima untuk bekerja dan tidak ingin menjadikan isteri. Peristiwa ini memang ada berlaku seperti yang dijadikan cerita-cerita drama di radio dan di televisyen. Benar ini berlaku dan telah dapat saya lihat di mana-mana iaitu di kampung-kampung terpencil dan kampung yang berhampiran dengan tempat tinggal saya. Alangkah malangnya nasib seseorang wanita di bumi merdeka Malaysia yang sedang menuju ke arah negara-negara membangun di rantau Asia dan di dunia ini. Ini tidaklah termasuk



nasib ataupun wanita-wanita yang telah memilih jalan syirik yang terjerumus di lembah-lembah kehinaan.

Akhirnya, saya berharap Kerajaan hendaklah mengkaji semula Akta bagi pencen balu-balu tersebut supaya dapat pembelaan yang sewajarnya.

Itulah sahaja ucapan saya yang ringkas dan pendek kerana saya orang baru, saya tak dapat hendak mengulas lebih panjang, jadi saya harap pihak Kementerian yang berkenaan akan mengambil berat tentang perkara ini dan dengan ini saya menyokong Akta ini diluluskan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di Pertua:** Tidak ada yang hendak bercakap lagi? Saya persilakan Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.43 ptg.

**Puan Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohammed:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan banyak terima kasih di atas kerjasama dan perhatian Yang Berhormat Puan Hajjah Azizah terhadap pencen dan kebajikan khususnya pada wanita.

Mengikut peruntukan dalam Akta Pencen sekarang ialah seseorang balu yang berkahwin semula adalah hilang pencennya tetapi pencen balu yang berkenaan akan dipindah kepada anak-anaknya yang masih di bawah umur 21 tahun. Jadi, peruntukan ini adalah sama — balu, duda adalah sama. Si duda itupun kalau dia berkahwin lain, diapun tak dapat hak pencen bekas isterinya. Begitu juga janda ataupun balu tadi kalau dia berkahwin lain maka putuslah bayaran ataupun habuan pencennya tetapi sekiranya kedua-dua pihak ini ada anak maka bayaran pencen itu akan diteruskan sehingga anak itu berumur 21 tahun ataupun sehingga

mendapat ijazah pertama daripada mana-mana universiti. Begitulah adilnya pihak Kerajaan kita menjalankan "kewajipannya". Jadi, Akta yang kita bentangkan pada petang ini ialah khusus berkenaan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang akan berpindah kepada swasta.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, saya akan ambil ingatan di atas apa-apa pandangan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang-Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*)

*Fasal 1 hingga 7* diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan kepada suatu tarikh yang tidak ditetapkan.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.47 petang.*